

TERIMA KASEH DAN MINTA' MA'AF

Pengarang dan Penerbit menguchapkan terima kaseh kapada pehak2 yang memberi izin di-gunakan gambar2 dan sumbar2 bagi penulisan risalah ini dan memintak maaf jika ada sa-suatu yang kurang tertib dalam perkara itu .

Kami terhutang budi kapada sumber2 lebeh banyak daripada pergantongan kami kapada penulisan .

Semoga semua itu memberi faedah kapada semua pehak dalam usaha menyadarkan Bangsa kita .

Kandungan

1. Persembahan Pengarang	4
2. Gayong Bersambut	6
3. Gambaran Y. T. M. Tungku Abdul Rahman terhadap Peristiwa 13 Mei, 1969	...		9
4. Ramalan Inche' Abbul Rahman Talib			15
5. Y. T. M. Tungku Abdul Rahman dengan Peristiwa 13 Mei, dalam Buku-nya "sa- belum dan sa-lepas 13 Mei"	21
6. Uchapan Amanat Hari Raya Puasa, 1968 oleh Y. B. Tun Abdul Razak	29
7. Pendapat Tun Dr. Ismail mengenai Peristiwa 13 Mei, 1969	41
8. Orang2 Melayu dalam 5 buah negeri	...		50
9. Jumlah Penduduk Malaysia pada akhir 31. 12. 1966	54
10. Anggaran Jumlah Warga Negara Malaysia			59
11. Tun Dr. Ismail dengan "Hak istimiwa orang Melayu"	61
12. Pandangan Y. B. Tun Tan Siew Sin terhadap "Peristiwa 13 Mei"	66
13. Rupa Bangsa di-Malaysia	77
14. Siapa-kah "Bumiputra"	87
15. Pendapat Y. B. Tan Sri Ghazali Shafie mengenai "Konsep Politik Bumiputra"			114
16. Islam sebagai Ugama Rasmi Malaysia			131

17.	<i>Manifesto Parti Perikatan, 1969 berkenaan Ugama</i>	132
18.	<i>Ugama dan Politik dalam Dewan Raayat (1964 —1969)</i>	133
19.	<i>Tidak kekal bunga di-karang</i>	140
20.	<i>Kenangan Cheramah Abu Bakar Hamzah di-University Malaya, dalam bulan June, 1966</i>	142
21.	<i>Arus kebangkitan Umat Islam</i>	149
22.	<i>Kesan2 Burok</i>	156
23.	<i>Bahaya Fahan Kominis</i>	164
24.	<i>Uchaprn Tan Sri Ghazoli Shafie dalam Radio dan Televisin Julai, 1969 . - Konsep Politik</i>	168
25.	<i>Ideoloji Negara dalam Dewan Raayat(1964 - 1969)</i>	180
26.	<i>Ketuhanan Maha Isa</i>	188
27.	<i>Islam sebagai peratoran hidup</i>	190
28.	<i>Budi dan Akhlak Masharakat Malaysia</i>	203
29.	<i>Menuju Ekonomi Baru</i>	214
30.	<i>Persaudaran Mutlak</i>	237

ILHAM 13 MEI



TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH
(Bekas Ahli Dewan Raayat Bachok)

ILHAM 13 MEI

8

(B)
l
e
h

TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH

(Bekas Ahli Dewan Raayat Bachok)

DI-TERBITKAN OLEH:
/M. 006562
ISMAIL ENTERPRISE KELANTAN.

Di-cetak oleh: FERNERIT BINTANG EMAS 4591, Jalan Pasir Putih,
Kota Bharu, Kelantan.

Chetakan Pertama

Januari, 1970.


(HAK PENGARANG TERPELIHARA)

U.S.A.

Harga: \$3.00

ISMAIL ENTERPRISE
4591, Jalan Pasir Puteh,
Kota Bharu,
Kelantan.

KATA PENGANTAR



PERSEMBAHAN-KU

Dengan nama Allah, Maha Pemorah lagi Pe-nyayang, serta selawat atas Nabi Mohamad, Rasul Feri Kemanusiaan dan Keharmonian, saya persem-bahkan risalah "Ilham 13 Mei" yang serba sederha-na ini kepada seluruh raayat yang chintakan keama-nan dan ketenteraman .

"Adat bernegeri memagar negeri, adat ber-kampung memagar kampung". Benar-lah bahawa "Mengusut murah, menyelesaikan susah" tetapi saya yakin "Tak ada kusut yang tidak selesai dan tak ada keroh yang tidak jernih". Akal tak sa-kali datang, runding tak sa-kali tiba, kusut di-ujung lari ku-pangkal. "Burok di-buang dengan rudingan, baik di-tarik dengan maupakat". Saya berdo'a agar jan-gan "Bala lalu-di-bawa singgah", dan samoga segala keputusan serta tindakan kita sa-lepas "13 mei" akan bertambah waras dan tidak sa-perti "Cherdik elang, bingung sekikih lanun murai terkechoh juu".

Abu Bakar Hamzah.

*Nilam Puri - Kelantan.
13hb. December, 1969.*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْجَرَّ بِمَا كَسْبَتْ
أَيْدِي النَّاسِ لِيَذَّكِّرُهُمْ بِعِصْمَانِ الَّذِي عَمِلُوا
لَهُمْ يَرْجِعُونَ - الرُّومُ) .

Surah Al-Rum - 30: 41 .

Erti-nya:

(Telah lahir kerosakan di-bumi !dan laut akibat usaha yang di-buat oleh tangan2 manusia, yang akhir-nya, Allah rasakan kapada mereka sa-bahagian yang mereka telah kerjakan, supaya [mereka kembali) .

GAYONG BERSAMBUT - KATA BERJAWAB IKAN TERKILAT - JALA TIBA

Hari Sabtu 5hb. April, 1969 bersama'an dengan 18hb. Muharram, 1389 telah menandakan titik permula'an suatu zaman baharu bagi sejarah negeri ini. Hari itu-lah hari penama'an chalon bagi Pilehanraya Kebangsaan yang akan di-hakimkan oleh ra'ayat pada hari Sabtu 10hb. Mei, 1969 bersama'an dengan 23hb. Safar, 1389; ia-itu 45 hari kemudian-nya. Ra'ayat menunggu keputusan pilehanraya itu dengan penoh harapan tetapi dengan hati yang berdebar sambil bertungkus lumsu pagi dan petang, siang dan malam, ka-hujan dan ka-panas untuk menjayakan chalun2 yang mereka yakin sanggop membela ra'ayat jelata .

Kegiatan kempen semakin ranchak. Apa-lah yang di-gadokkan: Pengavuh sama di-tangan, perahu sama di-ayer; te-pok-lah dada, tanya selira. Ra'ayat kelihatan mabuk dengan janji sa-buah negara yang ma'mur: "Laut madu berpantaikan gu-la; nak ayer panchor ter-bit; nak ulam puchuk menjulai". Siang dan malam bersilih ganti, hari 10hb. Mei samakin ham-pir .

Pajar menyinsing, ayam berkukuk, murai di-dahan mula berkicau, suria memanchar membawa berita lahir-nya Sabtu 10hb. Mei, 1969-hari ra'ayat menjadi






hakim. Kertas undi di-bawa kabilek yang sunyi, tidak siapa pun yang mengetahui pilehan sa-sorang melainkan Allah jua. Ra'ayat bebas memilih; dan "bagaimana di-tanam begitu-lah dituai". Terdorong kaki badan merasa, terdorong lidah emas padah-nya §

Ka-esokan hari-nya - hari Ahad 11hb. Mei, 1969, semua keputusan sudah pun selesai di-hebahkan ka-seluroh pelosok negeri. Ramai-lah orang yang ber-gembira dan tidak kurang pula yang bersedih. Ada yang mabok dengan kemenangan saperti berok dapat changgong; ada yang ber-

shukur tetapi merasa gerun terhadap amanah yang akan di-pikul-nya selama lima tahun ka-hadapan; ada yang terkatung-katung laksana perahu patah kemudi; dan banyak juga yang muram menyumpah diri: "Takutkan hantu terpeluk bangkai"; "niat hati getah bayan - sudah tergetah burong serindit". Apa-lah yang gundahkan lagi; ra'ayat yang memilih maka ra'ayat-lah yang menerima habuan-nya; dan alangkah kechiwa-nya mereka yang "menggantong asap - mengukir langit" bersama-sama dengan orang2 yang chuba menchari umbut di-dalam batu. Segala2-nya sudah selesai dengan aman: "Api padam, putung hanyut, kami tidak di-situ lagi".

Gagal-lah para wali dan sami meramalkan nasib negeri ini. Tiga hari selepas ra'ayat menjadi hakim, tiba-tiba meletus-lah "Peristiwa 13 Mei" yang amat mengerikan. Peristiwa yang terkutuk itu memunchak salama kira-kira2 sa-minggu dan berakhir dengan luppenya bulan June, 1969. Memang-lah satu-satu perubahan itu memakan kurban; dan Peristiwa 13 Mei, 1969 juga telah meragut jiwa kira-kira sa-ramai 196 orang dan menchederakan pula tidak kurang dari 449 orang *



May 13th In Kuala Lumpur. Above, Overturned motor-cars on fire in Jalan Raja Muda, where the riots began.

Below, Gutted shop-houses in Jalan Campbell.

Peristiwa "13 Mei" sunggoh dahshat dan mempunyai kesan yang amat mendalam sampai ka-tulang hitam. Memang benar-lah seperti yang di-gambarkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri dalam Buku-nya "Sabelum dan Salepas 13 Mei":

"Kita tidak sangka bahawa impian kita untuk terus mencapai kejayaan telah berkehil pada 13hb. Mei, tahun ini dalam bentuk rusuhan kaum di-bandar Kuala Lumpur yang aman ini, ia-itu suatu pergaduhan dan kekacauan yang tidak pernah berlaku sa-umpama-nya dalam sejarah negeri ini .

Banyak orang yang telah terperangkap di-tengah2 kekacauan dan rusuhan yang ngeri dan dahshat itu, terutama-nya mereka yang ada di-panggong2 wayang, di-kelab2, di- kedai2 makan dan tempat2 hiburan yang lain. Orang2 lelaki, perempuan dan kanak2 dari semua kaum terpaksa menchari perlindungan untuk menyelamatkan diri mereka sa-berapa yang boleh .

Banyak orang yang telah terbunuh, dan beratus2 pula yang telah terchedra. Rumah2 telah di-bakar, harita benda di-musnahkan, kenderaan2 di-jahnamkan. Seluruh bandar ibu kota yang biasa-nya sebok tetapi aman telah berada dalam kehemasan. Perbuatan2 kejam yang berleluasa seperti itu tidak pernah berlaku di-masa dahulu dalam Negeri ini di-mana penduduk2 dari berbagai2 kaum telah menekmati keamanan dan ketenteraman dari zaman berzaman .

Perasaan takut dan terkejut telah meresap ke-dalam hati sanubari seluroh penduduk Negeri ini, sa-hingga kita maseh merasa menggeletar sa-tiap kali kita teringatkan kejadian yang dahshat itu. Dari segi kedudukan alam, Malaysia tidak terletak dalam lengkongan gempa bumi, tetapi 13 Mei, 1969, nyata-lah merupakan satu letusan gempa masharakat dan politik yang amat mengerikan".

Demikianlah gambaran yang di-berikan oleh sa-orang Perdana Menteri yang mempunyai banyak pengalaman hidup-di-dunia dan yang telah sempat menyaksikan dalam umur hidup-nya berbagai kejadian dan dugaan di-tanah ayer sendiri .



May 13th in Kuala Lumpur. Shop-houses going up in fire in Kampong Pandan.

Khusus bagi Kuala Lumpur, ibu kota Negara Malaysia. Tengku Perdana Menteri menggambarkan dalam buku-nya di-muka 160 :-

"Kuala Lumpur telah menjana di-suatu bandar yang terang dengan api kebakaran2 dan dapat di-lihat dengan jelas dari rumah saya yang terletak di-atas bukit. Ini-lah suatu pandangan yang sangat menyedehkan dan saya tidak sangka saya akan menyaksikan kejadian yang seperti itu samasa hayat saya. Api yang menjilat bangunan itu telah menghanguskan segala usaha2 saya dalam beberapa tahun yang lepas untuk menjadikan Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang bahagia dan aman, dan juga menghancurkan impian saya hendak menjadi Perdana Menteri yang sa-habis2 bahagia sa-kali di-dalam dunia .

Ketika saya memerhati api yang menjulang tinggi itu terbayang-lah di-mata saya kejadian2 dahsyat yang sedang berlaku di-malam yang mengerikan itu, dan terkenang-lah saya kapada peristiwa2 yang lepas yang menyebabkan timbul-nya malapetaka itu. Di-kala itu, juga saya sedar dan insaf bahawa jika hendak difahami sebab2 kenapa boleh terchetus peristiwa yang buruk itu, maka perlu-lah di-kaji satu persatu kejadian2 yang telah lepas" .

Di-kala api menjulang tinggi mengelubungi bandar Kuala Lumpur itu, Tengku Perdana Menteri telah terkenangkan berbagai punca dan sebab musabbab maka meletus-nya peristiwa yang mengerikan itu; dan pada ketika itu pula-lah anak saya Nasimah telah terperangkap di-asrama "Tapis" (Taman Pendidikan Islam) di-Kampong Pandan. Tuhan Maha Kuasa, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, anak saya telah diselamatkan bersama beberapa orang pelajar oleh Enche Ghani bin Ismail, sa-orang pegawai di-Television Malaysia .

Bagi saya sendiri, apa yang sangat mustahak dimengertikan ia-lah punca dan sebab musabbab yang mendorongkan meletus-nya "Peristiwa 13 Mei" tersebut, supaya dengan demikian dapat-lah kita bersama-sama menolong Kerajaan memulehkan keadaan dan

mengembalikan sa-mula keamanan di-negeri ini. Tengku Abdul Rahman Putra, satelah memikir dengan sa-dalam2-nya, telah membuat dua kesimpulan yang amat penting. Di-muka 93 dalam buku-nya, Tungku Perdana Menteri berkata : -

"Dari peristiwa2 yang berlaku pada malam itu, maka jelas-lah bahawa pemimpin2 Gerakan tidak lagi dapat mengawal perasaan pengikut2 mereka, bahkan mereka sendiri telah terheret sama. Mereka-lah yang bertanggong-jawab menghidupkan persaan itu".

Sa-terus-nya di-muka 117 - 118 pula, Tungku menegaskan: "Kita semua mesti-lah sedar bahawa krisis kebangsaan ini telah timbul dari pertelengkahan kaum, satu keadaan yang lebeh buruk dari keganasan Kominis, sebab kejadian ini boleh menjahnamkan seluruh asas negara dan boleh menumbangkan ketegohan negeri ini kira-nya keadaan itu tidak di-atasi dengan chepat dan berkesan. Kita tidak boleh membuang masa lagi untuk bertindak".

Miskipun banyak lagi faktor2 yang telah di-sebutkan oleh Tungku Perdana Menteri mengenai "Peristiwa 13 Mei" itu, tetapi semua-nya itu dapat di-kumpulkan ka-dalam tiga perkara yang amat berguna untuk di-jadikan panduan dalam usaha kita mengembalikan keamanan di-negara yang kita kasehi ini : -

- a) Fahaman Kominis yang mengguda sa-ku-rang2-nya sa-suku dari orang2 China di-negeri ini .
- b) Perarakan Kemenangan Parti Gerakan serta DAP hari Isnin, 12hb. Mei, 1969 sa-belah malam-nya itu-lah sebab musabbab sachara langsung bagi meletus-nya Peristiwa 13hb. Mei, 1969; dan
- c) Faham perkauman yang masih-tebal di-ka-langan masyarakat negara kita .

Saya telah membaca buku karangan Tungku Abdul Rahman Perdana Menteri "Sebelum dan Sesudah 13 Mei" dan juga laporan "Trejidi 13 Mei" yang

di-terbitkan oleh Majlis Geraka Negara yang kebetulan pula Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein menjadi Pengarah-nya. Dari buku dan laporan tersebut orang akan berpeluang mengetahui berbagai cherita, kisah, pendapat dan pandangan yang patut di-jadikan asas berfikir dalam menolong Kerajaan mengembalikan keamanan, keadilan dan kebenaran di-negeri ini .

Bagi saya, sebab yang menimbulkan Peristiwa 13hb. Mei, 1969 itu bolehlah di-bagikan kepada tiga jenis :-

- a) *Sebab musabbab sachara langsung yang merupakan "retak menchari belah";*
- b) *Sebab musabbab yang berakar-umbi dan mendalam, seperti perkauman dan saki-baki peninggalan penjajah; dan*
- c) *Ketidak-ada-nya suatu Falsafah atau Ideology yang benar-benar menjadi anutan masyarakat negeri kita .*

Dalam buku yang kecil lagi serba sederhana ini saya akan cuba mengumpulkan segala perkara yang sempat saya mengutip-nya dan membuktikan bahawa pendapat saya mengenai masa depan salepas Peristiwa 13hb. Mei, 1969 itu bukan-lah suatu pendapat yang lahir dari sentimen atau perasaan dengki kapada manapun pehak .

Dalam rangkaian kupasan saya ini,saya mulakan dengan mempar beberapa uchapan atau makalah atau chakapan para pemimpin tanah ayer supaya dengan chara mengikutinya kita akan mudah mengerti serta memahami apa yang sabenar-nya sedang bergelora di-dalam hati sanubari angkatan Negarawan dan Pemimpin di-negeri ini. Tokoh2 besar yang patut kita kajikan isi hati mereka, di-antara lain, ia-lah :-

- a) Y. T. M. Tunku Abdul Rahman Putra;
- b) Y. A. B. Tun Abdul Razak Al-Haj;
- c) Tun Dr. Ismail bin Dato' Ab.Rahman;
- d) Y. B. Tun Tan Siew Sin;
- e) Y. B. Tan Sri Ghazali Shafie; dan
- f) Allah Yarham Enche Abdul Rahman bin Talib .

Biar-tah kita mulakan pembicharaan kita dengan sa-buah makalah yang di-tulis oleh Allah Yarham Enche Abdul Rahman Talib yang tersirat de-dalam akhbar Mingguan "Utusan Zaman" keluaran 20hb. Ogos, 1968, ia-itu sa-tahun selepas makalah itu tersirat, saya telah menjadi tetamu Allah Yarham itu di-kediaman-nya sebagai Duta Besar Malaysia di-kota Kahirah, Republik Arab Bersatu. Kami telah membincangkan dengan panjang lebar; dan beliu memesan: "Bacha-fah makalah saya itu dan chuba-lah memahaminya bukan sahaja yang tersurat di-dalam-nya tetapi juga yang tersirat di-sabalek-nya". Rahman Talib sudah pulang ka-rahmat ilah, tetapi makalih-nya itu maseh hidup untok di-tatapi oleh anak-chuelu-nya dan oleh masyarakat bangsa Melayu seluroh-nya. "Harimau mati meninggal belang, manusia mati meninggal nama".

* * * * *

ANALISA PILEHAN-RAYA2 UMUN MALAYSIA

oleh:

Abdul Rahman bin Talib
(Bekas Menteri Pelajaran),



Rahman Talib meramalkan: ".....Kemerosotan pengaruh Perikatan itu patut-lah menjadi pengajaran dan tauladan buat pilehanraya 1969 nanti".

"..... Kekalahan Perikatan di-Kelantan tahun 1969 menyebabkan sukar bagi UMNO hendak menguasai samula negeri itu".

Menjelang Pilehanraya umum yang akan datang ada baiknya kita meninjaukan suasana Politik di-tanah ayer kita pada masa yang lampaui dan menganalisa hasil2 Pilehanraya yang lepas, dan keadaan2 yang ada pada masa sekarang guna membantu kita menyusun rancangan kita buat masa akan datang .

Pilehanraya pertama telah di-adakan dalam tahun 1955. Dalam pilehanraya itu Perikatan telah membolot 51 dari 52 kerusi yang di-pertandingkan .

Perikatan mendapat 818,013 undi (lebih 82%) dari jumlah yang membuang undi seramai 1,027,211 .

Kemenangan perikatan itu di-sebabkan oleh dua faktor yang penting :

- a) Perikatan mempunyai "Politik Issue" yang menarik sekali ia-itu "KEMERDEKAAN" sebagai jabatan perjuangan poli-

tik seluroh raayat Persekutuan Tanah Melayu. Matlamat perjuangan itu di-bimbang oleh orang2 melayu sama ada menjadi ahli UMNO dan yang bukan. soal2 yang lain telah di-ketepikan buat sementara.

- b) Sebab matlamat perjuangan orang melayu boleh di-katakan sakata dan oleh kerana lebih 84% (1,04,000) daripada jumlah pengundi yang berdaftar sa-ramai 1.28 juta, dalam pilehanraya 1955 itu, ia-lah orang melayu, maka undi mereka bulat di-berikan kapada perikatan. Pengundi2 China di-anggarkan 11.2% dan India 4.3% .

Ha-nya ada dua buah kawasan sahaja - George Town (Pulau Pinang) dan Ipoh - pengundi melayu kurang dari 50%, sedangkan 37 kawasan lain pengundi melayu ada lebih dari 75% dan yang lain-nya antara 50% - 70% .

Dari perangkaan ini, boleh-lah di-anggarkan dari jumlah yang membuang undi seramai 1,027,211 itu, tidak kurang dari 880,000 ia-lah pengundi2 melayu, dan ada-lah juga di-anggarkan daripada 818,013 undi yang di-dapati oleh perikatan, tidak kurang daripada 680,000 ada-lah undi orang melayu. Ha-nya 138,013 sahaja undi bukan melayu .

Pilehanraya yang kedua telah di-adakan pada tahun 1959. Bilangan pengundi yang berdaftar telah meningkat kepada angka 2,133,272 (bertambah 853,272 dari jumlah pengundi 1955). Negara telah merdeka dan pergolakan politik pun melebar luas kepada persoalan dalam negeri yang di-padamkan dalam pilehanraya 1955 dulu .

Perikatan memasuki pilehanraya itu dengan "Political Issue" untuk **KEAMANAN BAGI MENGSI KEMERDEKAAN**, kerana buat masa itu dharurat masih berjalan .

tetapi satu peristiwa yang tidak boleh di-lupakan oleh perikatan menghadapi pilehanraya 1959 itu dalam

bahang tindakkan guru2 melayu keluar beramai2 dari UMNO akibat kerisis pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan .

Di-samping itu perasaan orang melayu di-bakar oleh PAS dengan Sentimen Politik "Islam" dan "Kebangsaan Melayu" sempit-nya .

Dalam gulongan bukan melayu pula, api perkawinan menerusi soal bahasa dan kebudayaan telah di-tiupkan oleh parti2 politik yang chaubenis yang di-pimpin oleh pemberontak2 M. C. A.

Walau bagaimana pun, perikatan dapat juga mempertahankan keuntungan-nya dengan memenangi 74 dari 104 buah kerusi, dengan bilangan undi 800,944 (51.8%) dari 1,564,575 yang membuang undi .

Di-bandingkati dengan pilehanraya 1955 maka undi perikatan dalam pilehanraya 1959 tidak bertambah bahkan merusut jika di-kira peratus undi bagi sebuah parti, maka peratus undi perikatan telah kurang 32% di-peringkat Parlemen .

Ini ada-lah di-sebabkan oleh dua faktor. Pengundi2 bukan melayu telah banyak di-tarek oleh parti2 politik Chaubenic yang di-sokong oleh orang2 bukan melayu di-luar perikatan. Pengundi2 melayu pula banyak yang di-raiti oleh PAS (21.3%) .

Bilangan pengundi dalam pilehanraya 1959 telah meningkat naik menjadi 2.133 juta ia-itu bertambah lebih kurang 853,000 .

Mengikut anggaran saya, tambahan itu terdiri daripada lebih kurang 53,000 undi melayu dan 800,000 undi bukan melayu kerana bilangan orang2 bukan melayu yang menjadi warganegara selepas merdeka adalah lebih kurang sabanyak itu. Jadi bolehlah di-anggarkan jumlah pengundi melayu dalam pilehanraya 1959

ada lebeh kurang 1.133 juta .

Kalau kita anggarkan 80% dari jumlah pengundi2 melayu itu membuang undi dan 50% daripada undi2 yang rusak itu undi melayu (10,000) maka undi orang melayu yang sah dalam pilehanraya 1959 di-anggarkan 890,000 undi .

PAS dan parti NAGARA yang di-sokong oleh orang melayu semata2 mendapat 361,578 (PAS 328,000 Parti NACARA 32,578), maka kemenangan perikatan dalam pilehanraya 1959 ada-lah di-dukong oleh lebeh kurang 490,000 undi melayu dan 310,000 undi bukan melayu ia-itu kurang 190,000 daripada undi yang di-dapati-nya pada tahun 1955 .

Kemerusutan pengaroh perikatan itu patut-lah menjadi pengajaran dan tauladan buat pilehanraya 1969 nanti .

Pilehanraya ketiga telah di-adakan pada tahun 1964 sa-telah Malaysia di-tubohkan dan nagara sedang menghadapi ancaman dari luar hasil daripada dasar Komperantasi Rijim Sukarno yang di-kongkong oleh kominis .

Perikatan memasuki pilehanraya itu dengan selogan "**Mempertahankan Ka-daulatan Nagara**" yang sedang terancham .

Perikatan telah mendapat kejayaan besar dengan memenangi 89 dari 104 kursi dan mendapat 1,204,000 (58.5%) undi dari jumlah pengundi yang membuang undi seramai 2,146,608 .

Kemenangan perikatan itu ia-lah di-sebabkan anfara lain telah menjadi pengetahuan umum ada di antara tokoh2 dari parti pembangkang yang mempunyai perhubungan dengan musoh2 di-luar negeri .

Jumlah pengundi yang berdaftar dalam pilehanraya 1965, ia-lah 2,720,000. Ada-lah di-anggarkan jumlah pengundi melayu yang berdaftar dalam pilehanraya 1964 ia-lah lebih kurang 1.42 juta dan pengundi bukan melayu 1.3 juta .

Jika di-hitung 80% daripada jumlah pengundi2 melayu itu keluar mengundi dan kalau di-kira 70% (63,000) dari jumlah undi yang rusak sabanyak 89,104 itu ia-lah undi melayu, maka undi melayu yang sah dalam pilehanraya itu boleh-lah di-anggarkan sabanyak 1.15 juga .

Manakala di-tolak undi2 yang di-dapati oleh PAS 301,187, parti NAGARA 7,319 dan 47 chalon melayu lain 60,000 maka perikatan memenangi pilehanraya 1964 itu dengan mendapat 770,000 undi melayu dan 430,000 undi bukan melayu .

Dari analisa di atas, terang dan jelas-lah kekuatan perikatan maseh bergantong kepada pengundi2 melayu. Oleh yang demikian kegiatan mendaftarkan pengundi2 baru dan kerja menyemak nama2 pengundi yang berdaftar tiap2 tahun hendak-lah menjadi program kerja UMNO yang utama .

Satu perkara lagi yang kelihatan jelas ia-lah bahawa sunggoh pun kekuatan pengaroh PAS telah mutam tetapi jumlah undi yang di-perolehi-nya tidak banyak berkurangan (329,070 tahun 1959 - 301,187 tahun 1964) .

Oleh yang demikian kekuatan parti yang di-sokong oleh orang2 melayu semata2 tidak boleh di-perkecil2-kan. Bukti-nya ia-lah kekalahan perikatan di-Kelantan tabun 1959 menyebabkan sukar bagi UMNO hendak menguasai sa-mula negeri itu .

Satu lagi perkara yang penting yang patut ditimbangkan ia-lah bahawa dalam pilehanraya akan datang

bilangan pengundi mungkin meningkat menjadi 3.2 juta berbanding dengan 1.2 juta dalam tahun 1955.

Chorak dan bentuk tambahan pengundi sa-banyak 2 juta itu ada-lah berlainan daripada pengundi dulu tahun 1955. Kebanyakan daripada pengundi baru itu terdiri daripada pemuda penitid yang berlainan paridangan dan kemahuhan mereka terhadap sa-sa-buah negara dan pentadbitan-nya.

Maka māna2 parti politik yang dapat mengemukakan program yang bersesuaian dengan pendapat mereka saja-lah yang akan dapat menarik undi mereka. Oleh itu program dan ranjangan UMNO hendak-lah ditujukan kepada kebaikan mereka pada aminya.

Sungguh pun analisa ini di-buat berdasarkan melayu dan bukan melayu, bukan-lah tujuan rencana ini membangkitkan soal perkauman tetapi semata2 untuk memberi fahaman bahawa tidak ada sa-buali parti politik yang mengamalkan dasar perkäuman boleh mengharapkan diri-nya di-beri kuasa oleh warganegara Malaysia, bagi memerintah negeri ini. Atas pendapat itu, maka mustahak sangat-lah analisa ini di-jadikan bahan untuk berfikir dan di-fikirkan.

* * * * *

"SA-BELUM DAN SA-LEPAS 13 MEI"

اینتیکات:



سلاگی اورغ ۲ چینا برقبة

کچینا، دان اورغ ۲ انديا

معادف کانديا، مک ساي

تيلق نميق بگيمان

کيت بوله هيڊوف بربايك*

"Saya mensifatkan poker sa-bagai satu permainan menyukakan hati di-masa2 lapang, dan sa-bagaimana permainan kuda, dalam permainan poker ini kami bermain dengan sechera yang kecil".

Pendapat dan Pandangan

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri.

Chabutan dari buku-nya :

"13 Mei" :

..... "Saya teringat kapada kata-kata - "Di-dalam sa-sabuah Negara yang pendudok2-nya terdiri dari orang2 buta, orang yang mempunyai satu mata ada-lah

menjadi Raja," Ketika di-Hospital itu saya mempunyai sa-behah mata, dan oleh kerana saya tidak ingin Negara saya atau penduduk2 Negeri ini menjadi buta kepada segala hakikat2 yang sa-benar yang kita mesti hadapi, maka ini-lah peluang saya untuk melahirkan pandangan2 saya".

- muka: 3.



..... "Dalam bulan June, 1968, hukuman gantong hampir hendak di-jalankan ka-atas sa-belas orang China yang menjadi anggota Parti Komunis Malaya yang telah di-hukum bunuh kerana membantu orang2 Sukarno menyerang Selatan Malaysia. Perentah hukum gantong yang sama telah juga di-tanda-tangani ka-atas dua orang Melayu di-Perak . - muka: 12.

..... "Untuk mengelakan dari timbulnya perge-dahan di-seluruh Negara yang mungkin membawa ka-pada rusuhan antara kaum yang boleh menumpahkan darah, maka saya sendiri telah menyembahkan rayuan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johore dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak bagi pehak orang2

yang di-hukum gampong itu, dan Baginda2 pun telah berkenan merengangkan hukuman itu kapada penjara sa-umur hidup. Sama ada tindakan saya itu betul atau pun salah, tujuan saya ia-lah semata-mata hendak menyelamatkan sa-ribu jiwa dengan menyelamatkan sa-bebas orang Kominis di-Johor dan dua orang penderhaka Melayu di-Perak daripada mati di-tali gantong”.

- muka: 13.

.....“Saya berani berkata bahawa chuma sa-suku dari orang2 China di-Malaysia atau pun kurang dari itu yang bersetuju dengan pandangan2 mereka itu (Konsep Malaysian Malaysia) atau pun yang memungkarkan ta'at setia mereka kapada Negeri China di-bawah pemerintahan Mao Ts-Tung. Tiga suku daripada penduduk2 China mahu hidup aman dan harmoni dengan kaum2 lain di-dalam Negeri ini supaya dapat-lah mereka dengan aman-nya menchari penghidupan atau menjalankan pekerjaan mereka dalam perdagangan atau perniagaan atau meneruskan perusahaan2 yang mereka jalankan dari semenjak nenek moyang mereka .

Walau sekuat mana pun chinta-nya mereka-itu kapada keamanan, orang2 China yang tiga suku itu **TIDAK DAPAT** menahan kemaraan gulongan baru itu, apatah lagi hendak menentang mana2 pertubuhan yang tersusun rapi yang tediri daripada orang2 yang berchita2 hendak menimbulkan kekacauan, ia-itu sa-perti Kominis. Mereka juga telah menunjukkan bahawa mereka tidak terdaya hendak menentang anasir kongsi2 gelap yang menjadi kuman masyarakat yang sentiasa menindas orang2 China”. - muka: 25.

.....“Saya telah terperanjat apakala orang2 China yang telah menunjukkan sokongan yang kuat kapada chalun2 UMNO di-masa yang lepas, dengan tidak seme-na-mena menukar sikap mereka berpaling tadah menyokong chalun2 PAS pula. Sa-masa saya melawat bersama2 dengan kawan saya ahli MCA, saya telah da-

pat melihat dengan mata kepala saya sendiri kejadian ini berlaku dalam kawasan saya. Saya telah melihat orang2 China pergi ka-pondok chalun PAS. Tentu-lah saya terperanjat, dan saya berfikir, mereka telah tersalah pergi ka-pondok PAS itu.



Apakala saya memberhentikan motokar saya untuk bertanya, pengundi2 China itu telah meradang kerana mereka mensifatkan perbuatan saya itu sa-bagai mengganggu kebebasan mereka untuk mengundi sa-suka hati mereka. saya telah merasa chemas apakah saya dapat kejadian yang saperti ini berlaku di-merata2 tempat di-Utara Kedah .

- muka: 30.

.....“Apakala salah sa-orang daripada mereka itu di-soal kenapa mereka telah pergi ke-pondok chalun PAS, ia telah menjawab bahawa tidak ada sebab bagi orang2 China takut kepada PAS di-Kedah atau di-mana2 tempat yang lain sekali pun Parti itu mempunyai dasar anti orang2 China, kerana orang2 China di-Kelantan tidak teranyaya seknli pun Parti itu berkuasa di-negeri itu”.

- muka: 31.

.....“PAS tidak pernah mempunyai sebarang tujuan atau rancangan yang tertentu. Mereka bergantong semata2 kepada hal2 ugama Islam untuk menda-

patkan sokongan. Mereka tidak mempunyai pengetahuan untuk menggubalkan satu dasar ekonomi yang membangun sa-bagai mana yang patut di-buat oleh sa-buah Parti Politik. Pada satu ketika, sa-orang ahli wanita PAS, Che Khadijah Sidek, yang menjadi ahli Parlemen, telah mengugut hendak keluar dari PAS jika Parti itu tidak dapat menyusun satu dasar ekonomi-nya yang tersendiri dalam tempoh enam bulan. Desakan itu tidak menghasilkan sa-barang natijah, dan selepas itu Che Khadijah telah keluar dari gelanggang politik. PAS terus berjalan dengan dasar keugamaan-nya yang sempit itu dengan tidak mengubahkan chorak-nya sehingga hari ini, bahkan menambah-nya lagi dengan soal2 perkauman yang sempit". - muka: 33

....."Kejayaan yang sa-habis2 tinggi sa-kali yang di-chapai oleh Malaysia dalam menjalankan dasar2-nya yang luas untuk Ugama Islam ia-lah Persidangan Negara2 Islam yang telah di-adakan dalam bulan April, 1969, di-Kuala Lumpur. Dalam persidangan ini pemimpin2 Islam yang terkemuka dari seluruh dunia telah berhimpun untuk mengambil keputusan2 atas masalah2 ugama yang di-hadapi bersama oleh seluruh kaum Islam seperti waktu sembahyang di-setengah2 tempat yang tidak ada mata hari, atau pun apa-kah hukum Islam di-atas pemindahan anggota orang Islam kepada orang yang bukan Islam untuk kepentingan sains atau perubatan". - muka: 49.

....."Dengan itu boleh-lah di-katakan bahawa peristiwa2 13hb. Mei, itu sa-benar-nya telah di-chetuskan oleh pemuda2 China Komunis; pemuda2 ini boleh jadi orang yang sama yang telah mengambil bahagian dalam perarakan mayat, atau pun orang2 yang sa-jenis dengan mereka. Tulisan "Darah bayar darah" ia-lah antara chogan2 yang telah tertulis di atas se-pandok2 yang di-arak dalam perakan mayat itu oleh pemuda2 Parti Buroh pada 9hb. Mei; chogan2 kata yang di-laungkan oleh mereka di-sepanjang2 pearakan itu". - muka 110.



..... "Kita semua mestilah sedar bahawa krisis kebangsaan ini telah timbul dari pertelengkahan kaum, satu keadaan yang lebih buruk dari keganasan Komunis sebab kejadian ini boleh menjahannamkan seluruh asas negara dan boleh menumbangkan ketegohan negeri ini kira-kira keadaan itu tidak di-atasi dengan cepat dan berkesan. Kita tidak boleh membuang masa lagi untuk bertindak". - muka: 118.

..... "Saya menegaskan sa-kali lagi bahawa negeri ini ia-lah sa-buah negeri Melayu, tetapi terpulang-lah kapada orang2 Melayu sendiri memainkan peranan yang cergas dan berfaedah dalam tiap2 lapangan masarakat negeri ini untuk merebut peluang2 masa hadapan yang lebih cerah. Sambil itu mereka mestilah sentiasa ingat bahawa perlombagaan-lah sahaja yang dapat menjamin keselamatan dan kemajuan kita semua. Isi kandungan Perlombagaan itu dan pemakaian-nya amatlah penting untuk kita sakalian .

- Jika "Pelampau2" Melayu mahu menunggang-balekkan Perlombagaan, maka mereka akan membantu tuli terjerumus ka-jurang kemundoran dan terperangkap dalam keadaan kachau bilau". - muka: 181.

..... "Perarakan mayat yang di-anjorkan oleh Komunis pada hari Juma'at dan sambutan "kemenangan" yang di-adakan oleh Gerakan dan DAP pada hari Ithnin ada-lah dua kejadian yang memperovkasikan terchetus-nya kekachauan yang sa-habis2 buruk yang belum pernah berlaku di-bandar Kuala Lumpur yang aman ini. Tunjok2 perasaan yang berlaku satu demi satu yang telah di-anjorkan oleh China2 Komunis dan parti2 Politik yang tersebut, yang merupakan perbuatan2 provokasi dan jahat telah memberi maana yang jelas kepada tujuan mimpi saya itu" . - muka: 249.

..... "Kita tidak mempunyai daya upaya untuk mengadakan segala kekuatan yang di-perlukan bagi pertahanan, tetapi kita mempunyai senjata2 yang boleh

kita gunakan, ia itu senjata2 yang telah pun ada pada kita. Senjata2 ini ia-lah kekuatan moral, perpaduan dan kesamaan, ia itu sifat2 yang kita dapat timbulkan di antara sa-sama sendiri kerana kekuatan senjata2 ini tidak-lah ada batasan-nya. Jika kita sanggup menggunakan senjata2 ini, maka dapat-lah kita menentang segala ancaman2 dari dalam atau pun dari luar”.

- mukai 258.

• • • •

PENEGASAN DAN SERUAN

oleh:

T. A. B. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein

" Bahawa perkara2 yang penting tidak boleh lagi "disapu di-bawah tikar" dan bahawa kenyataan2 13hb. Mei meati-lah di-sebarkan dengan luas kepada orang ramai" .

- Dalam Kata Pengantar Laporan "Trejidi 13 Mei".



Tun Abdul Razak ia-lah manusia yang paling sibok sakali di-negeri ini selepas peristiwa 13 Mei, 1969. Ini ia-lah kerana beliau telah di-lantik menjadi Pengarah Majlis Gerakan Negara yang memerentah sekarang ini. Banyak-lah uchapan, seruan, penegasan dan pandangan yang kita dengar atau membacanya yang di-beri oleh Tun Abdul Razak. Di-antara penegasan2-nya ia-lah :-

- a) *Saya menyeru rā'ayat Malaysia dari semua bangsa untuk menolong saya menyempurnakan tugas yang penting ini, dan saya minta pemimpin2 dalam segala bidang dan orang2 yang sayangkan negara ini yang suka melihat negara ini terus maju, untuk memberi saya chadangan2 dan fikiran2 bagi mengukohkan perpaduan antara kaum*

dalam Malaysia ini.

- b)Kerajaan berusaha ka-arah mewujudkan satu bangsa dan masyarakat Malaysia yang tulen di-mana tiap2 anggota-nya mendapat peluang yang sama bagi memain peranan dan mendapat ni'mat yang dibawa oleh kema'moran dan kemudahan2 hasil degiatan ekonomi, pembangunan negara dan masyarakat.

- TV dan Radio - 13hb Jun, 1969.

Isi kandungan laporan "Trejidi 13 Mei" amat-lah besar guna-nya sebagai panduan; dan sa-belum dari kita mengutip kata2 sakti yang tersaji di-dalam-nya saya merasa ada baik-nya juga jika kita bersama-sama menatap serta mengikuti Perputusan Hari Raya Idil-Fitri dari Y. A. B. Tun Abdul Razak pada tahun 1968 yang lalu seperti mana yang tersiar di-dalam akhbar2 pada 21hb. December, 1968 .

BERITA HARIAN

SABTU, 11 OKTOBER 1969

Badan Perundingan

KERAJAAN akan menggera menubuhkan Majlis Perunding yang akan membincangkan masalah yang menyentuh perpaduan negara. Laporan Majlis Gerakan Negara kelebihan meneatakan bahawa majlis itu akan terdiri dari wakil2 pertubuhan politik ugama ekonomi dan gulongan2 lain dalam negeri ini. Memilih pertubuhan2 politik untuk mewantai anggota Majlis itu barangkali tidak akar tetapi memilih pertubuhan2 dari laungan2 lain untuk diwakili agak sukar sa-

dikit. Jumlah anggota2 matis itu pun penting juga kerana besar kecilnya majlis itu akan menentukan pulih jumlah perwakilan dari badan2 dan gulongan2 dalam majlis tersebut. Saiki-nya gulongan guru umpana-nya akan di-wakili dalam majlis itu maka banyaknya kesatuuan guru di-negeri ini akan menjadi masa-sian Ada-kah guru akan di-wakili oleh kesatuan atau di-wakili berdasarkan siliran bahasa seko-
laniz

* * * * *

"MEREKA YANG LEMAH EKONOMI-NYA TANPA KIRA BANGSA MESTI LAH DI-TULONG UNTUK KEAMANAN DAN KA-MAAMORAN NEGARA....."

MASA DEPAN KITA BERGANTONG KAPADA KEJAYAAN PERPADUAN RA'AYAT .

Berikut ini kita siarkan perutusan khas uchapan selamat Hari Raya Idil-Fitri daripada Timbalan Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Hussein .

- Pengarang.



" DALAM USAHA MEREKA HENDAK MENGHANCHORKAN NEGARA, ANASIR2 ANTI NATIONALINI AKAN NENGGUNAKAN SEGALA TIPU HELAH, SEGALA SENJATA POLITIK, KEKERASAN HATTA MEMPERALATKAN UGAMA ISLAM YANG MAHA SUCHI ITU SEKALI PUN ".

Beberapa hari yang lepas ini chuacha di-Kuala Lumpur redup dan kadang2 hujan, barang kali, di-pantai timor keadaan-nya lebih burok lagi, hujan dan ribut sakali. Saya harap chuacha di-tempat2 lain tidak semuram di-Kuala Lumpur dan di-pantai timor. Saya berdo'a kepada tuhan

muga2 pada Hari Raya Idil-Fitri tahun ini chuacha-nya baik, terang dan dingin bagi menggalakan orang2 Islam merayakan hari besar Islam ini dalam suasana yang lebih meriah dan megah lagi dari tahun2 yang sudah .

Kedadaan dan kedudukan Negara kita pada hari ini, sepanjang tahun 1968 ada-lah baik, cherah dan tidak semuram chuacha beberapa hari ini. Bank Negara telah mengesahkan bahawa kedudukan ekonomi kita tegoh dan kuat bahkan ekonomi dan kemaamoran Negara tahun ini pada keselurohan-nya lebih baik dari dalam tahun 1967. Sava sukachita yang orang2 Islam tahun ini menyambut Hari Raya dalam keadaan dan kedudukan Negara-nya kuat, mewah, aman dan damai .

Pada hari yang baik dan mulia ini, saya suka menguchapkan Selamat Hari Raya kepada semua umat Islam di-Seluroh Malaysia dengan do'a saya muga2 pada hari yang mulia ini mereka mendapat kebahagiaan dan keamanan yang mereka chinta dan hendak-nya berkekalan kebahagiaan kita semua .

Semenjak kemerdekaan kita 11 tahun dulu, raya Malaysia yang berbilang bangsa dan Ugama telah melalui beberapa kemajuan yang hebat dalam semua lapangan penghidupan dan semua pehak telah menerima sumbangan masing2 mengikut kadar masing2 dari hasil Kemerdekaan dan kemajuan dan pembangunan ekonomi Negara. Usaha2- sedang di-jalankan dengan giat-nya bagi mencapai kejayaan ekonomi dan pembangunan kemasyarakatan yang lebuh chemerlang lagi untuk memuaskan dan memberi faedah kapada semua raya. Kerajaan Perikatan telah pun melaksanakan dasar utama-nya, semenjak beberapa tahun yang lalu, ia itu, menchipta dan mewujudkan asas satu masharifik yang a'dil dan libral di-Negara kita yang bertualang ini di-mana semua raya tidak kira keturunan mendapat persamaan hak dan persimbangan ekonomi, sosial dan pekerjaan2, hak2 dan kewajipan terhadap Nagara .

Mereka yang lemah ekonomi-nya tanpa kita bangsa mesti-lah di-tulung untuk menjamin keamanan Negara dan kemaamoran dan mustahak-lah mereka yang mundor, di-beri suatu tingkatan di-taraf hidup sesuai sebagai rayaat sa-buah Negara yang merdeka dan sedang membangun. Masa depan kita, tegas-nya, wujud atau hanchor kita sebagai satu bangsa dan Negara yang kuat, tegoh dan bersatu bergantong-lah kepada kejayaan kita menyatu padukan rayaat Negara ini yang berbilang bangsa dan mengurangkan jurang perbedaan ekonomi dan pelajaran di-antara satu puak dengan puak yang lain. Perkara yang amat penting sekali ia-lah bagi kita semua bekerja untuk mencapai chita2 ini, ia-itu mempercepatkan wujud-nya satu masharakat yang betul2 a'dil dan memuaskan semua pehak dengan mengurangkan jurang yang memisahkan mereka yang berada dengan mereka yang tidak berada yang di-dapati di-kalangan pendudok2 di-Negara kita .

Kerajaan Perikatan bera'zam untuk melaksanakan konsep ini dengan lebih semangat lagi bagi mencapai matlamat kita dalam sesingkat masa .

Semasa Kerajaan berusaha untuk mewujudkan satu masharakat yang a'dil, mengekal dan menguatkan lagi perpaduan antara kaum, keamanan Negara dan menchari ikhtiar bagi mempastikan lagi pembangunan ekonomi dan sosial, kita dan Negara kita di-hadapi oleh anasir2 jahat yang bukan saja hendak menghalang ranjang2 untuk rayaat Negeri ini bahkan mereka juga hendak menghanchorkan Negara ini. Dalam usaha mereka hendak menghanchorkan Negara, anasir2 anti-National ini akan menggunakan segala tipu helah, segala senjata politik kekerasan hatta memperalatkan ugama Islam yang maha suci itu sekali pun .

Anasir2 jahat ini, meskipun Kerajaan tidak akan membiarkan mereka menimbulkan kekacauan dan huru-hara dalam Negara ini, akan terus berusaha untuk mengancam keamanan rayaat. Oleh kerana anasir2 ini

kecil bilangan tetapi mereka bekerja keras dan ta'at kepada arahan2 dan perentah2 dari ketua2 mereka baik yang berada di-dalam atau di-luar negeri ini. Anasir2 ini terdiri dari pemuda2 China yang ta'at setia mereka kepada negeri China, mereka sabenar-nya Komunis bekerja untuk "Red China" dan jangan-lah kita salah faham yang mereka ini "Komunis Malaysia" atau "Komunis bekerja untuk Malaysia".

Dan kalau anasir2 ini terdiri dari orang2 Melayu dan India, mereka telah di-peralatkan oleh Komunis yang bertopengkan "Red China" untuk menegakkan Komunis di-Malaysia ini. Anchaman dari mereka ini dapat kita hapuskan jika semua ra'ayat yang berbilang bangsa dan ta'at setia kepada Malaysia terus bersatu padu dan menguatkan lagi kaazaman kita hendak menegakkan satu rupa bangsa, satu ta'at setia dan satu Negara Malaysia yang adil dan ma'amor .

Akhir2 ini kegiatan dan tindakan2 komunis, mereka yang sabersib dan anasir2 anti - Kerajaan telah bertambah dan ini ada-lah kerana mereka hendak menunjukan kapada raayat yang mereka ini masch lagi bertenaga dan berkemampuan untuk menchétuskan huruhara. Ini mustahak mereka yakinkan raayat apa lagi bulan2 menjelang Pilehanraya umum tahun hadapan dan dalam masa Pilehanraya itu sendiri. Satu usaha Komunis yang baru, sabenar-nya bukan baru, tetapi di-lancharkan dengan "Twis baru" ia-lah menggunakan ugama Islam : kagiatan mereka jelas dalam bulan Ramadhan ini kerana mereka hendak mengambil sempena bulan yang mulia. Orang2 Islam janganlah terpedaya dengan mereka yang menggunakan ugama untuk mencapai kuasa politik dan menegakkan pemerintahan Komunis di-Negara kita ini .

Pihak Komunis atau mereka yang bersemesti dan menyokong mereka baru2 ini telah mengisytarkan surat2 siaran kepada pemimpin2 Islam, tokoh2 ugama dan orang2 Melayu dan dalam surat2 itu mere-

ka menda'awa bahawa Komunis bukan-lah musoh tetapi sabenar-nya ada-lah sahabat Islam. Surat2 ini di-poskan dari sa-buah daerah yang tertentu di-Kelantan. Surat2 itu chuba memesangkan semangat orang2 Islam dengan mengelirukan kedudukan politik dalam dan luar negeri yang sa-benar-nya. Surat2 ini penoh dengan "Komunis Jargon" atau "Loghat Komunis". Yang anchnya dalam surat2 itu seruan2 ugama sa-perti assalamu-ailakum ayat2 Quran atau hadith2 menyokong da'awa'an mereka tidak ada .

Surat2 ini mengajak kaum muslimin membantu dan berperang bersama2 dengan Komunis untuk menghadapi musoh bersama. Musoh bersama ia-lah Malaysia di-bawah pimpinan Tungku Perdana Menteri dan bersama2 menegakan Komunis Melaya yang konon-nya akan mewujudkan "Demokrasi baru" yang sejati dan yang menjamin kebebasan berugama Islam. Orang2 Islam yang tertindas, yang jumlah-nya besar sa-kali di-Malaysia ini mesti-lah bangun menentang Kerajaan bersama2 dengan Komunis, seru surat2 itu2. Saya yakin orang2 Islam di-Malaysia sendiri telah sedar tentang keganasan2 Komunis dan kedustaan mereka .

Kita alami semua itu. Dari semenjok Kemerdekaan Negara, orang2 Islam di-Malaysia juga sedar tentang usaha2 Kerajaan bagi memperbaiki taraf hidup mereka yang miskin dan usaha2 bagi meninggikan Shiar Islam di-Malaysia ini . Usaha2 selanjut-nya akan di-teruskan bagi faedah dan kemuliaan ugama Islam dan pengikut2-nya dan rasyayat2 lain yang ta'at setia kapada Malaysia di-bawah pemimpinan Kerajaan Perikatan yang awal tahun hadapan ini akan menemui rasyayat sa-kali lagi untuk meminta' mahdat baru untuk terus memerintah Malaysia dan memberi-nya pembangunan ekonomi dan rasyayat2-nya taraf hidup yang seuai dengan jantutan zaman .

Tanda2 yang ada pada hari ini menunjukkan bahawa rasyayat akan sa-kali lagi memberi parti Perikatan

mandat yang di-minta'-nya itu kerana bukti2 terus diberi oleh pemimpin2 parti dan Kerajaan yang mereka betul2 bekerja kerana raya dan kerana raya sedar yang ha-nya parti Perikatan saja yang dapat menjamin dan mengelakan huruhara antara kaum di-Negara yang berbilang bangsa ini. Raya Malaysia yang praktikal sedar tentang hakikat ini dan untuk kebaikan mereka sendiri mereka tetap akan menolak parti2 pembangkang dalam pilihanraya umum tahun 1969.

Dalam bidang perhubungan antara bangsa pula, Malaysia mempunyai perhubungan yang baik dan erat dengan kuasa2 besar dunia, dengan Negara2 sahabat dan dengan Negara2 jiran. Kita sentiasa berusaha bagi memersrakan lagi tali persahabatan dengan Negara2 tetangga yang suka hendak bersahabat dengan kita. Nama baik Negara kita telah bertambah harum dari sa-tahun ka-sa-tahun dan dari sa-masa ka-semasa kita memperluaskan lagi perhubungan diplomat dan perdagangan dengan Negara2 sahabat di-seluruh dunia. Perhubungan luar kita sangat baik dan boleh jadi chemerlang jika perselisihan yang di-timbulkan oleh Pilipina itu dapat di-selesaikan.

Perselisihan ini timbul di-sebabkan oleh tunutan Kerajaan Pilipina terhadap Sabah yang telah pun menjadi sebahagian daripada wilayah Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Perselisihan ini telah menjadi genting di-sebabkan pehak Pilipina tidak mengiktiraf kekuasaan Malaysia terhadap Sabah dan tidak mengiktiraf Sabah itu ada-lah sa-buah negeri dalam Malaysia.

Baru2 ini perundingan telah di-adakan di-Bangkok dengan usaha daripada Menteri Luar Thailand Tun Thanat Khoman di-antara Menteri2 Luar Negara2 Asien. Dalam perundingan itu Tuan Ramus, Menteri Luar Pilipina, telah menegaskan ia mengakui diri saya sa-bagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia termasuk Sabah. Dengan pengakuan ini maka perundingan telah dapat di-jalankan dan satu persetujuan telah di-chapai

di-antara Menteri2 luar itu untuk membolehkan kedua2 Negara mempunyai perhubungan diplomatik dan segera lepas di-adakan tempoh bertenang dapat-lah perundingan untuk meredakati keadaan yang tegang itu, dan memulihkan sa-inula persahaman antara kedua Negara itu .

Bagi diri kita Malaysia, kita telah menerima persetujuan yang di-buat di-Bangkok itu. Sekarang terpulang kapada pihak Filipina sama-ada mereka hendak menerima atau puas tidak. Bagi diri kita, kita sentiasa mengutamakan persahabatan dan kerjasama yang baik antara Negara2 di-Tenggara Asia ini dan kita sentiasa menyokong kuat persatuan Negara2 Tenggara Asia atau "Asian" yang telah di-tubuhkan untuk mengadakan kerjasama dalam beberapa aspek di-antara Negara2 di-Tenggara Asia .

Dengan sebab itu kita sentiasa bersedia hendak menemui jalan bersama untuk hendak mengurangkan ketelselisihan2 dan mengutamakan kerjasama dan saling mengerti di-antara Negara2 di-Tenggara Asia .

Sekarang sama ada Asian akan terus maju dan kuat terpulang-lah kapada Filipina kerana persahaman yang telah di-adakan di-Bangkok itu ia-lah dengan persetujuan semua sakali Menteri2 Luar dari Negara2 Asian untuk kepentingan Asian dan untuk keselamatan dan ketenteraman wilayah Tenggara Asia ini .

Sekarang saya suka memberi pandangan berkaitan dengan perpaduan rakyat dari Negara dan perigolakan pemikiran rakyat dan visiun atau chita2 kita bagi masa hadapan kita semua. Perpaduan rakyat yang berilang bangsa dan Negara ada-lah mahà penting dalam ècadé kedua Kemerdekaan kita ini. Sa-periti yang saya takut tadi gúlongan2 Komunis dan perampas2 seorang berusaha bermatian2 untuk melihahahkan perpaduan rakyat dan Negara. Komunis ingin melihat hubungan antara kaidati di-Malaysia berlaku untuk membela

lehkan mereka menchetuskan pemberontakkan yang baru. Parti2 pembakang yang pelampau, yang chaubinis sa-perti DAP dan Patti Islam, terusmenerus memperjuangkan "Chinese Malaysia", dan "Malay Malaysia". Parti2 lain nampok-nya, "Confused" dan bertindak sa-bagai oporchunis. Ha-nya, Parti Perikatan saja yang betol2 mempunyai dasar yang boleh di-terima oleh semua kaum di-Malaysia ini. Parti dan Kerajaan Perikatan mau menegakkan satu rupa bangsa Malaysia yang ta'at setia-nya tidak berbelah bagi kapada Negara ini. Satu rupa bangsa Malaysia yang mengandungi unsur2 baik dari semua kaum yang tinggal di-Negara ini.

Chita2 Kerajaan Perikatan ada-lah "Untuk membawa semua raayat bersama", menjadikan mereka satu bangsa Malaysia yang gagah kerana kewajipan yang besar yang kita hadapi sekarang ini ia-lah untuk mengekal dan memperkuatkohkan lagi asas perpaduan Negara yang sedang di-gonchang oleh anasir2 jahat. Saya perchaya usaha Kerajaan dalam bidang ini akan lebeh berjaya lagi dalam decade yang kedua kemerdekaan kerana sekarang kita menghadapi raayat yang lebeh sedar, yang lebeh berpelajaran, raayat yang sudah 11 tahun lama-nya hidup sebagai raayat sabuah Negara yang merdeka, mereka yang pada hakikat-nya ada-lah orang2 sederhana (moderate) pemikiran-nya dan bertanggong jawab .

Mereka ini mempunyai kenyakinan penoh tentang mustahak-nya Malaysia mesti terus "Berbilang Bangsa" dan semua kaum mendapat jaminan2 dan hak2 yang sawajar-nya yang tidak pula menghalangkan pembentukan satu Bangsa Malaysia yang tulin. Mereka ini yang berjumlah besar sakali di-Malaysia hari ini, mesti-lah berdiri tegoh di-belakang Kerajaan untuk menghalang chita2 puak2 Chaubenis dan Komunis yang mau pechahkan perpaduan raayat .

Kerajaan mau "menyatukan padukan raayat" dan saya yakin "*the moderate sensible and peace loving*

"Malaysians" mereka yang waras akan menyokong usaha2 Kerajaan itu dengan sakali lagi memberi Parti Perikatan mendet dalam Pilehanraya yang akan datang.

Dalam Pilehanraya yang akan datang, hampir separoh daripada pengundi2 ada-lah terdiri dari mereka yang di-bawah umur 40 tahun. Ini berma'ana electorate di-Malaysia ini ada-lah "young electorate" dan banyak kali juga antara mereka yang akan membuang undi pada yang pertama. Mereka ini telah dewasa semasa Malaysia dalam Kemerdekaan-nya .

Angkatan salepas Merdeka atau "Pos - Merdeka Jenereshen" ada-lah rakyat yang dinamik dan muda. Bagi mereka kerana waktu perjuangan Kemerdekaan dulu mereka masih murid2 di-Sekolah Rendah lagi, penjajahan British dan Nationalis2 yang menentang British, pejuang2 Kemerdekaan ha-nya ada-lah satu ingatan atau satu cherita saja yang mereka Dengar dari ibu bapa atau dato' nenek mereka atau dari buku2 sejarah yang mereka baca .

Bagi angkatan ini, ke-miskinan, ke-jahilan dan pengangguran yang menjadi masa'alah2 yang mereka hadapi dan yang mesti mereka hadapi untuk hidup sederhana. Ini-lah masa alah2 besar yang sedang di-hadapi dan yang Kerajaan edang bersunggoh2 untuk mengatasinya. Sabuah Kerajaan yang di-pileh oleh rakyat sedar akan masa alah ini dan sentiasa merancang bagi kasempurnaan pemerintahan untuk mensesuaikan dengan kemajuan zaman dan dengan kahendak2 pelajaran dan pemikiran rakyat angkatan baru. Kalau tidak Kerajaan tentu lambat laun tidak akan dapat sokongan angkatan ini. Kerajaan sedang berusaha hendak menutupkan "Generation-gap" ini dan saya menyeru orang2 dewasa mereka yang telah lama hidup dari pemuda pemudi ini sama2 menyokong Kerajaan bagi menutupkan ke-kosongan ini bagi kepentingan Negara kita.

Bagi mengatasi pengangguran di-kalangan pemuda

pemudi banyak lagi ranchangan2 tanah untuk belia akan di-buka di-seluruh Negara. Perusahaan2 akan dilipat kali gandakan dan ekonomi akan di-pelbagaikan bagi memberi pekerjaan kepada orang2 kita. Kuitus2 sentiasa di-beri kepada pegawai2 Kerajaan dan tindakan2 sentiasa di-ambil bagi melinchinkah lagi jentera Pentadbiran Kerajaan untuk menjadikan Jentera itu sa-benar2nya lichin dan chekap untuk memberi khidmat yang baik kepada raayat .

Percaya-lah, Kerajaan Perikat di-bawah pim-pinan Tunku berazam hendak menolong semua ia-a-yat-nya termasok-lah pemuda pemudi-nya. Dalil-nya telah ada, banyak lagi ranchangan2 pembangunan yang akan di-jalankan bagi ke-baikan Malaysia dan raayat-nya. Keraja'an mau menolong kalau kita boleh, tetapi sama ada kita berkuasa menolong, kita tidak tau, namun bagitu niat dan ke-inginan kita ia-lah hendak menolong, untuk berkhidmat dan berbakti kapada raayat semua. Jika kita sama menongkan dan melihat kaa-adaan2 dalam negeri2 jiran kita, nesciayai raayat kita semua termasok pemuda2 sedar dan bershukor yang kita ini ada-lah berasib baik daripada orang2 lain. Tetapi sunggoh pun bagitu Kerajaan belum berpuas hati dengan kejayaan2 yang di-chapaikan setakat ini. Kerajaan akan terus berikhtiar bagi mencapai yang lebih cemerlang lagi bagi kesejahteraan hidup raayat-nya.

SELAMAT HARI RAYA
MA'AF DZAHIR BATIN ! :

PENDAPAT DAN PENEGASAN TUN (DR) ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN

17hb. Julai 1969 .

"Biar-lah sechara terus terang saya berkata: jenerasi yang ada sekarang termasok saya sendiri dan juga mereka yang berada di-universiti adalah maseh berfikir sachara perkauman, maseh berfaham perkauman".



Di-dalam satu interview khas dengan utusan melayu semalam, menteri hal ehwal dalam negeri Tun Dr. Ismail telah berchakap tentang diri-nya dan juga tentang masa'alah2 yang dihadapi oleh negara .

Tentang diri-nya Tun Dr. Ismail berkata; saya bukan-lah sa-orang yang pandai, banyak lagi orang yang lebih pandai dari saya dan kalau orang mengatakan saya "serius dan tegar" maka itu ada-lah sifat2 saya yang semula jadi .

Orang lain pun ada kepandaian dan kebolehan, kalau tidak masakan perikatan telah dapat kekal memerintah negeri ini sejak lamadahulu .

Tanya: Tun pernah mengatakan bahawa kerajaan sedang mencari sebab2 timbul-nya kekacauan 13 Mei lalu untuk mendapatkan satu penyelesaian yang adil, praktis dan dapat di-terima oleh semua pihak, apa-kah usaha ini telah selesai ?

Jawab: rumusan telah kita dapat dan chara2 untuk mengatasi-nya juga telah kita temui .

Sabuah jawatankuasa majlis gerakan negara meraungka dan mengkaji dengan sepenoh-nya rumusan itu. Oleh kerana perkara ini terlampau sulit dan rumit dan sangat mustahak maka tidaklah dapat diumumkan satu demi satu.

Pengumuman mengenai perkara ini hanya akan di-buat sekali gus dengan sepenoh-nya supaya tidak menimbulkan salah faham di-kalangan rakyat.

Salah pengertian terhadap rumusan2 itu akan lebih banyak mendatang-kan mudrat dari kebaikan dan kerana itu pengumuman-nya akan mengambil masa.

Tanya: Bolehkah saya membuat kesimpulan dari sekarang bahawa di-masa depan mana2 pihak tidak akan di-benar-kan lagi menyentoh hak istimewa orang2 melayu yang termaktub di-dalam perlumbagaan dan demikian juga bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal bagi negeri ini .

Jawab: Saya mengakui kechuaian kerajaan perikatan di-masa lalu di-dalam mengawasi dengan betul agar perkara ini tidak di-persoalkan oleh orang2 lain .

Hak istimewa orang2 melayu terpulang kepada orang2 melayu sendiri untuk menentukan adakah hak

Saya tidak tau apa-kah fikiran angkatan yang akan datang mungkin keadaan negara d'n juga chara berfikir boleh bertukar dari keadaan sekarang .

Dalam soal bahasa pula, dasar Razak dan Allah Yarham Rahman Talib ada-lah tidak salah, chuma di-dalam pelaksanaan-nya telah berlaku beberapa kesalahan dan saya rasa saya dapat menjamin bahawa perkara sa-umpama ini tidak akan berulang lagi .

Bagaimana pun orang2 melayu tidak boleh menyekat orang2 lain untuk membangkitkan beberapa perkara mengenai bahasa kebangsaan .

Bahasa melayu tidak seperti hak istimewa orang2 melayu yang ha-nya di-punyai oleh orang2 melayu sechara mutlak, tetapi bahasa melayu ada-lah hak semua raayat negeri ini .

Kita boleh membahaskan hal2 yang bersangkut dengan bahasa melayu tanpa menimbulkan perasaan perkauman dan atau semangat perkauman .

Umpama-nya orang2 lain boleh membahaskan chara2 pelaksana'an bahasa ini supaya dapat berjalan dengan lancar lagi .

Semua orang mesti-lah sedar sekarang bahawa kerjaan perikatan sekali2 tidak akan menerima dasar penggunaan berbagai2 bahasa, perikatan tidak sanggup untuk bertolak ansor lagi atas kedudukan bahasa melayu sebagai bahasa yang tunggal bagi negeri ini, sekali2 tidak !

Kita tidak lagi mau mendengar orang2 berchakap mengatakan dia tidak menentang bahasa kebangsaan menjadi bahasa kebangsaan negeri ini dan dalam pada itu menuntut bahasa2 lain di-berikan taraf yang sama, kita selama-nya akan bersetuju dengan perbuatan ini .

Selagi perikatan berkuasa maka selama itu-lah

kita akan mengawasi agar perkara2 yang saumpama itu tidak akan di-Bangkit2kan lagi .

Tanya: Ada-kah kita akan kembali kepada demokrasi ?

Jawab: kalau kita hendak kembali kepada demokrasi maka semua pihak hendak-lah sanggup menghormati perasaan setiap kaum dalam negeri ini. Ha-nya dengan sikap demikian baru-lah kita dapat kembali mengamalkah demokrasi .

Ini ada-lah perlu kerana negara kita ada-lah di-dalam proses untuk mewujudkan satu bangsa, kita adalah dalam peringkat membina keharmonian .

Ketara itu kita tidak boleh meniru chara2 demokrasi di-negeri lain kita tidak boleh ejek mengejek dan dan sebagai-nya. Mereka boleh berbuat demikian ketara perbuatan itu tidak boleh menimbulkan perasaan perkauman, tetapi keadaan ada-lah berbeza di-negeri ini, perbuatan saumpama itu boleh menyafakan nafsu perkauman dan akhir-nya mengakibatkan perghohan .

Tanya: setengah2 akbar luar negeri berkata perikatan ha-nya akan kembali kepada demokrasi terpimpin seperti yang di-jalankan oleh bekas president Sukarno ?

Jawab: lebih baik tidak ada demokrasi dat menjalankan demokrasi terpimpin, tetapi dari pengalaman maka kita terpaksa-lah mengadakan undang2 untuk menentukan perkara2 yang patut dan tidak patut menjadi perbincangan, perkaja yang perkauman dan tidak perkauman .

Itu bukan-lah demokrasi terpimpin, tetapi demokrasi mengikat keadaan yang menjamin kebebasan berchakap, berparlemen dan juga kebebasan persurat-

khabaran.

Tanya: apa-kah sikap yang sewajar-nya diambil oleh orang2 melayu dan juga intelektual melayu untuk menghadapi keadaan sekarang ini ?

Jawab: banyak orang melayu telah menegor saya dan meminta saya merengangkan tindakan2 terhadap mereka kerana menurut dakwaan mereka, mereka adalah pejuang kebangsaan .

Pada pandangan saya, setiap rakyat yang setia dan sayangkan negeri ini mesti-lah menulong usaha2 Majlis Gerakan Negara untuk mengembalikan keamanan.

Tanya: Apa-kah pandangan Tun terhadap perbuatan menyebarkan risalah2 yang telah di-haramkan oleh kerajaan ?

Jawab: setiap perbuatan yang akan mengganggu perjalanan majlis gerakan negara akan merusakkan keadaan dalam negeri ini sendiri. Kita mesti-lah memberi keperchayaan kepada Majlis Gerakan Negara, kalau tidak lebih baik kita tidak mempunyai majlis ini dan kalau kita hendak bertindak sendiri apa-lah guna-nya kita melantek Tun Abdul Razak sebagai pengarah majlis itu. Kalau ada shor membela serahkan-lah pada Tun Razak .

Tanya: Ada-kah Tun menyedari ada-nya gulungan rakyat negeri ini yang tidak mau kembali kepada demokrasi dan lebih suka untuk tinggal terus dibawah majlis gerakan negara ?

Jawab: Saya sedar perkara ini. saya sendiri berpendapat bahawa meskipun Majlis Gerakan Negara mesti berjalan hingga terjamin ketenteraman di-negeri ini dan kekachauan tidak timbul lagi. Tetapi elok-lah kita kembali juga kepada demokrasi dengan sifat demokrasi itu sesuai dengan keadaan dalam negeri ini .

Tanya: Tidak-kah ketakutan setengah2 orang untuk kembali kepada demokrasi itu kerana kekalahan perikatan di-dalam pilehanraya lalu malah orang2 melayu yang anti perikatan pun telah merasa bimbang dengan kekalahan itu ?

Jawab : Ketakutan yang timbul itu adalah kerana soal lain, kerana hak2 orang2 melayu hendak di-chabul dan kerana chakap2 yang banyak menimbulkan kemarahan orang2 melayu .

Rakyat negeri ini pun harus tau bahawa perikatan tidak-lah boleh memerintah negeri ini selama2nya, ra'ayat adalah berpeluang untuk menukar kerajaan dibawah pemerintahan demokrasi .

Kalau kita hendak mengekalkan perikatan memegang tampok pemerintahan maka lebih baik kita tidak mempunyai demokrasi . Bagaimana pun tidak ada sebab perikatan tidak boleh berkuasa terus kalau perikatan dapat menjalankan kerja dengan betul .

Kalau tidak ada demokrasi maka bagaimanakah kita akan tau bahawa perikatan di-sokong oleh ra'ayat . Kerajaan yang kuat dan kerajaan yang tegas menerusi demokrasi maka sebab itu-lah saya suka pada demokrasi .

Kerajaan yang kekal menerusi demokrasi adalah lebih baik dari sebuah kerajaan yang tidak menerusi demokrasi .

Tanya : Ada-kah Tun mempunyai keyakinan yang penoh bahawa masharakat berbilang bangsa di-negeri ini akan dapat kembali berbaik2 setelah mereka mundur kebelakang dalam bidang perpaduan setelah 14 tahun merdeka .

Jawab : Jika dasar pelajaran kebangsaan dilaksanakan dengan betul2 maka masa depan ra'ayat negeri

ini yang berlainan keturunan tidak lagi akan membangkitkan soal perkauman .

Biarlah saya sechara terusterang berkata, jenerasi yang ada sekarang termasuk saya sendiri dan juga mereka yang berada di-universiti ada-lah maseh berfikir sechara perkauman , maseh berfaham perkauman .

Tapi kita semua mestilah berimbangrasa dan seberapa daya menahan perasaan kita itu dari membangkitkan kemarahan mana2 pehak dan merusakkan perpaduan .

Jika kita dapat mengekalkan keharmonian hidup maka anak2 yang akan masuk kesekolah2 yang akan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahsa pengantar pada tahun depan akan dapat memenuhi hasrat kita semua .

Mereka-lah yang akan menjadi warisan kita yang akan dapat hidup tanpa perasaan perkauman walau pun dari keturunan yang berlainan . mereka tidak akan berfikir seperti ana kita berfikir hari ini .

Tanya : Tun bagaimana kalau saya katakan bahawa kerajaan hanya bersikap tegas di-dalam beberapa bidang terutama-nya di-dalam bidang pelajaran hanya selepas kekachauan 13 Mei dan tidak sebelum pilehanraya dahulu ?

Jawab : Sekali pun tidak berlaku kekachauan namun tentulah berlaku perubahan sikap kerajaan di-dalam melaksanakan dasar-nya selepas pilehanraya lalu.

Saya fikir perikatan tentu-lah akan mengkaji kelemahan2nya yang menyebabkan ia mendapat kemenangan yang tidak begitu besar di-dalam pilehanraya lalu dan kemudian membaharui langkah2nya .

Langkah2 seperti yang di-jalankan sekarang tentu juga akan di-jalankan oleh perikatan sekali pun kekachauan timbul tempoh hari .

- - - - -

ORANG2 MELAYU DALAM LIMA BUAH NEGERI DI-MALAYSIA

“Orang2 Melayu sudah kurang bilangan-nya berbanding dengan pendudok2 yang bukan Melayu di-dalam lima buah negeri di-Malaysia Barat. Kenyataan ini boleh di-lihat daripada soal-jawab di-antara wakil Bachok dengan Menteri Ke'adilan pada Hari Khamis, 16hb. Januari, 1968 .

9. Tun Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Ke'adilan:

“Ada-kah benar bahawa pada masa ini sakurang2-nya, lima buah negeri di-Malaysia Barat ini – Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor, sudah pun mempunyai pendudok2 bukan Melayu lebuh ramai daripada pendudok2 Melayu sendiri; jika ya, nyatakan jumlah pendudok2 Melayu berbanding dengan pendudok bukan Melayu di-dalam tiap2 negeri yang tersebut” ?

Menteri Ke'adilan, Tuan Bahaman bin Shamsuddin :-

“Benar. Ma'almat2 yang di-kehendaki itu ialah sa-perti yang berikut :

Negeri	Melayu	Bukan Melayu
Johor	654,936	666,836
N. Sembilan	219,598	297,853
Penang	219,937	541,257
Perak	666,285	990,700
Selangor	426,889	1,004,889
Jumlah	2,187,645	3,501,464

“Peri Bahasa berkata: “Bala lalu di-bawah singgah; isi lemak dapat ka-orang, tulang bulu pulang kaka kita”. Semua-nya itu akibat falsafah “Cherdik elang, bingung sekikih lamun murai terkechoh juga”.



Quote

THOSE who obtained citizenship properly have nothing to worry about . . . those who will be worrying are those not entitled to citizenship in the first place.

JUMLAH PENDUDOK MALAYSIA

92. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Ke'adilan berapa ramai-kah pendudok2 di-tiap2 negeri di-Malaysia Barat menurut banchian terakhir sekali dengan menyatakan:

- Jumlah di-tiap2 negeri menurut keturunan; dan*
- Jumlah di-tiap2 negeri menurut jenis (Lelaki dan Perempuan) .*

Menteri Ke'adilan (Tuan Bahaman bin Sam-suddin): Banchian Pendudok2 yang terakhir sekali di-adakan bagi Malaysia Barat ia-lah pada tahun 1957 dan butir2 yang di-kehendaki boleh di-dapati daripada banchian tersebut .

Anggaran Pendudok2 juga oleh Jabatan Perangkaan dalam masa 6 bulan sekali dan menurut anggaran yang terakhir sekali, ia-itu pada 31hb Disember, 1966, jumlah pendudok2 di-tiap2 negeri menurut keturunan dan jenis ada-lah seperti di-dalam rajah di-bawah. Anggaran tersebut ada-lah berdasarkan perubahan pendudok2 berikutan daripada kelahiran dan Kematian yang berlaku di-satu-satu negeri di-dalam suatu masa yang tertentu .

PERANGKAAN PENDUDOK2 MALAYSIA

Anggaran Jumlah Pendudok mengikut Bangsa dan Jentina pada 31hb. Disember, 1966 .

*(Anggaran Jumlah Pendudok pada Pertengahan 1966 * Kelebihan Pindahan * Kelahiran lebuh daripada Kematian) .*

SEMUA BANCSA

NEGERI

	Laki2	Perempuan	Jumlah
Johor ...	663,057	615,232	1,278,289
Kedah ...	466,066	447,529	913,595
Kelantan ...	331,901	333,810	665,711
Melaka ...	201,585	202,690	404,275
N. Sembilan	259,077	244,246	503,323
Pahang ...	216,984	201,736	418,720
Pulau Pinang	378,843	364,990	743,833
Perak ...	823,139	790,589	1,613,728
Perlis ...	58,747	57,646	116,393
Selangor ...	718,244	668,007	1,386,251
Trengganu	184,808	186,562	371,370
Malaysia Barat	4,302,451	4,113,037	8,415,488
Sabah ...	-	-	577,812
Serawak ...	449,537	437,297	886,834

MELAYU

NEGERI

	Laki2	Perempuan	Jumlah
Johor ...	317,295	315,507	632,802
Kedah ...	309,040	310,114	619,154
Kelantan ...	301,305	307,662	608,967
Melaka ...	97,482	106,328	203,810
Negeri Sembilan	106,189	106,918	213,107
Pahang ...	120,072	118,152	238,224
Pulau Pinang	106,163	108,648	214,811
Perak ...	322,990	324,268	647,258
Perlis ...	44,484	45,165	89,649
Selangor ...	208,176	201,874	410,050
Trengganu	168,804	173,913	342,717
Malaysia Barat	2,102,000	2,118,549	4,220,549

Sabah	...	-	-	-
Serawak	...	<u>79,192</u>	<u>80,505</u>	<u>159,697</u>

NEGERI	CHINA			
	Laki2	Perempuan	Jumlah	
Johor	269,631	248,908	518,539	
Kedah	95,858	88,619	184,477	
Kelantan	19,442	17,776	37,218	
Melaka	82,273	77,807	160,080	
Negeri Sembilan	104,119	97,742	201,861	
Pahang	76,400	67,915	144,315	
Pulau Pinang	212,425	211,733	424,158	
Perak	355,772	348,072	703,844	
Perlis	10,912	9,989	20,901	
Selangor	335,257	322,843	658,100	
Trengganu	12,147	10,589	22,736	
Malaysia Barat	<u>1,574,236</u>	<u>1,501,993</u>	<u>3,076,229</u>	
Sabah	...	-	-	
Serawak	...	<u>151,880</u>	<u>138,829</u>	<u>290,709</u>

NEGERI	INDIA DAN PAKISTAN		
	Laki2	Perempuan	Jumlah
Johor	53,434	42,359	95,793
Kedah	46,834	39,853	86,687
Kelantán	4,723	8,234	7,957
Melaka	17,622	16,000	33,622
Negeri Sembilan	40,740	35,049	75,789
Pahang	16,848	13,902	30,750
Pulau Pinang	50,395	38,335	88,730
Perak	127,051	109,488	236,539
Perlis	1,246	858	2,104

Selangor ...	145,680	124,889	270,569
Trengganu	3,074	1,572	4,646
Malaysia Barat	507,647	424,539	932,186
Sabah ...	-	-	-
Sarawak ...	-	-	-

LAIN2

NEGERI	Laki2	Perempuan	Jumlah
ohor ...	22,697	8,458	31,155
Kedah ...	14,334	8,943	23,277
Kelantan ...	6,431	5,138	11,569
Melaka ...	4,208	3,555	7,763
Negeri Sembilan	8,029	4,537	12,566
ahang ...	3,664	1,767	5,431
ulau Pinang	9,860	6,274	16,134
erak ...	17,326	8,761	26,087
erlis ...	2,105	1,634	3,739
elangor ...	29,131	18,401	47,532
trengganu	783	488	1,271
Malaysia Barat	118,568	67,956	186,524
Sabah ...	-	-	-
Sarawak ...	218,465	217,963	436,428

- a) Tidak termasuk orang2 Indonesia .
 b) Lain2 termasuk:

Melanau ...	25,191	25,603	50,794
ban ...	128,593	130,154	358,747
ayak Darat	36,498	36,776	73,274

190,282

192,533

382,815

* Termasuk orang2 Asli dan orang Indonesia yang mendiami Malaysia Barat .

- 1) Dengan tiada-nya chatitan mengenai gerakan dalam negeri di-antara Negeri2, Kelebihan pindahan yang berseh mengikut bangsa dan jentina telah di-bahagikan di antara Negeri2 menurut nisbah dengan anggaran jumlah penduduk menurut bangsa dan jentina dalam tiap2 Negeri pada 30hb. Jun, 1966 .
- 2) Tidak ada chatitan di-simpan mengenai gerakan orang2 dari dan ka-Singapura tetapi ada satu anggaran di-kira daripada bilangan orang yang telah menyerahkan Kad2 Pengenalan Malaysia Barat untuk mendapatkan Kad2 Pengenalan Singapura dan sa-balek-nya .
- 3) Pindahan luar sa-Malaya ada-lah di-bahagikan dengan kadar-nya di-antara Singapura dengan Malaysia .

• • •

ANGGARAN JUMLAH WARGA NEGARA MALAYSIA.

Jumlah warga negara Malaysia selurohnya pada akhir tahun 1967 ia-lah saramai 7,628,052 orang; dan jumlah bagi Malaysia Barat sahaja bagi masa yang sama ia-lah saramai 6,754,325 orang, Kenyataan yang penoh boleh di-lihat daripada soal-jawab di-Dewan Ra'ayat pada 18 hb, Januari, 1968 di-antata wakil Bachok, Kelantan dengan Menteri Ke-adilan Malaysia.

BILANGAN WARGANEGARA DI-MALAYSIA

18. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, hingga akhir 1967, berapa ramai warganegara Malaysia yang ada di-seluroh negeri 'am-nya' dan di-Malaysia Barat khasnya, dengan menyatakan berapa ramai dari-pada mereka itu bukan orang Melayu .

Tun Haji Abdul Razak: Bilangan warganegara2 di-Malaysia semua-nya sa-hingga akhir 1967 ia-lah 7,628,052 .

Bilangan warganegara2 di-Malaysia Barat sa-hingga akhir tahun 1967 ia-lah 6,754,325 .

Bilangan mereka yang bukan Melayu di-Malaysia semua-nya yang telah memperolehi kewarganegaraan dengan chara pendaftaran dan masukkan sahingga akhir tahun 1967 ia-lah 2,624,052 . pechahan angka bagi ini ada-lah saperti beikut :

Malaysia Barat	2,554,335
Sarawak	40,839
Sabah	28,888
		Jumlah		2,624,052

Bilangan warga negara samakin bertambah menurut bertambahnya angka penduduk2 dari sa-masa ka-samasa; dan kenyataan yang resmi boleh di-lihat dari jawapan Mentar Keadilan kapada pertanyaan yang di-kemukakan oleh Wakil Bachok pada 21 hb, Ogos, 1968:

Kewarganegaraan

352. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hingga akhir bulan Mei, 1968 berapa bilangan orang2 yang momohon untuk jadi warganegara negevi ini, dan berapa orang-kah yang telah di-beri taraf kewarganegaraan.

Tun Haji Abdul Razak: Jumlah orang yang memohon untuk menjadi warganegara dengan jalan daftaran atau kemasukkan (registration or naturalisation) hingga 31 hb Mei, 1968, ia-lah : 2,264,143 .

Jumlah orang yang telah di-beri taraf kawarganegaraan dengan jalan daftaran atau kemasukkan hingga 31 hb Mei, 1968, ia-lah : 2,017,557 .

Nasib manusia :

- 1) Badan sehat, ada wang.
- 2) Ada wang, badan kurang sehat.
- 3) Badan sehat, tidak ada wang.
- 4) Badan tak sehat, wang tak ada.

* * * * *

HAK2 ISTIMEWA ORANG2 MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN NEGARA

"Saya suka menerangkan di-sini bahawa hak2 istimewa yang di-beri kapada orang2 Melayu di-bawah perlembagaan ada-lah chuma bertujuan untuk memberi mereka, seperti apa yang di-istilahkan di-dalam GOLF sebagai "Handicape".



Berikut dengan perasaan terkejut yang di-alami oleh orang2 ramai setelah peristiwa 13 Mei, maka pada masa ini telah mula terbit reaksi yang tidak sehat.

Penumpuan kaum sedang berlaku dalam beberapa bidang, terutama dalam bidang politik negara kita. Kalangan pelampau dalam parti pemerintah sedang giat berusaha untuk menjatohkan puchok pimpinan yang ada sekarang.

Setelah di-kaji kandongan surat2 yang saya terima, antara-nya surat2 terbang, saya rasa bahawa perlu Kerajaan menjelaskan pendirian-nya tentang :

Beberapa perkara pokok, ini ada-lah untuk menyakal anggapan setengah2 orang bahawa sikap Kerajaan mendiamkan diri ada-lah satu tanda kefemahan dan kurang kepastian.

Kalau-lah anggapan ini di-biarkan begitu sahaja, maka mereka2 yang menyokong Kerajaan akan merasa kechewa dan putus harapan, manakala mereka2 yang sememangnya menentang Kerajaan akan mendapat gilakan untuk terus bersikap demikian .

Perkara pokok yang pertama ia-lah hak istimewa orang2 Melayu. Kerajaan berazam akan bersikap tegas untuk menjamin hak istimewa orang2 Melayu sa-pergi terkandong dalam perlumbagaan .

Bagi tujuan ini, Kerajaan sekarang sedang mengatir satu rancangan supaya peruntukan ini tidak dipersoalkan lagi. Kerajaan mengaku bahawa pada masa2 yang lampau peruntukan ini tidak dilaksanakan dengan memuaskan .

Oleh yang demikian Kerajaan sekarang berazam untuk melaksanakan hak2 itu dengan memuaskan hati orang2 Melayu tetapi dengan tidak mengenepikan hak2 kaum ising saperti terdapat di-dalam perlumbagaan, tanpa hak2 istimewa ini, orang2 Melayu pada masa ini dan dalam keadaan biasa-nya, tidak dapat bertanding dengan kaum2 lain di-negeri ini. Ini ada-lah kenyataan yang tidak dapat di-napikan .

Walaupun begitu saya perchaya bahawa pada satu masa kehadapan orang2 Melayu tentu-lah boleh bertanding dengan penduduk2 lain di-negeri ini dengan tidak memerlukan hak2 istimewa, tetapi orang2 Melayu sahaja-lah yang patut menentukan sama-ada hak2 istimewa itu maseh dilakukan atau tidak untuk masa hadapan .

Penentuan dengan chara lain hanya akan mengu-

judkan kachau-bilau dalam negeri ini - mungkin lebeh dashat daripada peristiwa 13hb. Mei yang lalu .

Saya suka menerangkan di-sini bahawa hak2 istimewa yang di-beri kapada orang2 Melayu di-bawah perlumbagaan ada-lah chuma bertujuan untuk memberi mereka, saperti apa yang di-istilahkan di-dalam permainan golf sebagai "handicap". "Handicap" ini bertujuan membolehkan mereka mencapai satu kedudukan di-mana mereka dapat bertanding dengan pemain2 yang lebeh handal .

Sebagaimana juga sa-orang pemain golf, orang2 Melayu jangan-lah mengharapkan "handicap" ini berlanjutan selama2-nya. Sebaiknya, mereka hendak-lah dengan sedaya upaya berusaha memperbaiki permainan supaya handicap itu di-kurangkan dan akhir-nya tidak perlu samasekali .

Perkara pokok yang kedua ia-lah, bahawa Kerajaan akan melaksanakan dengan lebeh tegas dan penoh keazaman dasar pelajaran yang telah di-persetujui ini ia-lah kerana kerajaan perchaya bahawa dasar ini hanya-lah satu2-nya chara bagi membentuk satu Negara Malaysia yang tulin .

Perkara pokok yang ketiga ia-lah tidak ada perpecahan di-kalangan pemimpin2 UMNO dan juga di-dalam jumaah menteri kerajaan perikatan. Kesemua mereka itu menyokong Tungku. Berhubong dengan perkara ini harus juga di-tegaskan, ramai orang telah tidak menyedari kenyataan yang parti perikatan di-bawah pimpinan Tungku Abdul Rahman telah menang dalam pilehanraya yang telah di-adakan dengan mendapat kelebihan-suara yang memuaskan .

Ini ia-lah satu kejayaan yang tidak harus di-perkecilkkan memandang bahawa perikatan telah memegang teraju Kerajaan semenjak tahun 1955 .

Tungku dan juga perikatan maseh tidak berubah sikap terhadap dasar pembentukan satu bangsa Maysia yang bersatu padu berdasarkan satu masharakat yang berbilang bangsa. Ini menunjukkan dengan jelas bahwa walaupun pengundi2 menyokong dasar ini .

Saya sebagai menteri, Hal ehwal dalam negeri, ahli Majlis Gerakan Negara dan ahli jawatankuasa pusat UMNO. menyokong sepenoholnya dasar ini kerana ini tidak menchabol hak2 Melayu dan gulongan yang lain yang sama kedudukan-nya dengan orang Melayu .

Di-samping itu hak2 kaum yang lain ada-lah juga terjamin. Saya ingin menegaskan di-sini bahawa selain daripada keistimewaan yang di-beri kapada orang2 Melayu seperti terkandong dalam perlumbagaan dan undang2 lain, semua kaum di-negeri ini ada-lah sama dari segi undang2 dan tidak sesiapa pun boleh menuntut bahawa ia tidak tertaklok kapada mana2 undang2 dengan alasan ia ada-lah dari satu kaum yang tertentu .

Saya mengecam usaha2 jahat yang di-buat oleh setengah2 orang untuk memburokkan nama Perdana Menteri kita dengan mengeluarkan kisah2 peribadi beliau yang tidak berkaitan dengan tugas resmi sebagai Perdana Menteri saya mengecam usaha2 mereka ini lebih2 lagi kerana usaha itu datang-nya daripada orang2 Melayu sendiri yang terkenal dengan adat sopan mereka .

Uchapan saya ini tidak akan menchukopi jika saya tidak menyentoh tentang pelampau2 yang menjadi bahan chakapan2 sekarang jni . Pelampau2 ini perchaya kepada kemungkinan penguasaan sesuatu kanan tertentu di atas kaum2 lain tanpa menghiraukan peruntukan perlumbagaan .

Ini ada-lah satu kemungkinan yang penoh dengan merbahaya dan yang tidak prektik. Tetapi gulongan

sedarhana di-bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum kemungkinan itu ada-lah seperti impian liar dan merbahaya. Kita berasas baik kerana gulungan pelampau itu ia-lah satu gulongan yang kecil sa-baja .

Sebagai Menteri hal ehwal dalam Negeri yang bertanggong jawab tentang keselamatan dalam negeri saya memberi amaran kepada pelampau2 ini dan juga mereka yang lain bahawa jika aktibiti2 dan kempen2 mereka menentang Tunku Abdul Rahman menimbulkan perasaan chemas dan takut di-kalangan kaum2 yang lain atau pun jikalau tindakan itu menimbulkan kachau bilau yang mengancham ketenteraman dan keamanan serta keselamatan dalam negeri saya tidak akan ragu2 menggunakan kuasa2 yang di-beri kapada saya di-bawah undang2 untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang berkenaan .

Saya perchaya kebanyakannya daripada tuan2 telah mendengar uchapan Pengarah Gerakan Negara, yang amat berhormat Tun Abdul Razak, pada malam jumaat lalu. Antara lain beliau mengatakan bahawa satu dari-pada bahan2 semula jadi yang terdapat di-Negara ini ia-lah perasaan muhibbah dan kita tidak dapat mengharapkan keadaan puleh seperti sedia kala kalau tidak terdapat-nya perasaan muhibbah daripada semua dan tiap2 di-Negara ini kaum.

Saya ingin menambah bahawa perasaan muhibbah akan memupok kesabaran persefahaman dan perasaan bertolak ansor. Semua unsor2 ini ada-lah penting untuk keamanan dan ketenteramen hidup dalam satu masyarakat berbilang bangsa .

Sebarang perumpuan berdasarkan garis2 perkuaman dalam bidang politik ekonomi atau pun sasial, yang wujud oleh kerana tidak ada-nya perasaan muhibbah, hanya akan menggagalkan usaha2 Kerajaan untuk membentuk Negara Malaysia yang lebih ma'amor .

patut meletakkan jawatan dan dengan demikian bila ia patut meletakkan jawatan itu .

Bukan-lah terpulang kapada sa-saorang daripada kita untuk meminta-nya meletakkan jawatan .

Daripada rekod-nya yang telah lalu tidak shak lagi dalam fikiran sa-saorang bahawa Tungku akan setia berlindung untuk kepentingan yang sebaik2-nya bagi rakyat dan negeri ini, kapada siapa ia telah bagitu banyak berjasa dan berkorban .

Soal: Tun telah kenal dengan Tungku sejak lama dahulu. Oleh itu tentu Tun tahu mengenai pengorbanan yang telah di-berikan oleh Tungku kepada UMNO dan Negara. Boleh-kah Tun menerangkan satu persatu sejauh mana yang Tun ketahui ?

Jawab: Mungkin tidak umum di-ketahui bahawa apabila tengku mengambil alih jawatan yang di-pertua UMNO dalam tahun 1951, dalam banyak perkara, UMNO di-dalam keadaan paling susah. Tengku saorang yang kaya pada masa itu dan ia boleh hidup dengan senang dan rehat sebagai pegawai kerajaan oleh kerana ia ada chukop harta-nya sendiri, tetapi ia telah menjualkannya, boleh di-katakan semua harta2-nya itu untuk membriyayai UMNO .

Dengan demikian, ia menjadikan diri-nya miskin. Ini ada-lah istimewa dalam sejarah negeri ini. Lebih lanjut lagi, Tungku bukan-lah kesayangan Kerajaan penjajah waktu itu oleh kerani saya maseh ingat benar lagi ia-itu mendiang bapa saya telah di-panggil oleh saorang daripada Pegawai British yang paling penting di-Asia Tenggara dan telah di-tegor dengan keras kerana menyokong Tungku tetapi tidak menyokong Dato' Onn .

Soal: Apabila pembangkang mengunkit hal2 mengenai orang2 Melayu, Tungku selalu mengatakan

bahawa orang2 bukan Melayu patut berterima kasih tentang beberapa tolak ansor yang telah di-berikan oleh orang2 Melayu kapada mereka. Boleh-kah Tun menjelaskan satu persatu, supaya dengan itu orang2 bukan Melayu tau apa-kah tolak ansor itu ?

Jawab: Ada-lah di-katakan bahawa orang2 Melayu memberi kapada orang2 bukan Melayu hak2 keraayatan sebagai balasan orang2 bukan Melayu ber-setuju memasukkan bab 153 dalam Perlembagaan Per-sekutuan yang memberi kedudukan istimewa kapada orang2 Melayu .

Namun mungkin tidak umum di-ketahui bahawa apa yang di-katakan kedudukan istimewa orang Melayu itu, yang sebenar-nya bukan perkara baru . Sesunggoh-nya, ia ada-lah suatu chiptaan asasi bagi dasar British di-dalam Negeri2 Melayu dalam tahun2 tiga puluhan .

Lebih lanjut lagi, ia telah di-berikan pengakuan rasmi (*formal*) dan undang2 dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948,dalam mana telah ditulis (fasal 19) bahawa menjadi tanggongjawab Pesutohjaya Tinggi British bagi Persekutuan untuk melindungi kedudukan istimewa orang2 Melayu dan kepentingan hak lain2 kaum .

Jadi, jelas-lah bahawa dasar itu bukan-lah chiptaan UMNO atau perikatan tetapi sebenar-nya telah di-mulakan oleh British banyak tahun dulu .

Soal: Ada-kah Tun perchaya oleh kerana di-masa2 yang lalu tidak ada penerangan yang chukop mengenai tolak ansor ini-lah yang menyebabkan banyak orang2 bukan Melayu terutama jenerasi muda tidak menghargai tolak ansor itu ?

Jawab: Ya. Sebagaimana yang saya nyatakan dalam temu-ramah yang pertama dahulu, kami boleh

jadi tersilap kerana tidak menerangkan dengan penoh dan jelas kapada jenerasi muda bukan Melayu .

Jawab: Pada saya sendiri saya yakin tidak ada salah-nya dasar2 Kerajaan perikatan. Pada pandangan saya, kekachauan terletak pada hakikat tidak di-pastikan supaya dasar2 itu di-laksanakan dengan penoh dan betul .

Soal: Kalau Tun bersetuju, apa-kah rupa perubahan yang mesti di-lakukan oleh perikatan? Ada-kah ini berma'ana bahawa keahlian hendak-lah di-galakkan dan melupakan sekali keahlian melalui UMNO, M. C. A. dan M. I. C. ? atau ada-kah dengan meminda atau mengubah dasar2 yang di-jelaskan berrendirian oleh tiga2 parti itu ?

Kalau Tun bersetuju dengan perubahan itu bila-kah prosess menuju kearah itu di-jangka akan di-jalankan dan bagaimana-kah rupa badan yang akan menjalankan prosess tersebut ?

Jawab: Oleh kerana jawapan kepada soalan yang terdahulu itu kebanyakannya perkara yang di-timbulkan di-dalam dua soalan, ini tidak-lah lagi timbul. Memang banyak di-sebutkan mengenai pandangan bahawa tiap parti anggota perikatan itu patut akhir-nya bersatu menjadi sabuah parti .

Walau bagaimana pun, ada-lah mustahak bukan sahaja membuat sesuatu perkara yang betul, tetapi juga membuat-nya dalam waktu yang betul dan dengan chara yang betul .

Dengan lain2 kata, apa yang di-kehendaki itu boleh jadi tidak serta merta praktikal. sa-saorang patut ingat bahawa dalam politik sa-saorang itu tidak patut di-belakang raayat tetapi ia tidak patut juga terlalu jauh di-hadapan .

Soal: Banyak orang - terutama bukan Melayu - menggesa Kerajaan supaya memansokhkan dengan segera mageran (N. O. C.), Tun sebagai mewakili orang2 keturunan China di-negeri ini, apa-kah pendapat Tun mengenai hal ini ?

Kalau Tun tidak bersetuju di-hapuskan, sa-hingga bilakah Tun merasa mageran ini mesti di-kekalkan dan berapa lama-kah lagi. Ada-kah Tun menjangka sebaik sahaja ia-nya di-hapuskan nanti, maka kita akan menghidap semula parlemen di-saat itu juga ?

Jawab: Demokrasi berparlimen hanya boleh, berjaya kalau segi2 persetujuan antara Kerajaan dan pembangkang meliputi, katakan-lah, 85% daripada semua, dan segi2 perselepasan ha-nya 15%. Dalam negeri ini, sebalek-nya, segi2 persetujuan di-antara Kerajaan dan parti2 pembangkang yang melampau adalah hampir 15%, sementara segi2 perselepasan mungkin 85% .

Sebenar-nya dalam negeri ini Kerajaan dan pembangkang ada-lah berselisihan atas soal2 penting dan asasi, dan kembali kepada demokrasi berparlimen sebelum waktu-nya dalam keadaan yang demikian akan membawa kepada kehancoran seluruh Negara . -

Mithal-nya, kembali sekarang kepada pemerintahan berparlimen akan bererti soal2 perkauman yang hangat akan di-kemukakan lagi. Harus di-ingat bahawa pembangkang2 terdiri daripada parti2 pelampau China dan Melayu.

Parti2 pelampau itu akan menggunakan soal2 yang hangat itu untuk menchapai populariti di-kalangan pengundi. Ini bukan satu di'ayah yang di-perbesar-besarkan oleh kerana kempen pilehanraya baru2 ini telah menunjukkan bahawa jalan yang paling senang untuk mendapatkan undi ia-lah dengan memainkan soal2 perkauman dengan chara yang melampau . -

Dalam keadaan yang demikian, kembali kapada pemerintahan berparlemen sebelum waktu-nya itu akan membawa kapada pertumpahan darah yang lebih dahsyat antara kaum. Jika di-bandingkan maka kekachauan yang bermula pada 13 Mei, 1969 itu hanya merupakan piknik yang seronok sahaja.

Jadi, sabelum kita kembali kapada pemerintahan yang berparlemen kita mesti-lah menukar chara permainan politik itu untuk mempastikan supaya dasar2 dan perinsip yang asasi tidak boleh di-persoalkan lagi dalam keadaan yang sabagaimanpun. Di-dalm keadaan yang demikian saja baru-lah negara selamat bagi demokrasi.

Soal: Tun telah di-lantek sebagai pengurusi jawatankuasa pelaboran modal (*Capital Investment committee*) sejak kekachauan dahulu. Bolehkah Tun menerangkan dengan mendalam sejauhmana kejayaan itu dari segi menarik penanaman modal di-negeri ini?

Jawab: Sa-hingga ini hasil daripada tenaga kita itu ada-lah menggalakkan. Ada-lah terlalu awal untuk kita melihat hasil pekerjaan itu, tetapi saya mempunyai segala sebab untuk penoh perchaya bahawa kita tidak akan gagal, sudah tentu dengan sharat bahawa dalam lapangan politik perkara2 yang salah tidak berlaku lagi.

Mesti-lah di-akui bahawa jika terdapat keadaan politik tidak tetap, usaha2 jawatankuasa penanaman modal akan gagal, walau bagaimana kita berazam dan chekap sekali pun.

Kita hendak menggalakkan bukan sahaja penanaman modal asing, tetapi juga penanaman modal tempatan. Yang sebenar-nya, masaalah kita bukan sangat mengenai kekurangan modal tetapi mengenai kekurangan pakar dalam pentadbiran dan teknik. Untuk menjelaskan pandangan saya ini, saya boleh mengatakan baha-

wa simpanan di-dalam Bank2 Perniagaan telah bertambah semenjak daripada 13 Mei, 1969 .

Pada 8 Mei, 1969 ia berjumlah \$2,778.7 juta, pada 15 Mei, 1969 ia berjumlah \$2,819.8 juta dan pada 15 Julai, 1969 ia berjumlah \$2,893.7 juta, yakni tarikh angka terakhir boleh di-dapati bagi simpanan .

Soal: Dengan kejayaan penarikan modal yang banyak itu, ada-kah Tun menjangka kechahatan ekonomi yang di-alami berikutan dengan kekachauan yang lalu akan dapat di-atasi dan di-pulehkan dalam masa tidak berapa lama lagi .

Jawab: Kalau kita boleh menambah kadar penanaman modal di-dalam negeri ini pada masa hadapan, kekachauan yan baru2 ini tidak patut menyebabkan sebarang akibah yang tetap dan burok pada ekonomi .

Soal: Satu daripada usaha2 menbangunkan ekonomi lagi ia-lah dengan membanyakkan perusahaan2 kecil di-kawasan luar bandar. Apa-kah usaha2 galakkan yang akan di-berikan oleh Kerajaan kearah ini - dari segi kewangan, pengetahuan, latehan dan kemudahan2 sa-perti api dan ayer serta pengangkutan ?

Jawab: Kerajaan akan memberikan segala bantuan2 yang boleh dan yang ada pada kuasa-nya untuk menggalakkan perusahaan2 dalam kawasan2 luar bandar.

Pada pandangan saya, kewangan ada-lah merupakan masa'alah kita yang paling kecil, oleh kerana saya perchaya bahawa perusahaan2 kecil (*back yard*) di-dalam kawasan2 luar bandar boleh berjalan dari segi ekonomi, dan kalau mereka boleh berjalan dari segi ekonomi ini, maka kewangan yang di-perlu kan patut akan dapat daripada sumber2 persendirian (*private*) .

Sesunggoh-nya, mereka tidak berguna kepada tu-

juan kita jika mereka tidak demikian, oleh kerana perusahaan2 yang tidak boleh hidup dengan sendiri-nya itu tidak boleh tahan dan kalau mereka tidak boleh tahan, mereka tidak banyak berguna .

Saya mempunyai segala keyakinan bahawa apa yang di-perlukan, sepanjang yang berkenaan dengan saudara2 kita di-dalam kawasan2 luar bandar, ia-lah pimpinan dan panduan yang betul, dan mereka akan mengikut dengan pimpinan dan panduan tersebut .

Saya bersetuju bahawa setengah2 kawasan2 mungkin kekurangan kemudahan seperti ayer dan kuasa, tetapi ada-lah betul juga bahawa banyak kawasan luar bandar kita ada mempunyai kemudahan2 itu dan jawa-punya boleh jadi dengan menempatkan kilang dalam kawasan2 tersebut. Boleh jadi juga kilang2 itu kecil, maka mereka boleh mengadakan sendiri bekalan kuasa dan ayer .

Soal: Tun ia-lah pengurusi jawatankuasa Sharikat perkapalan Malaysia yang telah di-tubohikan di-samping dua kapal hadiah inuhibbah Jeptin dan duab uah kapal yang hendak di-beli, ada-kah tempahan lain akan di-jalankan dan berapa buah lagi seitai hafga-nya .

Boleh-kah Tun menerangkan satu persatu perkembangan yang akan di-jalankan oleh Sharikat itu dari segi kewangan, mudah2 yang di-angkat dari sempat2 yang di-jangka akan di-jalani dan di-tuju ?

Di-samping negeti Jepun, Negara2 mana-kah yang telah menyatakan kesediaan mereka menulohig Malaysia dengan Sharikat perkapalan itu seperti mana-yang telah di-katakan oleh Australi, bagaimana dengan lehen2 kapada Bahru2 fakti terhadap2 yang akan melanjutkan Sharikat itu, ada-kah telah di-mulakan sekiranya ?

Jawab: Saya id-lah pengurusi jawatankuasa ka-

abinet yang di-tubohkan menganai Sharikat perkapalan Kebangsaan. Sharikat ini telah di-tubohkan dan jawa-tankuasa ini tidak ujud lagi semata2 oleh kerana tuju-an-nya telah tercapai .

Daripada sini, Sharikat ini sendiri akan bergerak dan saya bukan Pengurusi Sharikat ini yang di-jalankan sebagaimana lain2 Sharikat Perdagangan .

Kerajaan mengambil bahagian dalam "Executive" Sharikat ini dan ia di-wakili di-dalam lembaga pengarah3-nyâ, tetapi lembaga ini berjalan sebagaimana lembaga Sharikat2 lain juga tanpa gangguan daripada Kerajaan, sunggolpun kita di-bawa berunding mengenai perkara2 yang melibatkan kepentingan kebangsaan atau kesalahan kita. Jadi, soal tuan ini patut di-tuju-kan kapada Sharikat yang tersebut itu .

• * * *

RUPA - BANGSA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(بِإِيمَانِ النَّاسِ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَرَّةٍ وَّأَتَشَى)
(وَجَعَلْنَاكُمْ شَعوبًا وَّقَبَائِلَ لِتَعْارِفُوا ، إِنَّ أَكْرَمَكُمْ)
(عِنْدَ اللَّهِ أَنْتُمْ كُمْ ، إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ .)
— سُورَةُ الْحِجَرَاتِ : 13 —)

Erti-nya:

(Hai manusia! sesunggoh-nya Kami telah jadi
kan kamu dari lelaki dan perempuan; dan Kami
telah jadikan kamu beberapa bangsa dan puak su-
paya kamu berkenal-kenalan; sesunggoh-nya samu-
lla-mulia kamu di-sisi Allah ia-lah sabakti-bakti-nya
dari antara kamu; sesunggoh-nya Allah itu Maha
Mengetahui lagi Maha Sedar .

NEGARA TANPA RUPA BANGSA

LAKSANA ISTILAH TANPA TA'RIF

Bagi saya, salah satu dari perkara pokok yang kita mesti tidak berlengah-lengah menentukan-nya ia-lah soal "Kebangsaan" atau "Rupa-bangsa" (*Nationality*) bagi bangsa Malaysia. Saya sedar mungkin tidak dapat kita melarikan diri dari memberi beberapa pengurusan apabila kita mengambil keputusan menentukan satu Rupa-bangsa bagi negeri ini: tetapi langkah menerima kenyataan ada-lah lebih mulia lagi berguna daripada kita berselindong di-sebalik telunjuk.

Sebaik sahaja saya di-beri amanah oleh ra'yat untuk masuk ka-dalam Parlemen, saya tidak lengah-lengah lagi dari mengemukakan masa'alah "Rupa-bangsa" kapada Kerajaan; kerana pada pendapat saya, sa-satu bangsa itu akan menghadapi banyak kesulitan di-masa hadapan jika mereka tidak berani bertegas menentukan satu chorak "Rupa-bangsa" yang tertentu bagi diri mereka sendiri. Rupa-bangsa bukan sahaja merupakan nama yang dengan-nya orang lain mengenal kita tetapi juga akan merupakan pokok segala puncha perkembangan di-dalam masharakat tanah ayer. Saya berpendapat: "Bangsa tanpa Rupa-bangsa" sama-lah saperti istilah tanpa ta'rif" pada hal dari ta'rif itu-lah maka dikenali maksud dan pengertian.

Pada hari isnin, 22hb. Ogos, 1966 saya telah mengemukakan beberapa pertanyaan untuk jawapan betulis kapada yang Y.T.M. Perdana Menteri (Tunku Abdul Rahman Putra) megenai rupa-bangsa negeri ini:

- (a) *Apa-kah rupa-bangsa Malaysia ini atau jika belum ada lagi, apa-kah rupa-bangsa Malaysia yang baharu?;*
- (b) *Ada-kah Kerajaan menganggap "Melayu" sebagai rupa bangsa Malaysia; dan jika*

tidak, mengapa ?; dan

- (c) *Ada-kah benar bahawa Kerajaan Perikatan memandang tidak perlu mempunyai satu rupa-bangsa Malaysia yang tegas salagi ia berkuasa di-dalam negeri ini ?*

**Jawapan bertulis oleh
PERDANA MENTERI :**

- (a) Pehak Kerajaan telah menerangkan dalam Dewan ini pada 30hb. November, 1959 dan pada 2hb. December, 1960 bahawa dalam Perlembagaan, perkataan "raayat" atau "Citizen" dan perkataan "warga negara" atau "Nationality" itu ada-lah sama ma-nanya (*synonymous*). International law juga tidak membezakan di-antara kedua2 perkataan itu; dan saorang raayat negeri itu mempunyai semua hak sebagai warga negara atau "National" negeri itu. Oleh itu tiap2 raayat negeri ini yang mengandungi berbagai2 kaum, bangsa dan ugama, ada-lah menjadi "National" negeri ini dan lazim-nya di-panggil dengan perkataan "Malaysian Citizen".
- (b) Orang2 Melayu ada-lah sabahagian yang besar daripada raayat Malaysia dan Kerajaan tidak boleh menggunakan perkataan "Melayu" sebagai rupa-bangsa kerana (*Article 160*) dalam Perlembagaan telah menetapkan ta'arif "Melayu" (*Malay*) sebagai saorang raayat Persekutuan yang berugama Islam, yang lazim bertutur dalam Bahawa Melayu dan yang menggunakan adat Melayu. Ta'arif "Melayu" ada-lah mustahak di-beri ma'ana yang khas dan berlainan daripada ta'arif "raayat Persekutuan" kerana orang2 Melayu ada-lah di-beri hak2 istemewa berkenaan Tanah Reserve Melayu (*Article 89*); Malay Regiment

(Article 8 "5" "f"); dan hak2 istimewa dalam (Article 153).

- (c) Jawapan di atas soalan ini terkandung di dalam jawapan yang di atas ini.

* * * *

Sabenar-nya saya lama benar sudah menyedari kehendak jawapan Perdana Menteri itu; saya menyediati-nya sejak belum saya masuk ka-dalam Dewan raayat lagi. Apa yang saya bermaksud ia-lah supaya bangsa kita mempunyai satu rupa-bangsa yang tegas, yang meliputi, dan yang termasuk kadalam-nya semua kaum, ugama dan keterunran .

Jika sudah menjadi kelaziman perkataan "*Malaysian Citizen*" atau "*Warga Negara Malaysia*" itu disebut bagi mengenali raayat negeri ini, maka apa-kah pula halangan-nya jika perkataan "*Bangsa Malaysia*" atau "*Malaysia*" itu di-terima sebagai "*Rupa-bangsa*" negeri ini dan di-rakamkan ka-dalam Perlumbagaan ! Ada-pun segala apa yang di-sebutkan sebagai "hak istimewa, kedudukan istimewa" dan lain2 perakara yang di-tentukan kapada orang2 Melayu di-dalam Perlumbagaan itu, pada pendapat saya, tidak-lah menegah kita menchari dan merakamkan satu nama yang tertentu bagi rupa bangsa negeri ini .

Saya maseh belum berpuas hati dengan jawapan yang di-beri oleh Kerajaan itu; kerana saya merasa bimbang terhadap sikap Kerajaan seperti itu: saya merasa bimbang terhadap masa depan negara; dan saya mahu supaya kita segera bertindak membantut apa sahaja kemungkinan yang tidak baik yang akan berlaku di-tanah ayer kita. Soal rupa-bangsa bukanlah soal yang kecil yang boleh di-semبunyi di-bawah tikar; oleh itu pada hari Sabtu, 26hb. Ogos, 1967 ia-itu satuhun selepas soal-jawab tadi, saya telah mengemukakan sabuah usul menuntut Kerajaan menerusi Dewan

Raayat menentukan nama "RupaBangsa" bagi negri ini.

Usul saya itu berbunyi:

Bahawa majlis ini memutuskan ia-itu memandang betapa mustahak-nya raayat Malaysia mempunyai satu rupa bangsa yang tegas, yang mana pada saat ini belum ada lagi, maka rupa bangsa raayat Malaysia hendaklah di-sebut "Melayu".

Bagi menjelaskan maksud saya dari usul tersebut, elok-lah pula saya peturunkan hujan2 saya dengan seberapa rengkas saperti yang telah saya lafadzkan ketika itu di-bahaskan di-dalam sidang Dewan Raayat sendiri :-

Tuan Yang Di-Pertua

Saya minta izin mengemukakan satu usul yang ada bertulis di-dalam Peratoran Meshuarat pada hari ini yang berbunyi:-

"Bahawa Mejlis ini memutuzkan ia-itu memandang betapa mustahak-nya raayat Malaysia mempunyai satu rupa bangsa yang tegas, yang mana pada saat ini belum ada lagi, rupa bangsa raayat Malaysia hendaklah di-sebut "Melayu".

Tuan Yang Di-Pertua

Saya mengemukakan usul ini bukan-lah oleh sebab di-dorong-kan oleh sa-suatu perasaan seetimen kerana kebetulan saya sebagai sa-orang "Melayu". Bojadi, Tuan Yang Di-Pertua, kalau saya di-lahirkan sa-orang yang bukan "Melayu", maka saya juga akan mengemukakan satu usul untuk mechari "rupa-bangsa" yang sesuai bagi sa-buah negara yang saya ber-

ada di-dalam-nya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Jauh-lah daripada perasaan sentimen; Oleh kerana saya di-lahirkan di-dunia sa-bagai sa-orang "Melayu" dengan tidak pun mendapat sa-barang rundungan daripada sa-siapa pun. Saya lahir, saya dapati saya orang "Melayu"; tidak ada Malaikat datang berjanji dengan saya: "Kalau kamu di-lahirkan: 'Melayu'"; ibu saya pun tidak cherita, bapa saya pun tidak cherita, dan saya pun tidak tahu yang saya hendak di-namakan "Melayu". Tiba-tiba saya lahir di-dunia orang menyebut saya "Melayu". Apa yang saya sebutkan "Melayu" di-sini ia-lah satu "Rupa Bangsa" bukan satu, bukan satu Rac kaum ia-itu satu "rupa bangsa" bagi Malaysia ini. Amat-lah huduh Tuan Yang Di-Pertua, bagi sa-sabuah Negara sebagai Negera Malaysia kita ini, yang Merdeka dan berdaulat, tidak mempunyai "Rupa-bangsa".

* * * *

Saya tidak tahu, Tuan Yang Di-Pertua, mengapa kah pehak Kerajaan kita melarikan supaya rupa-bangsa tidak di-adakan di-negeri kita ini? Saya tidak pernah menekan atau pun menuntut atau pun memaksa Kerajaan kita mengemukakan satu rupa-bangsa yang tertentu; apa yang saya hendak ia-lah satu Rupa-bangsa dan kalau di-tanya saya, saya hendak sebutkan "Bangsa Melayu". Apa kata, Tuan Yang Di-Pertua, di-Selangor ini ada 200 orang Melayu yang menjadi Keristian. Apa-kah orang ini kita hendak katakan "bukan Melayu" oleh kerana dia bukan Islam? sedang dia nama Melayu, bapa-nya Melayu, lahir di-sini?. Sebab itu saya katakan: Kalau dia bergantong kapada ta'arif lama: "Melayu" itu ia-lah orang Islam dan begitu-be-gini mengikut apa yang di-tulis dalam perlumbagaan itu, maka Clause ini sudah tidak "valid" sekarang, ketuna ada orang Melayu yang di-katakan sudah menjadi

Keristian. Maka ini-lah yang saya minta supaya rupa-bangsa ini menjadi "Melayu" dengan tidak peduli dia Keristian, atau Islam atau pun dia siapa .

.....**Tuan Yang Di-Pertua**

Ini ada-lah satu pandangan yang luas bukan pandangan yang sempit.

* * *

Yang akhir sakali,

Tuan Yang Di-Pertua,

Ia-itu saya suka-lah hendak mendapat ketegasan daripada Kerajaan; dan kalau boleh-nya Ahli2 Yang Berhormat dalam UMNO. Kalau tidak mahu dijadikan "Rupa-bangsa Melayu" ini bagi Malaysia ini, maka Rupa-bangsa apa-kah yang mereka itu perjuangangkan? Nationality apa-kah yang mereka itu perjuangangkan?.....

Conclusion atau kesimpulan-nya,

Tuan Yang Di-Pertua,

Ia-itu apabila pehak Kerajaan tidak dapat menerima motion saya ini maka bererti-lah orang UMNO yang di-dalam Kerajaan itu tidak mempunyai Falsafah Kebangsaan; dan perjuangan Kebangsaan dalam UMNO itu ada-lah pembohong semata2 pada pendapat saya. Tuan Yang Di-Pertua, dengan demikian saya mengemukakan usul saya: "....." dengan harapan bahawa orang2 UMNO tidak dapat melarikan diri lagi. Tuan Yang Di-Pertua; saya polon metigemukakan .

* * *

Usul ini telah di-tolak oleh Kerajaan Yang Ber-



hormat Menteri Penerangan dan Siaran merangkap Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Senu bin Abdul Rahman, telah mewakili pehak Kerajaan; ketika menolak usul tersebut diantara lain beliau menegaskan:-

Tuan Yang Di-Pertua,

Soal yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Bachok atau dari Parti "PAS" bukanlah satu soal yang baharu di-dalam majlis yang berbahagia ini, atau soal yang pertama sa-kali di-kemukakan oleh Ahli2

Yang Berhormat daripada "PAS". Sa-panjang yang sa-ya tahu setiap kali dekat sahaja kita dengan pilehanra-ya maka Parti PAS membangkitkan semula soal hendak menjadikan "Melayu" satu rupabangsa dan chuba me-nakut2-kan ahli2 UMNO dengan perkataan "Melayu" itu; tetapi setiap kali, kita tahu sama ada di-bawa soal ini atau tidak di-bawa soal ini, manakala datang pilehanrya tetap Perikatan menang lebeh banyak dari-pada satu pilehanraya kapada pilehanraya .

Jadi, ada-lah menunjukkan bahawa raayat negeri ini sadar dan tidak menyetujui dengan apa yang di-bawa oleh Ahli2 PAS atau Ahli Yang Berhormat daripa-da Bachok tadi .

Soal "Melayu" sudah tetap di-dalam Perlembagaan. Tafsiran "Melayu" pun di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bachok tadi, tetapi di-dalam Perlembagaan, perkara 160 tidak payah-lah saya sebutkan satu persatu di-sini. Apa yang saya hairankan, Tuan Yang Di-Pertua, dan Ahli Yang Berhormat sekalian: "PAS" sebagai Parti Islam yang kata-nya memperju-angkan hak2 orang Melayu yang telah menujoh UM

NO salama ini menjual negeri ini kepada orang yang bukan orang Melayu, membelakangkan hak2 orang2 Melayu dan sabagai-nya; tetapi manakala datang soal ini nampaknya "PAS" sudah lupakan segala dasar perjuangan-nya; PAS hendak melupakan hak2, segala istimewa yang di-khaskan, yang telah di-tetapkan di-dalam Perlembagaan, hak2 yang di-khaskan kapada orang2 Melayu, kerana kita faham dengan sendiri-nya manakala usul ini di-luluskan, berma'ana akan hapus segala hak2 istimewa yang ada di-dalam Perlembagaan, dan berma'ana kedudokkan orang2 Melayu tidak berbeza - tidak ada lagi hak2 istimewa yang hendak di-bandingkan dengan orang yang bukan Melayu. Jadi, tidak ada lagi pada masa itu segala hak2 yang sudah di-berikan pengakuan di-dalam Perlembagaan itu .

Apa yang saya hairankan lagi, Tuan Yang Dipertua, ia-lah soal ini soal lama. PAS ini chuma membawa soal yang sudah di-lahirkan oleh beberapa buah Parti sbelum PAS di-lahirkan dahulu. Ini ada-lah membuka tembelang PAS yang berjuang di atas dasar Islam pada hari ini; tetapi yang sebenar-nya apa yang menjadi tulang belakang dan dasar PAS itu berlainan sama sakali daripada apa yang di-perjuangkan oleh PAS.

Usul itu telah di-bawa oleh Parti Kebangsaan Melayu dan Dr. Burhanuddin yang menjadi Pemimpin PAS hari ini, dia juga yang menjadi Pemimpin parti kebangsaan dahulu. Dia pernah dalam Parti Kebangsaan dahulu memperjuangkan "Republik" bagi Malaysia ini dan memperjuangkan negeri yang tidak beraja bagi Malaysia ini; itu-lah Parti yang telah melahirkan pada pertama kali "Melayu" ini di-jadikan sebagai rupabangsa dan kemudian di-bawa oleh PAS dengan ajaran2 daaipada Ketua2-nya ia-itu Dr. Burhanuddin. Tetapi malang-nya pada hari ini kebanyakkan - bukan kebanyakkan - sabahagian daripada orang Melayu sendiri yang tidak dapat memahami dasar yang di-perjuangkan oleh PAS itu yang di-bawa yang di-turunkan daripada Parti Kebangsaan itu telah termasuk dan telah terpe-

ngaroh dengan perjuangan PAS yang di-katakan berdasarkan Islam.

Ini saya sebutkan, Tuan Yang Di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang berbahgia ini dan untuk pengetahuan rakyat Malaysia seluruhnya supaya janganlah soal hendak menjadikan "Rupa-bangsa Melayu" di-jadikan sebagai alat peropaganda atau alat semata2 untuk pilehanraya; dan saya percaya apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bachok tadi tidak akan mempengarohi Ahli2 UMNO dan tidak akan dapat mempengarohi ahli "Perikatan" atau pun rakyat Malaysia ini, walau puu Kerajaan - biar saya katakan berterus terang - AKAN MENOLAK USUL INI walau pun potostat akan di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu beribu atau berjuta2 kopi, tidak akan menyentoh kedudukan Ahli UMNO atau rakyat Malaysia ini .

Tuan Yang Di-Pertua,

Kita tahu pada hari ini alasan2 yang saya berikan tadi dan kita tahu pada hari ini sedangkan bahasa Kebangsaan atau Bahasa Melayu sudah di-terima sebagai Bahasa Kebangsaan; dan pada hari ini rakyat Malaysia ini sudah faham dengan sapenoh-nya bahawa Bahasa Kebangsaan itu sudah menjadi Bahasa Malaysia - bukan lagi di-pandang sebagai Bahasa Melayu - hak orang Melayu semata2, tetapi Bahasa Melayu itu sudah menjadi Bahasa Malaysia - Bahasa rakyat Malaysia .

Ini yang sapatut-nya di-banggakan oleh orang2 Melayu, di-banggakan oleh orang2 PAS, sudah di-terima menjadi Bahasa Malaysia dan kita perjuangkan hari ini ia-lah NEGARA MALAYSIA. Tidak ada salah, biar kita berterus terang hari ini, Negara Malaysia Negara kita, dan Bahasa Malaysia itu Bahasa Negara kita, apa salah-nya ?

Di-Indonesia ada Melayu di-sana, ada Jawa di-sana,

ada Aceh di-sana, ada Sunda, ada Bali, tetapi manakala datang kapada Rupa-bangsa: "Indonesia"; kapada negara: "Indonesia"; Bahasa: "Indonesia". Itu tujuan kita .

Tidak guna membangkitkan soal2 yang sudah tidak patut di-bangkitkan lagi; soal yang sudah tidak ada lagi, hendak di-bangkit2-kan juga semata2 hendak mengabui mata Orang Melayu. Hari ini orang Melayu tidak dapat lagi di-abui dengan perkataan "Melayu". "Islam" - itu dan ini - tidak dapat lagi, Tuan Yang Di-Pertua. Saya kata berterus terang, jadi saya harap Ahli Yang Berhoamat dari Bachok itu sadar, walau pun potostat yang hendak di-buat itu, sava perchaya tidak akan dapat mempengarohi orang UMNO atau pun rakyat Malaysia ini. Jadi, itu-lah jawapan daripada pihak Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua .

(Usul Di-Tolak)

* * * *

SIAPA-KAH "BUMIPUTRA" ?

Pengertian "Bumiputra" telah di-persoal-jawabkan dengan hangatnya di-dalam Dewan Raya pada 13hb. November, 1966. Y. T. M. Tun-gku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri, dalam soal-jawab itu menerangkan dengan tegasnya .

"Sidpa sahaja rakyat Negeri ini yang mempunyai ta'at setia tidak berbelah-bagi boleh menamakan diri mereka BUMIPUTRA. Perkataan "Bumiputra" itu tidak mempunyai sifat-sifat undang2. Orang China, Serani, Eropah dan lain2 lagi yang mengakui bahawa ini-lah sahaja negeri mereka boleh menyatakan yang dia itu BUMIPUTRA negeri ini".

Dato' Mohamad Asri bin Haji Muda, Wakil (Pasir Puteh - Kelantan) bangun bertanya-kan Perdana Menteri: "Apakah Kerajaah sedia hendak mengadakan satu ta'arif tentang perkataan "Bumiputra" itu ?". Tungku Perdana Menteri menjawab: "Satakat ini susah saya hendak menjawab mengenai perkataan "Bumiputra" ini".

Dewan Raya:
13hb November, 1966:



Tungku dengan menggaruk kepala sadikit menyatakan nama sarupa dengan apa yang di-terangkan-nya awal tadi. "Hasrat saya kepada rakyat dan Negara ini achapkali di-utarakan masa2 lampau ia-itu untuk menyatupadukan rakyat supaya hidup aman ma'mur; dan sentiasa menerima dengan tangan terbuka sakira-nya ta'at setia mereka tidak berbelah-bagi", kata Tungku.

Dr. Lim bangun lagi dengan menekankan tentang "Rupa-bentok Bangsa" Malaysia. Dengan tegas pula Tungku menjawab: bahawa "Bumiputra" itu dalam erti-nya daripada "Bangsa Malaysia" itu. Enche C. V. Deven Nair (Bebas-Bungsar) bangun menchelah sama ada Tungku memberikan layanan2 tidak sama dengan rakan2-nya MCA dan MIC. Sambil ketawa Tungku menjawab: "Tidak..... tidak..... tidak". Dewan ketawa .

Selepas itu bangun pula Dato' Mohamad Asri Haji Muda (PAS-Pasir Puteh) dengan mengatakan bahawa nampak-nya erti "Bumiputra" itu maseh samar2 benar lagi. Memandangkan kapada ini Dato' Asri lalu bertanya: "Apa-kah Kerajaan sedia hendak mengadakan suatu ta'arif tentang perkataan BUMIPUTRA itu"?]. Dato' Asri juga bertanya, memandangkan belum adanya pengertian yang tetap itu, apa-kah orang2 yang menamakan diri mereka sebagai BUMIPUTRA itu dibenarkan mendapat layanan yang sama dengan BUMIPUTRA??. Sakali lagi Tungku bangun sambil berkata: "Satakat ini susah saya hendak menjawab mengenai perkataan BUMIPUTRA ini". Tapi walaupun bagi mana pun Tungku menggambarkan kesedian Kerajaan memberikan pengetian sabenar BUMIPUTRA itu .

Mengenai bilangan bahagian kedua soalan Dato' Asri, Tungku tidak menjawab dengan tetap dan ha-nya menarik perhatian tentang Fasal 153 Perlembagaan Malaysia sahaja. "Saya harap suatu hari nanti, kita akan dapat memberikan suatu ta'arif yang tetap, terang dan tegas mengenai istilah BUMIPUTRA ini". kata

Tungku .

* * * *

Peri Bahasa berkata: "Sebab buah di-kenal pohon-nya". Orang2 Melayu sampai sekarang maseh menunggu janji Perdana Menteri, Tungku Abdul Rahman mengenai suatu ta'arif undang2 bagi pengertian perkaatan "BUMIPUTRA" supaya dengan demikian mereka tidak-lah lagi menjadi mangsa penyakit jiwa: "Karam di-laut boleh di-timba karam di-hati bilakan sudah".

Sabenar-nya masaalah "BUMIPUTRA" ini adalah suatu perkara pokok; ia-nya mesti di-berikan ta'arif undang2 menurut semangat "*Ideoloji Negara*"; tetapi oleh kerana Negara kita hingga sekarang maseh juga belum mempunyai Ideoloji maka dengan sendiri-ya-lah ta'arif tersebut belum di-tentukan oleh Keran yang berkuasa. Walau bagaimana pun, selepas Peristiwa 13 Mei, 1969 kita sudah mulai mendengar lanjung2 mengenai Rukun Negara, Ideoloji Negara, Pasar Politik Baru, Demokrasi Khas, Falsafah Hidup baru, dan berbagai fikiran lagi. Nyata-lah bahawa -samping keburokan-nya, Peristiwa 13 Mei, itu menyai juga "kebaikan-nya"; ia-itu menimbulkan keseruan dan keinsafan .

Pada 11 hb. Ogos, 1965 Tuan Abdul Samad bin Sul Ahmad Mianji (Telah meninggal dunia dalam bulan Julai, 1967) telah pernah membawa sabuah usul -dalam Dewan Raayat dengan maksud untuk meminta Perlombagaan Malaysia bagi mengawal hak2 Bumiputra dengan chara yang lebuh berkesan. Usul-nya ber-

"*Bahawa* majlis ini mengambil keputusan meminda Perlombagaan Malaysia dengan maksud supaya terjamin hak2 BUMIPUTRA dalam lapangan Politik, Ekonomi, Pelajaran, dan Kebudayaan".



• • •

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia telah menjalankan satu sejarah dunia tentang tolorensi (tolak ansur) dan tentang memberikan hak politik yang begitu luas kepada orang yang mana tidak ada sabuah negeri pun dalam dunia ini yang memberikan hak-hya sademikian rupa kepada mereka. Oleh itu, sabelum nasi benar2 menjadi bubur 'ashura -

ebab, Tuan Yang Di-Pertua, sekarang sudah hanchor
etapi sabelum 'ashura lagi, sudah-lah wajar Perlembagaan
ita ini di-kaji samula supaya hak2 BUMIPUTRA kita
idak di-dzalimi .

Dato' Mohamad Asri bin Haji Muda ketika me-
yokong usul Enche Abdul Samad Gul itu, di-antara
uin telah berkata dengan tenang, terang dan mengan-
ongi ramalan yang tepat: "Usul ini ia-lah sakadar
eminta supaya Perlembagaan Malaysia ini di-pinda:
entu-lah chara hendak di-pinda Perlembagaan itu
nesti-lah dengan ada Committee atau Jawatan Kuasa
tau pun satu surohanjaya bagi mengkaji mana2 Fasal
ang lemah di-perkuatkan dan mana2 Fasal yang tidak
da di-adakan bagi maksud dan tujuan terjamin-nya
ak2 BUMIPUTRA dalam negeri kita ini, pertama sa-
ali dalam lapangan Politik, Ekonomi, Pelajaran dan
ebudayaan" .

Saya sendiri turut berchakap dengan serba leng-
as, di-antara lain telah saya tegaskan: "BUMIPUTRA
ui, dia kena-lah juga tanah ayer ini, patut-lah menda-
at hak lebuh daripada orang lain. Babi pun, Tuan
Yang Di-Pertua, sarang-nya yang jerumus itu kalau
orang kachau, dia lawan sampai mati. Jadi BUMIPUT-
RA kita beri kapada orang dengan tidak langsung mem-
punyai ukoran dalam perkara itu". Dr. Mahdzir bin
Mohamad (Kota Star Selatan) telah turut mengambil
bahagian dalam perbahasan itu; di-antara lain, beliau
berkata: ".....Saya menentang usul ini, ia-lah oleh
terana ini ada-lah bukan satu usul yang akan membina
itu Malaysia yang kuat tetapi chuma akan menimbul-
kan perasaan perkauman yang akhir-nya akan menjah-
amkan sama sakali Malaysia yang kita sayangi.....
ya tidak perchaya; saya sebutkan lagi, saya tidak pe-
naya dengan ada-nya, dengan di-chatitkan di-dalam
perlembagaan hak2 BUMIPUTRA maka ia akan mem-
awa kapada kesenangan bagi orang2 Melayu. Apa ya-
ng mustahak ia-lah kita bekerja dan mengguna apa
ing di-katakan hak2 istimewa orang2 Melayu itu un-

tok menbangunkan orang2 Melayu – orang2 yang boleh mempertahankan diri mereka dalam sabarang pertandingan. Dan pada satu masa kita akan buang sama sakali hak2 istimewa orang2 Melayu. Saya faham bahawa hak2 ini yang ada terchatit di-dalam Perlembagaan pada masa sekarang juga ia-lah satu tanda penghinasan bagi orang2 Melayu; ini menyifatkan orang2 Melayu seperti Red Indian di-dalam Amerika di-mana mereka itu mesti di-berikan Reserve supaya mereka itu dapat hidup di-Amerika. Kita di-sini juga ada "Malay Reserve"; dengan kerana orang2 Melayu selalu bersandar kepada Reserve ini, dan kalau tidak ada, mereka tak ada-lah tanah. Ini-lah satu tanda bahawa kita ini lemah; dan saya berharap hak2 ini tak akan kekal. Dan kita akan berusaha, saya Perchaya Parti Perikatan begitu juga Kerajaan Perikatan akan berusaha supaya pada suatu masa kita dapat membuangkan sama sakali hak2, jangan-lah menambahkan lagi hak2 ini. Terima kaseh". Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak) ketika membuat penjelasan dalam usul ini, di-antara lain telah berkata :

Jadi, Tuan Yang Di-Pertua,

Jelas sakali kapada kita sekarang, sama ada orang Melayu kita ini, mahu hidup di atas tanah ayer-nya, dan mahu sempurna di atas tanah ayer-nya terserah bulat2 kapada kegiatan dan kesunggahan kita di-dalam menchapai dan menuju kesenangan kita sendiri..... Jadi, balek2 kapada pokok asal-nya, sahingga Tuhan yang Kuasa sakali-pun tidak berdaya mengubah nasib sa-saorang melainkan dia mesti mengubah nasinya sendiri. Ada-kah ini hendak di-nafikan? Hendak menafikan ini ?.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) di-antara lain telah berkata: ".....Saya nampak usul yang di-depan kita ini walau macam mana lunar, walau macam mana baik irama yang telah di-lakukan, terutama se kali Ahli Yang Berhormat daripada (Bachok - Kelantan)

tadi, dan Ahli2 Yang Berhormat yang lain, tetapi pada segi pandangan saya, ada-lah usul ini, Tuan Yang Di-Pertua, santan yang berisi rachun. Betul santan itu putih tetapi di-dalamnya ada rachun. Jadi, kalau kita sudah fikir satu perkara ini ada mempunyai rachun maka dengan sendiri-nya usul ini tidak patut di-terima oleh Dewan ini .

* * * *

Kalau di-laksanakan usul yang di-bawa oleh PAS ini maka menjadi sangsi-lah orang2 yang bukan BUMI-PUTRA dalam negeri ini kapada Kerajaan Perikatan; tatkala itu Parti Perikatan akan pecah; rayaat negeri ini akan berpechah-belah, dan masa itu hanchor-lah Malaysia .

* * * *

Ada lagi satu, Ahli Yang Berhormat dari Bachok membangkitkan perkara "TA'ARIF MELAYU" itu.....dan saya pula pernah tengok Ahli Yang Berhormat itu merisik2 dengan BUMIPUTRA daripada Sarawak dan Sabah; dan satu masa dia telah menyatakan hendak menubohkan PAS di-Sabah, tetapi oleh sebab orang2 sana tahu dasar PAS itu, kalau tuan2 orang Dayak, orang Kadazan, orang Iban - ikut PAS, akan kena potong; oleh itu orang2 BUMIPUTRA di-sana hendak ingat orang2 PAS ini .

Ustaz Abu Bakar Hamzah (Bachok) telah menchelah sambil bertanya kepada tuan Ahmad bin Arshad: „Tuan Yang Di-Pertua, orang2 PAS ini tak ada potong kepala orang di-Kelantan – di-sana ada orang lain, mana kami ada bunoh orang ?

Tuan Ahmad Arshad Menjawab:

"Tuan Yang Di-Pertua, saya maksudkan "potong" tadi, dia akan masukkan orang2 BUMIPUTRA

itu ISLAM - "Potong Bawah"
jadi lebeh baik - UMNO tidak
ganggu" *



Jika kita perhatikan kata2 tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak) "sahingga tuhan yang kuasa sakali pun tidak berdaya mengubah nasib sa-saorang dan apa yang di-katakan oleh Tuan Ahmad Arshad baha-ru sabentar ini, maka kita akan mengerti-lah: "Sebab buah di-kenal pohou-nya" .

Enche Abdul Karim bin Abu (Melaka Selantan) di-antara lain telah berkata dalam perba-
hasan itu :

Dato' Yang Di-Pertua,

Ini sava berikan misalan yang orang PAS ini mачam lidah biawak.....hendak meminda Perlembagaan-Perlembagaan yang ada ini hendak di-pinda ? Dengan chara mana di-pinda, yang mana Bab-nya yang hen-dak pinda, dengan chara mana di-pinda, Nombor be-tapa yang hendak di-pinda? Saya harap Enche Abdul Samad terangkan .

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hi-lir) juga telah turut serta dalam perbahasan itu; di-an-tara lain, kata-nya: "Saya akan mengambil bahagian sadikit di-dalam usul yang telah di-kemukakan oleh PAS. Tuan Yang Di-Pertua, usul ini ia-lah satu usul yang terbit daripada hati kecil orang2 Melayu dengan ikhlas dan keinsafan-nya mengemukakan kapada Kerajaan, moga2 Kerajaan dapat menerima usul ini su-paya dapat memjaminkan keselamatan orang2 Melayu atau pun BUMIPUTRA di-dalam tanah ayer mereka

diri sama ada di-dalam segi politik, Ekonomi dan
lagi .

an Yang Di-Pertua,

Jawapan2 yang telah kita dengar daripada penyo-
ng2 Kerajaan yang menolak usul ini nampak-lah ka-
da kita bahawa jawapan ini tidak mempunyai alasan
likit pun bahkan mereka itu hendak membela kedu-
ukan mereka, kepentingan perut mereka, terpaksa-
a mereka itu bertutur juga. Yang menjadi sedih, Tu-

Yang Di-Pertua, sahingga perkara2 ugama telah di-
ngkitkan oleh Wakil dari Hilir Perak, yang kita tahu
lah saorang pensharah ugama dalam radio dan tali-
shen, tetapi terjemahan-nya kapada satu ayat Quraan
ng ayat itu tidak di-bachakan; dan saya meminta
n Tuan Yang Di-Pertua membachakan sapotong
at yang di-terjemahkan tadi, bunyai-nya begini :

(اَنْ اَنْ لَا يَغْيِرْ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يَغْيِرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ)

Dia menterjemahkan ayat ini dengan perkataan
“Tuhan tidak berdaya mengubah”. Ini satu pentafsiran
ti mana yang dia ambil? Kerana ayat.....

uan Haji Othman B. Abdullah Bangun :

an Yang Di-Pertua,

Boleh saya beri penerangan? .

uan Haji Ahmad :

“Ya, sila !” .

uan Haji Othman .

“Barang kali juga ahli yang berhormat itu tidak
egitu dapat mendengar chakap saya; saya mengatakan

bahawa "Tuhan sendiri tidak mempunyai kuasa hendak mengubah kita; tidak akan mengubah nasib kita kalau kita tidak mengubah diri kita sendiri"; ini bukan ma'ana kita menafikan bahawa Tuhan itu mempunyai qudrat, iradat.....

Tuan Haji Ahmad:-

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya pintak supaya Tape-recorder yang mengetip-kan chakap dan uchapan-nya tadi di-buka di-sini supaya kita sekalian dengar betul-kah atau tidak perkataan-nya yang bahawa "Tuhan tidak berdaya"..... Oleh kerana bangsa asing banyak, apa-kah yang telah berlaku kapada orang Melayu di-Pulau Singapura? Ini satu chontoh yang di-hadapan mata kita chuma beratus batu jauhnya; apa yang telah berlaku kapada orang Melayu di-Singapura akan berlaku kapada tuan2 dan anak tuan2 sekalian di-dalam tanah ayer kita sendiri.....

Tuan Yang Di-Pertua,

Penganjor2 Perikatan di-dalam pelaksanaan polisi masharakat palbagai kaum (*Multi - racial society*) untuk mengadakan satu bangsa yang terkandong di-dalam bermacam2 bangsa ada-lah di-jadikan satu falsafah dan falsafah ini-lah menjadi satu dasar perjuangan Kerajaan Perikatan atau pun orang2 UMNO. Mereka berkata daripada berbagai bangsa ini boleh di-jadikan satu bangsa yang ta'at setia - yang memberi ta'at setia yang tidak berbelah bagi-kapada Kerajaan negeri ini. Saya tidak tahu falsafah ini datang dari mana; kalau mengikut dari segi siasah atau *Political Science*, falsafah itu tidak-lah kena".



Tuan Mohamad Daud Bin Abdul Samad :

Tuan Yang Di-Pertua,

· Walau pun usul ini di-tentang, di-bangkang dan tidak akan di-persetujui; tetapi kami akan menunggu sa'at dan masa-nya bahawa usul ini akan menjadi saksi dan akan menjadi saksi dan akan menjadi masaalah yang besar pada masa yang akan datang .

Tuan Yang Di-Pertua,

Masaalah politik, Ekonomi dan Pelajaran ini-lah yang telah pun menjadi soal yang besar di-dalam negera ini atau pun di-dalam dunia ini dan kepada mana2 bangsa juga .

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Tuan Khir Johari telah turut serta membahaskan usul yang di-kemukakan oleh Enche Abdul Samad Gul itu; dan di-antara lain, Menteri Pelajaran itu berkata :

Tuan Yang Di-Pertua,

.....Dan saya berani sebagai Menteri Pelajaran dan salah saorang anggota Cabinet, saya berani menjalankan apa jua yang saya fikir adil dan patut untuk membaiki keadaan - ekonomi baik, Pelajaran baik, bagi BUMIPUTRA sekalian; kerana saya tahu bahawa rakan2 saya yang berada di-dalam Perikatan daripada MCA dan MIC tidak merasa chemburu di atas perbuatan kita bagi menolong2 rakan2 kita yang memang mereka-itu sendiri mengakui ada-lah mundur di-dalam soal Pelajaran dan juga dalam soal ekonomi .

.....dengan ada-nya jaminan2 yang sudah ada pada hari ini di-dalam Perlembagaan kita sekang ini chukop bagi kita membuat apa jua kita fikir patut bagi memajukan BUMIPUTRA kita selama2-nya .

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

"Jadi, sebab itu-lah saya kata tidak payah-lah kita hendak ada pindaan seperti mana yang di-usulkan di-sini; tidak payah hendak di-jamin dan hendak ditambah kalau sakira-nya semua raaayat BUMIPUTRA semua sanggop merebut segala peluang dan sanggop berkorban. Bagi pehak Kerajaan, kita akan menjalankan juga apa yang di-fikirkan patut - bukan dengan fikiran yang chemburu daripada kawan2 kita tetapi dengan sukarela mereka-itu semua saya perchaya akan memberi sokongan kapada Kerajaan kita untuk menjalankan satu tanggong jawab yang kita agak sangat berat ia-itu bagi memberikan tempat yang saputut-nya dalam ekonomi dalam Pelajaran, dan lain2 bidang untuk saudara2 kita yang berasal yang menjadi BUMIPUTRA bagi tanah ayer kita ini. Sekian-lah, terima kasih".

Menggulong Perbahasan:

Dalam menggulong perbahasan-nya Enche Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji telah berkata di-antara lain-nya :

Tuan Yang Di-Pertua,

Memang seperti yang di-jangka, pehak perikatan akan menentang usul ini; dan yang menghairankan saya, tidak ada saorang pun yang lain daripada UMNO menentang usul ini. Tidak ada anggota MCA atau MIC yang menentang usul ini. Ha-nya yang ada ia-lah orang2 UMNO. Saya pun tidak tahu, bagi saya atau pun bagi PAS, penolakan ini tidak-lah menjadi soal walau pun kita terasa sedeh usul ini di-tolak. Tetapi sakurang2-nya dapat-lah kami tahu dan dapat-lah kami cheritakan kepada raaayat seluroh BUMIPUTRA dalam negeri ini bagi mana temberang-nya cherita UMNO hendak membela bangsa Melayu ini seperti yang di-uchapkan oleh Yang Berhormat Wakil Kota Setar Selatan: "Hak2 istimewa yang ada di-dalam Fasal 153 itu tidak mempunyai erti. Lebih baik kita buang Fasal 153 ini", mengapa tidak di-chakapkan ka-

pada orang Melayu tentang ini?

Tuan Dr. Mahdzir Bangun
Menerpa :

"Saya chuma meminta dibuangkan hak2 ini apabila orang2 Melayu dan BUMIPUTRA boleh berdiri dan bertanding dengan lain2 bangsa, tidak lagi berkehendakkan bersandar kepada hak2 yang di-masukkan k dalam Perlembagaan. Tetapi nampaknya Ahli dan PAS ini chuma hendak bergantong ka pada itu selama2-nya".



Enche Abdul Samad

Tuan Yang Di-Pertua,

Perlembagaan ini ia-lah Spreme Law (Undang2 Tertinggi) Negara kita ini. K pada siapa lagi kita hendak bergantong kalau tidak dengan Perlembagaan ini? Apakah kita mahu Negara kita ini menjadi macham Singapura? Apabila "dia" terlampaui ramai, tak ada hal hendak berbuat - potong buang .

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya membentangkan sokongan daripada seluruh BUMIPUTRA dan orang2 Melayu dalam Perikatan. Saya menunggu orang2 lain daripada UMNO berchakap - saya menunggu orang2 MCA atau Menteri2 MCA atau MIC berchakap, tetapi malangnya mereka kosong tidak ada di-dalam Dewan ini, yang tinggal ia-lah senapang2 buloh daripada UMNO menunggu PAS; dia orang bertepok tangan di-luar Dewan : "Gasak-lah kamu PAS dengan UMNO" .

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya tahu usul saya ini akan kalah; tetapi tiap2 patah perkataan yang kita chakapkan dan yang di-u-chapkan oleh saudara2 orang2 UMNO itu akan di-tulis di-dalam minit meshuarat Dewan Raayat ini; dan akan kami simpan minit meshuarat ini hingga kapada surriyat kita yang akan datang kemudian. Terima kasih.

(Masaalah di-bentang dan di-tolak) .

Masaalah ta'arif Bumiputra terus menerus persoalan yang hangat di-dalam Dewan Ra'ayat. Di-sini di-peturunkan beberapa soal-jawab di-dalam parlemen pada hari Thalatha , 11 hb , June , 1968:

Tuan Haji Abu bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri :

- a) Apa-kah dia ta'arif rasmi dari segi undang2 Perlembagaan bagi perkataan "BUMIPUTRA" yang selalu di-gunakan oleh pehak Kerajaan Perikatan ;
- b) Ada-kah benar bahawa Kerajaan mengguna perkataan "BUMIPUTRA" itu tanpa menghiraukan nilai undang2-nya ?

Perdana Menteri :

- a) Dalam undang2 Perlembagaan, perkataan "BUMIPUTRA" tiada di-gunakan bagi negari2 Tanah Melayu . Semenjak Malaysia, perkataan "Native" (yang boleh di-terjemahkan kapada perkataan "BUMIPUTRA") ada-lah di-gunakan bagi negeri2 Borneo dan di-ta'arifkan dalam Perkara 161-A Perlembagaan Malaysia .
- b) Tidak .

Masaalah "BUMIPUTRA" ini ada kaitan yang amat rapat dengan "Rupa-bangsa" dan juga "Hak Istimewa" orang2 Melayu ; oleh itu akan tidak sem-purna-lah jika tidak di-peturunkan soal-jawab di-dalam Dewan Ra'ayat mengenai ketiga-tiga persoalan tersebut.

KEDUDOKAN ISTIMEWA ORANG2 MELAYU DAN TA'ARIF BUMIPUTRA

"Saya menegaskan sakali lagi bahawa negeri ini ia-lah sa-buah negeri Melayu, tetapi terpulang-lah kepada orang2 Melayu sendiri memainkan peranan yang chergas dan berfaedah dalam tiap2 lapangan masharakat negeri ini untuk merebut peluang2 masa hadapan yang lebuh cherah ."

Tungku Abdul Rahman Putra,
Buku "13 Mei - muka 181".
September, 1969 .

• • •

"Akhir-nya Perkara 159 (5) dalam Perlembagaan Persekutuan saperti di-katakan di atas mungkin terpaksa dilindungi dengan meminda Perlembagaan Persekutuan dan mengadakan satu peruntukan bahawa perkara itu tidak boleh di-pinda tanpa persetujuan Majlis Raja".

Tun Haji Abdul Razak
"Terejadi 13 Mei",
muka: 95 - 96.
9hb. Oktober, 1969 .



"Bahawa Majlis ini mengambil keputusan meminda Perlembagaan Malaysia dengan maksud supaya terjamin hak2 BUMIPUTRA dalam lapangan Politik, Ekonomi, Pelajaran dan Kebudayaan".

Abdul Samad Gul Ahmad
Usul ka-dalam Parlimen,
11hb. Ogos, 1965 .

RUPA-BANGSA; HAK ISTIMEWA DAN BUMIPUTRA .

Di-bawah ini di-peturunkan beberapa soal-jawab antara Wakil Bachok, Kelantan dengan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra pada hari Thatcher, 11hb. June, 1968 mengenai "Rupa-bangsa; Hak istimewa; dan BUMIPUTRA" samoga menjadi pendorong berfikir kepada rakyat negeri ini .

RUPA-BANGSA :

uan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri :

"Ada-kah benar bahawa Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang tidak mahu menjadikan "Melayu" sebagai rupa-bangsa negeri ini kerana takut terluput "hak2 istimewa" orang2 Melayu yang terchatit di-dalam Perlembagaan Malaysia sekarang ? "

erdana Menteri:

"Tidak benar" .

HAK2 ISTIMEWA:

uan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri :

- a) Dapat-kah beliau menerangkan dalam Bab yang keberapa-kah dari Perlembagaan Malaysia ada tersebut "Hak2 istimewa orang Melayu" kerana satahu saya apa yang tersebut di-dalam Perlembagaan kita ia-lah "Kedudukan istimewa" (Special Position) - bukan "Hak istimewa" (Special Rights); dan
- b) Dapat-kah Kerajaan menghuraikan menga-

pa-kah Kerajaan mengguna perkataan2 yang tidak tersebut di-dalam mana2 Bab atau Fasal di-dalam Perlembagaan Negara ?

Perdana Menteri:

- a) Sabenar-nya-lah di-dalam Perlembagaan tiada tersebut perkataan2 "Hak Istimewa orang Melayu". Apa yang di-sebutkan dalam Fasal 153 ia-lah "Kedudukan istimewa orang2 Melayu";
- b) Kerajaan tidak menggunakan perkataan2 yang tidak tersebut dalam Perlembagaan dengan rasmi seperti yang di-tuduh itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri:

"Ado-koh benar bohawa Kerajaan Perikatan akan memonsohkan "kedudukan istimewa" (Special Position) orang2 Melayu dari Perlembagaan apabila sampai 15 tahun (lima belas) tahun dari tarikh hari kemerdekaan" ?

Perdana Menteri:

Saperti yang telah di-nyatakan, kedudukan istimewa orang2 Melayu ada-lah di-peruntukan di-bawah Perkara 153 Perlembagan dan Fasal 5 Perkara 38 menyatakan bahawa :

"The Conference of Rulers shall be consulted before any change in policy affecting administrative action under Article 153 is made".

dan Fasal 5 Perkara 157 menyatakan lagi bahawa :-

"A law making an amendment to Article..... or 153 shall not be passed without the consent

of the Conference of Rulers” .

Kerajaan tidak ada tujuan hendak memansokhkan “kedudukan istimewa” orang2 Melayu di-dalam tempoh yang tersebut pada masa ini .

PELAKSANAAN HAK ISTEMIWA:

Pada hari Thalatha yang sama; ia-itu 11hb. June, 1968 Wakil Bachok - Kelantan telah bertanya lagi kepada Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman berkenaan perkara2 yang telah di-buat oleh pehak Kerajaan mengenai “hak istemiwa” orang2 Melayu :-

- a) *Apa-kah perkara2 yang besar yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan dengan jalan “Kedudukan istimewa” orang2 Melayu sejak kita mencapai kemerdekaan; dan*
- b) *Apa-kah perkara2 tersebut benar2 dilakukan dengan bantuan “Hak Istiaw” atau pun dilakukan dengan jalan biasa seperti ranjang kemajuan luar bandar dan sbagaimana ?*

Perdana Menteri,

a) Sejak kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah mencapai tujuan Perkara 153 dengan menentu-ada-nya di-khasikan untuk orang2 Melayu kadar bilangan jawatan dalam perkhidmatan awan, biasiswa2, dermaisiswa dan lain2 hak2 istemiwa dan kemudahan2 dalam Pelajaran dan latehan termasuk permit2 dan lesen2 untuk menjalankan perniagaan, seperti di-fikirkan berpatut oleh Kerajaan .

b) Kerajaan2 ini telah di-perolehi mengikut dan berdasarkan kepada peruntukan2 dalam Fasal 153 itu.

Tuan Haji Abu Bakar Hamzah:

"Sejak merdeka (1957) hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah "hak istimewa" yang telah di-berikan kepada orang2 Melayu bertanding dengan yang di-berikan kepada orang2 Bukan Melayu; ia-itu dalam pekara2 yang berikut :-

- a) Biasiswa2 Pelajaran;
- b) Lesen2 Kenderaan;
- c) Lesen2 Lembong;
- d) Lesen2 Perusahaan taraf perintis; dan
- e) Lesen2 Perkapalan ?

Perdana Menteri:

Oleh sebab pertanyaan yang di-kemukakan ini ada-lah meliputi tempoh yang panjang dan beberapa bidang yang berlainan, di-dapati sukar sadikit jika bilangan2 yang tepat dan lengkap hendak di-dapati dan di-berikan dalam tempoh yang singkat ini. Oleh hal yang demikian, jawapan yang sempurna kapada pertanyaan ini tidak dapat di-berikan di-sini dan akan disampaikan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah satelah sahaja jawapan-nya di-se diakan .

Berikutkan dengan itu beberapa pertanyaan telah di-kemukakan dan semua berjawab belaka. Di-antara jawapan2 yang di-beri ia-lah jawapan pada hari Khamis 16hb. January, 1969 :-

Tuan Haji Abu Bakar Hamzah:

"Hingga akhir tahun 1968, berapa banyak-kah jumlah teksi yang di-punyaikan oleh BUMIPUTRA berbanding dengan yang di-punyaikan oleh bukan BUMIPUTRA" ?

Tan Sri Sa'adon bin Haji Jubir, Menteri Pengukutan:

"Sahingga 30hb. November, 1968"

- i) **BUMIPUTRA** 2,425
ii) **Bukan BUMIPUTRA** 2,201 .

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah,

"Hingga akhir tahun 1968 berapa banyak-kah kereta pengangkutan seperti Lori yang di-punyai oleh BUMIPUTRA berbanding dengan yang di-punyai oleh bukan BUMIPUTRA" ?

Tan Sri Sa'adon bin Haji Jubir:

"Sahingga 30hb. November, 1968" :

- i) **BUMIPUTRA** 2,101;
ii) **Perkongsian** 604; dan
iii) **Bukan BUMIPUTRA** 33,955 .

(Angka2 tersebut di atas termasuk Lori2 dan Van2 yang di-benarkan bawah Lesen Kelas "C" ia itu kerana membawa barang2 sendiri) .

* * * * *

PERLEMBAGAAN DAN HAK ISTIMEWA MELAYU

Dalam buku-nya "13 Mei", Bahagian XVII mu-ka 174 naskhah Bahasa Kebangsaan, Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Menegaskan:

Menurut "pelampau" yang telah dapat menunjok satengah2 daripada pemuda2 itu, negeri ini ada-lah kepunyaan orang2 Melayu sahaja dan orang2 lain tidak berhak atas-nya. **Tidak ada siapa Pun yang dapat menafikan bahawa pada asal-nya negeri ini ia-lah sabuah negeri orang2 Melayu, dan mereka-lah yang menjadi BUMIPUTRA.** Dengan sebab itu-lah Perlombagaan mesti mengadakan sharat2 khas mengenai dengan adat isti'adat dan hak2 orang2 Melayu itu.

Sharat2 ini ada terkandong di-dalam Perlombagaan kita. Mesti-lah di-ingatkan bahawa Perlombagaan Negara kita telah di-gubalkan sa-telah mendapat kata sapakat dari semua kaum kerana mereka memahami dan men-vedari kedudukan istimewa orang2 Mela-yu. Oleh kerana ora-ng2 Melayu sentiasa chenderong kapada Pemerentahan Beraja, maka pelembagaan telah menentukan bahawa negeri ini mesti-lah di-perentah oleh saorang Raja, dan salah sa-orang Sultan2 yang memerentah di-pileh menjadi Ya-ng Di-Pertuan Agong .

Sambil itu Perlombagaan juga mengawal dan



اورخ اندیسا تا خیانة

حق

استمیوا

ملایو

- کات بون سپتھن -

ارک دھلکن درس

بڑا نہرور =

menghormati kedudukan Raja2 Melayu dan hak2 kedudukan Baginda, seperti perkara2 yang mengenai dengan ugama dan adat isti'adat orang2 Melayu. Perlembagaan itu juga mensharatkan bahawa ugama Islam hendaklah menjadi ugama resmi bagi Negara dan Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa resmi. Rengkas-nya Perlembagaan mempertahankan mengaknakan hak2 orang2 Melayu buat salama2-nya .

Bahkan Perlembagaan juga telah menentukan perkara2 yang lain lagi untuk orang Melayu. Ia-nya mengakui hakikat bahawa samasa Perlembagaan itu dibubalkan dengan persetujuan semua pihak, tiap2 orang telah sadar dan menerima hakikat bahawa kedudukan ekonomi orang2 Melayu telah tertinggal ka-bebakang dari kaum2 lain yang duduk di-negeri ini. Hakikat ini tidak-lah dapat di-naikan oleh sasiapa juapun. Oleh itu satu sharat khas telah di-masukan untuk mengatasi emondoran ekonomi orang2 Melayu .

Sasunggoh-nya, laporan Surohanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan, "bahawa sebagai hasil dari perjanjian2 yang asal dengan negeri2 Melayu yang di-tegaskan dari samasa ka-samasa, maka kedudukan istimewa orang2 Melayu itu sentiasa-lah ia-akui, dan pengakuan ini telah di-nyatakan sakali gi di-dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948". (Sila ambil perhatian perkataan2 "sentiasa-lah ia-akui") .

Salanjut-nya Surohanjaya itu mengatakan bahawa ada ketika itu empat perkara mengenai dengan kedudukan istimewa orang2 Melayu yang di-akui dan dilindungi. Perkara2 itu ia-lah tanah2 simpanan orang2 Melayu di-dalam negeri2; peruntukan khas (sotia) untuk kemasukan di-dalam jawatan2 Kerajaan; peruntukan khas mengenai dengan pengeluaran permit2 dan lesen2 untuk menjalankan satengah2 perniagaan seperti lesen lori dan kereta sewa, sama ada yang meru-kan bantuan yang sapanoh atau sabahagian, dan ber-

bagai2 lagi rupa bantuan yang lain untok tujuan pelajaran yang di-berikan kapada orang2 Melayu .

Surohanjaya itu menyatakan "orang2 Melayu akan menghadapi satu kedudukan yang sangat lemah berbanding dengan kaum2 lain kira-nya sharat2 istemwa ini ini di-tarik balek dengan tiba2". Mereka membuat perakuan supaya kedudukan yang terdapat pada waktu itu patut-lah di-teruskan untok satu masa yang panjang .

Dengan lain2 perkataan ahli2 Surohanjaya itu telah menyatakan bahawa keutamaan ekonomi bagi orang2 Melayu sangat-lah perlu. Mereka menchadangkan supaya perkara ini di-kaji balek salepas daripada lima belas tahun. Kesemua pandangan ini telah di-mosakan di-dalam Perlembagaan itu .

Dari semenjak kemerdekaan, Kerajaan Perikatan yang telah memegang kuasa telah mematohi sharat2 yang terkandong di-dalam Perlembagaan ini dan menjalankan polisi-nya untuk menentukan supaya chita2 hendak memajukan ekonomi orang2 Melayu itu pada keseluruhan-nya dapat di-chapai. Dengan sebab itu-lah Kerajaan telah menjalan dana melaksanakan rancahan2 besar pembangunan luar bandar, sahingga dapatlah di-katakan bahawa bermacam2 perkara telah dibuat untok faedah orang2 Melayu daripada mereka dalam rahim sahingga-lah ka-pintu kubor .

* * *

Saya berdo'a mog2 keamanan dalam negeri akan segera pulih, dan dengan pulih-nya keamanan maka saya yakin bahawa orang2 di-negeri ini, terutama-nya sakali orang2 Melayu, akan mendapat faedah2 yang lebih besar, menekinati kemajuan yang lebuh tinggi dan taraf hidup yang lebuh baik .

Saya menegaskan sakali lagi bahawa negeri ini

ia-lah sa-buah negeri Melayu, tetapi terpulang-lah kepada orang2 Melayu sendiri memainkan peranan yang chergas dan dan berfaedah dalam tiap2 lapangan maseh arakat negeri ini untok merebut peluang2 masa hadapan yang lebeh cherah. Sambil itu mereka mesti-lah sentiasa ingat bahawa Perlembagaan-lah sahaja yang dapat menjamin keselamatan dan ke- majuan kita semua. Isi kandongan Perlembagaan itu dan pemakaian-nya amat-lah penting untok kita sekalian .

Jika "pelampau" Melayu mahu menunggang-balikkan Perlembagaan, maka mereka akan membuta tuli terjerumus ka-jurang kemundoran dan terperangkap dalam keadaan kachau bilau .

Tungku Abdul Rahman Putra.

* * * *

PENDAPAT

Y. B. TAN SRI GHAZALI BIN SHAFI'E

"Sabagai mana yang pernah saya katakan beberapa tahun yang lalu, Politik di-Negara ini selama-nya dan samesiti-nya terus berlandaskan "Kebumiputraan" untuk satu jangka waktu lagi, inilah hikmat keutuhan dan kema'moran kita pada masa lampau dan ini merupakan hakikat politik yang tidak saorang pun boleh ketepikan begitu sahaja".



"Politik yang berlandaskan BUMIPUTRA ini bukan-lah berpegang kapada tolak-ansor yang palsu atau paksaan tetapi dengan chara bekerjasama yang tulin dengan bangsa2 lain dalam Negara ini. Tolak-ansor yang palsu tidak akan membawa kita ka-mana pun; sabalek-nya mungkin akan membawa kita kapada Peristiwa 13 Mei, chara tolak-ansur begitu membawa kapada sangkaan2 palsu yang menimbulkan dendam disisi pehak yang memberi, dan pehak yang menerima mungkin bersikap dapat betis maukan paha pula".

KONSEP POLITIK BUMIPUTRA

Uchapan Yang Berhormat Tan Sri Ghazali bin Shafi'e di-upachara penuntup Meshuarat Agong yang ka-Lapan P.K.P.I.M., di-Maktab Perguruan, lembah pantai pada 11.00 pagi, Sabtu, 1 hari bulan Ogos, 1969 .

Saya menguchapkan berbanyak2 terimakaseh kepada saudara2 kerana memberi kesempatan untuk beruchap di-majlis penutup persidangan ini .

Pada perjumpaan saperti ini ada-lah mudah bagi saya memberikan kata2 nasehat yang molek atau pun mencheritakan perkara2 yang sedap di-dengar dan selepas itu kita boleh-lah dengan perasaan sukachita dan berpuas hati dengan masaalah2 kita dan sesama kita sendiri. Tetapi kalau buat saya berbuat begitu kita tidak akan menchapai apa2 pun dan pada fikiran saya saudara2 pun bersetuju kita ha-nya akan membuang masa sahaja .

Kita kenal dan faham satu sama lain dan oleh tu saya bermaksud hendak berchakap kapada saudara2 dengan berterus-terang kerana dengan chara itu saja-lah kita boleh mara kehadapan kearah tujuan bersama yang kita ingini .

Saya perchaya persidangan saudara2 ini berbentuk soal pemimpinan. Saya menguchapkan tahniah kapada saudara2 kerana memilih tajok yang membawakan kesedaran di-dalam keadaan mendesak dan suasana tegang di-sekeliling kita sekarang .

Setiap jenerasi pasti akan menemui saat kemanangan politik-nya. Bagi jenerasi saya saat kematangan ni ia-lah di-zaman pendudukan jepun,dan di-masa itu ah kami telah memutuskan bahawa Negara kita tidak lagi boleh di-jadikan anak chator politik antara bangsa, di-kotakatikan oleh kuasa2 kolonial untuk kepentingan

mereka .

Sejak itu-lah beneh kesedaran mulai bertumbuh di-hati sanobari kami dan hidup segar serta berbuah dengan tercapai-nya kemerdekaan pada 1957 .

Bagi jenerasi saudara2 tarikh 13 Mei, 1969, ada-lah saat kematangan politik saudara2. Dan ini berma'anc kita semua-nya bersama dewasa dan matang dalam ertikata politik .

Buat saudara2 dan sebenar-nya kapada sesiapa juu yang mempunyai tanggong-jawab politik peristiwa2 pada hari yang besejarah itu merupakan batu tanda yang tidak dapat di-ganjak atau di-ubah, ketegangan dan kechemasan yang timbul dari peristiwa itu telah beransor hilang tetapi kita tidak boleh menoleh kebelakang lagi .

Kita tidak boleh lagi kembali kapada masa atau keadaan lama ia-itu dengan ha-nya berharap atau ber-pura2 atau dengan mengenepikan barang suatu yang tidak inak atau yang merupakan kesulitan, kerana kita fikirkan bahawa masalah itu akan luput atau akan selesai dengan sendiri-nya .

Kita semua tau bahawa negara kita pada hari ini menghadapi satu chabaran yang besar. Tetapi saya ingin saudara2 mengambil ingatan-bawa saat yang genting itu merupakan saat yang berbahaya tetapi juga ialah yang berkesempatan.

Jika kita lemah semangat atau pengechut, bahaya itu akan menjahanamkan kita. Jika kita terlalu ghairah tetapi sempit pandangan kita ha-nya akan mendapat kemenangan yang khayal se-mata2. Tetapi jika kita mempunyai ketabahan dan keberanian, kita semestinya menyambar peluang keemasan dari saat genting ini bagi mencipta suatu masyarakat yang benar2 mempunyai haluan yang merupakan satu

chenderamata untok chuchu-chichit kita yang akan datang.

Kita hendak-lah menerima chabaran zaman, bukan semata2 dalam bentok gerakgeri, bukan dengan chara kempen atau berbisek2, bukan dengan chara omong kosong dikedai kopitiam, tetapi mengambil tindakan yang bertujuan dan membina dengan satu matlamat yang jelas yang semesti-nya realistik dan baik serta menghadapi-nya dengan keberanian, kegagahan dan lebh2 pula dengan segala kebijaksanaan yang ada pada kita.

Pada kesempatan ini saya suka memberikan sedikit buah fikiran di atas perkara pemimpinan yang merupakan thema perbinchangsan saudara2, saya perchaya saudara2 telah membinchangkan persoalan itu dengan mendalam bersama dengan masa'alah2 yang di-hadapi oleh negara dewasa ini.

Saya tau saudara2 chukop berani dan sedia berkorban tetapi pada fikiran saya itu sahaja tidak-lah memadai. Saya tau juga saudara2 chukop gagah dan boleh menggerakan satu gerakan raksasa, tetapi pada saya itu pun tidak akan memadai.

Saya ingin menegaskan kegagahan d-samping keberanian sahaja tidak akan mendhukopi. Pada saat ini mari-lah kita bertanya diri kita sendiri - adakah kita berani menghadapi kebenaran ?

Ada-kah kita mempunyai kekuatan tenaga untuk menghadapi chabaran jangka panjang ? lebh2 lagi adakah kita mempunyai kebijaksanaan yang lahir daripada keyakinan dan kesanggupan untuk mencipta satu bangsa bagi negara kita yang makmor dan kekal abadi ?.

Di-dalam membinchangkan soal pemimpinan adakah jelas kita tidak berhajat untuk membinchangkan dari

segi ekademik atau cherakanan kaji masharifik mengenai chorak2 pemimpinan.

Pemimpinan itu sayugia-nya bersangkut dengan zaman dan tempat yang tertentu dalam mana ia bergerak. Kita tidak boleh melupakan tirai latar belakangnya kalau perbinchanan itu hendak mencapai sesuatu yang berguna. Pemimpinan yang dikehendaki menggerakkan tenaga untuk melawan penjajahan itu ternyata tidak mempunyai sifat2 yang membina untuk membangun Negara .

Banyak chontoh2 yang kita perolehi dan tak pahalah saya menunjukkan mana satu mereka itu adalah pemimpin2 yang di-namik tetapi semangat di-namik yang menggerakkan tenaga menentang kuasa penjajah nyata tidak sesuai untuk menghuraikan masaalah2 yang di-hadapi Negara-nya pada masa2 yang kemudian, ia-itu mengerahkan tenaga raya untuk membina semula ekonomi dan membangun Negara. Bahkan mereka itu bukan di-namik lagi tetapi merupakan di-namik yang menjahanamkan Negara-nya sendiri .

Jurutera2 peroboh binting kolonialis seperti Dr. Sekarno tidak boleh menjadi jurutera2 pembinaan yang baik. Tetapi ada juga pengechualian dalam hal ini umpama Malaysia atau Singapura, yang telah mencapai ke merdekaan bukan dengan chara merobohkan kolonial atau rebolosi tetapi dengan ebolosi se secara damai. Pemimpinan di-dalam Negara bagitu biasa-nya dapat melentor pendirian mereka secara pragmatik dan mensesuaikan dengan keadaan untuk membuat rancharangan2 yang bertujuan serta membina .

Oleh yang demikian jangan-lah kita lupa bahawa saorang yang sebenar2 pemimpin itu berada di-dalam satu2 keadaan dan suasana yang tertentu dan kita tidak boleh mencipta sesuatu konsep tentang pemimpinan yang di-namik. Sakira-nya kita berbuat demikian kita akan membuat satu perhitungan yang salah yang

mungkin membawa kita kepada satu keputusan yang salah pula .

Di-Malaysia ini kita hendak-lah senantiasa ingat dan janganlah sekali2 lupa tentang chorak masharakat kita .

Sifat2 yang perlu bagi sa-saorang pemimpin untuk memenuhi kehendak2 masharakat kita sudah pasti jauh bedza-nya dan lebih sukar dari sifat2 yang diperlukan di-dalam satu masharakat yang sejenis (*homogenitas*), yang mempunyai tawarikh sama serta menganggap diri mereka satu .

Dalam masharakat yang seperti itu chukop memadai kalau pemimpin menyedari tanggong-jawab untuk memajukan Negara-nya, sifat saumpama ini tidak menchukopi dalam masharakat kita .

Pemimpinan kita bukan sahaja harus menentukan supaya Negara kita menchapai kemajuan dalam semua bidang seperti politik, ekonomi kemasharakatan dan kebudayaan bahkan ia harus juga menentukan perpaduan seluroh bangsa, supaya tiap2 kaum dalam Negara ini dapat menikmati dan berpuas-hati dengan kemajuan yang di-chapai itu .

Saya ingin memberi satu chontoh. Ada-lah menjadi tanggong-jawab tiap2 pemimpinan untuk memajukan potensi yang ada, dari semua unsur yang terdapat dalam masharakat itu, menggunakan semua bakal dan sumber yang terdapat sapenoh2-nya. Untuk berbuat demikian sahaja pun sudah tentu sukar, tetapi tugas ini ada-lah menjadi bertambah sukar dalam masharakat seperti di-Malaysia .

Pemimpinan sambil memberikan kebebasan yang penoh kapada kaum2 yang ada untuk memajukan potensi meacka sa-penoh-nya mesti-lah pula mengelakkan

sesuatu kaum menaroh perasaan dendam dan irahati, kerana ketinggalan dalam pembangunan Negara .

Oleh yang demikian dalam menjalankan satu ranjang pembangunan luar bandar yang dinamis, umpana-nya, pemimpinan kita seharusnya menentukan supaya tidak mewujudkan perasaan kapada penduduk2 bandar bahawa mereka telan di-ketepikan .

Bagitu juga dalam usaha2 untuk memajukan sektor perdagangan, hendak-lah di-tentukan supaya tiap2 kaum mendapat bahagian masing2 dan tidak ketinggalan di-belakang. Dia sahatus-nya bijak dan pintar supaya menghalang timbul-nya gejala2 buruk dari man2 pehak jua .

Pemimpin kita semesti-nya hendak-lah memahami landasan politik Negara ini ia-itu berlandaskan BUMIPUTRA dan setentak itu jua hendak-lah mengakui serta mematahi norma2 dan nilai2 yang di-junjong tinggi oleh umum ia-itu ideologi Negara atau rukun Negara.

Pemimpinan Malaysia yang benar2 di-namik ia-lah mereka yang pertama-nya mengenal dirinya dan hakikat-nya sendiri dalam makna warisan dan darah-nya dan kemudian dapat menekan atau melemparkan diri-nya tanpa menghilangkan keperibadian-nya dalam peranan perkhidmatan terhadap nilai2, tujuan2 suchi serta rukun Negara yang semesti-nya melingkungi keperibadian-nya sendiri .

Dalam keadaan kita di-Malaysia pemimpinan yang di-namik ada-lah bererti sesuatu yang berbeza sa-masekali daripada pemimpinan masyarakat lain. Pemimpinan kita di-Indonesia. Tengku sekali daripada pemimpinan Singapura .

Saperti yang ternyata tadi masaalah2 yang dihadapi oleh pemimpinan di-Malaysia ada-lah amat

ukur, ini memerlukan bukan sahaja penilaian intelektual mengenai masalah2 yang terlibat tetapi juga fahaman tentang beberapa perkara yang hanya boleh dilakukan oleh sa-orang tokoh yang betul2 mempunyai tirasat yang terlatih atau *trained intellecution*.

Tidak payah-lah saya sebutkan lagi bagaimana penting-nya peranan *intelektual* di-sisi politik negara kita. Sebagai *intelektual* peranan saudara2 mithal-nya akan mendalamkan dan menjelaskan lagi pendapat2 yang akan menguntungkan politik negara ini.

Benarkan saya memberi satu pandangan: di-Malaysia saorang pemimpin bukan sahaja di-kehendaki lebih dari pandai, lebih dari berani dan lebih dari kuat dia memerlukan semua sekali sifat2 tadi dan lebuh2 pula dia harus-lah saorang yang bijaksana.

Peristiwa 13 Mei telah menggegerkan seluruh negeri ini. Dan ini telah menimbulkan ketegangan dan kechemasan, tetapi kita mesti tegas. Kita harus menganggap peristiwa itu sebagai satu amaran yang menyatakan bahawa sesuatu yang tidak betul telah berlaku berkenaan dengan politik negara ini, seperti satu ragutan di-tuboh manusia yang rehat seketika, dan berhati2 untuk menchari penyakit-nya supaya dapat di-ubati.

Saorang yang terkena ranggutan jantong mungkin di-beritahu oleh doktor-nya bahawa *kolistrat* darah-nya terlampau tinggi, dia telah memakan makanan yang salah dan oleh sebab dia tidak menjaga badan sehingga menjadi gemok dan lembek, beliau akan di-nasehatkan supaya berhati2 mengikut segala yang di-pantangkan dalam makanan-nya dan selalu bersenam untuk menjaga badan dan kesehatan-nya.

Begitu-lah juga keadaan tuboh Negara kita keseluruhan-nya telah merasa satu ranggutan pada 13 Mei yang lalu.

Tugas kita sekarang ia-lah untok menyelidiki apa yang salah dan mencharikan ubat-nya dan apa yang harus kita buat untok memulehkan kesehatan dan ta-ta tertib-nya supaya tidak terkena tanggutan itu sekali lagi.

Dalam menyiasat sebab dan ubat untok memb-aiki keadaan masharifikat kita mari-lah kita sama2 ber-lagak sebagai saorang doktor bedah, sebelum melaku-kan pembedahan akan membasoh tangan-nya dengan cermat supaya tidak membawa kuman2

Begitu juga kita harus menchari di-mana letak-nya kesalahan masharifikat kita dengan men-chari kekotoran di-badan kita sendiri dan mem-berseh kan-nya.

Ini harus di-lakukan oleh semua orang baik de-nungan chara bersendirian atau pun berkauman. Kira-nya rebolosi bermakna perubahan, mari-lah kita sama2 memulakan perubahan itu dengan mengubah diri kita se-sendiri sebelum kita hendak mengubah atas membaiki orang lain.

Kita mesti berani menghadapi perubahan atau rebolosi yang tidak mengambil nyawa sesama manusia tetapi yang menyemaikan bibit2 fikiran baru yang ak-an mengubah hati nurani manusia.

Salah menyalah atas tudoh menudoh orang lain itu sangat-lah mudah, tetapi ini ia-lan satu keinginan burok yang kita mesti lawan. Kita mesti jangan chuba menchari jalan senang untok melepaskan tanggongjawab.

Kita mesti jangan kata mengata atau dendam mendendam-kita mesti jaga supaya kita tiada terpesong oleh masaalah2 yang sebenar-nya bukan masaalah. Ti-ap2 BUMIPUTRA mesti menyelam lubok hati-nya se-sendiri dan chuba menchari sebab2 mengapa orang men-datang sangat2 menentang terhadap fasil 153 dalam

Perlembagaan mengenai kedudukan istimewa BUMI-PUTRA2 di-Negara ini, mungkin ada yang tidak adil dalam perlaksanaan fasal tersebut, umpama-nya apabila biasiswa di-beri kapada, katakan-lah anak Menteri Besar dan tidak kapada anak Petani yang lebuh patut menerima-nya .

Mungkin, jikalau kita boleh memperbetulkan kesalahannya2 kita sendiri saumpama itu, orang2 yang bukan BUMIPUTRA akan faham dengan lebuh terang lagi mengapa ada-lah salah bagi mereka menggugat fasal 153 itu sendirt .

BUMIPUTRA dan juga orang2 lain itu bersama2-lah akan menguntuk penyalah gunaan fasal 153 itu di-masa hadapan. Kita mesti menghadapi masaalah saumpama ini dengan berterus terang .

Dari segi politik, kita semua sudah matang sekiranya dan bukan lagi anak2 muda yang panas darah dan tiada bertanggong-jawab dan kita mesti mempunyai fiziran yang waras supaya kita dapat melihat dengan hati yang tabah dan jujor segala masaalah2 yang benar2 ada dan mencharti penyelesaian yang sewajar-nya .

Rengkas-nya, kita boleh membahgikan kesulitan yang kita hadapi sekarang kepada dua bahagian; ia-itu masaalah2 jangka pendek dan masaalah2 jangka panjang .

Masaalah jangka pendek mengenai keadaan yang ada sekarang ada-lah lebuh senang. Walau bagaimana pun, masaalah2 itu tidak boleh di-ketepikan. Kita mesti menjamin keadaan sekarang kerana sekira-nya masa sekarang tidak cherah bahkan redup, masa hadapan tentu-lah gelap samasekali .

Masaalah-nya sekarang ia-lah masaalah untuk menjamin keamanan dan nyawa serta juga harta-benda semua orang di-dalam Negara ini .

Tiap2 orang mesti di-beri jaminan ia-itu sakira-nya ia menghormati undang2 ia akan ter-selamat daripada di-ganggu oleh sesiapa pun .

Benarkan-lah saya menegaskan bahawa tiada se-suatu kaum di-dalam Negara ini yang berada di-luar undang-undang . Saya perchaya kita dapat memuleh-kan perasaan rakyat yang sekarang makin sehati makin merasa lebuh selamat .

Masaalah jangka panjang ada-lah lebuh rumit. Ini ia-lah mengenai masaalah mewujudkan sabuah Ne-gara Malaysia yang benar2 berhaluan, bertikad yang mempunyai rukun Negara-nya sendiri.

Saya tidak ragu2 lagi berani berkata bahawa Tun Razak, sebagai pengarah gerakan Negara dan jabatan perpaduan Negara-nya, di-samping memahami keperlu-an untuk membangun ekonomi orang2 bukan BUMI-PUTRA, ada-lah juga insaf bahawa pembangunan eko-nomi dan sosial BUMIPUTRA sebagai satu kaum ada-lah merupakan asas penting dalam segala usaha untuk membina sabuah Negara Malaysia yang bersatu padu.

Pemimpinan akan terpaksa menyediakan ranchan-gan sedemikian rupa supaya manakala masaalah2 itu di-selesaikan pada keselurohan-nya mengikut dasar2 ekonomi dan sosial, yang hasil-nya akan sama2 memu-asakan hati BUMIPUTRA dan juga yang bukan BU-MIPUTRA .

Semua orang dalam Negara ini hendak-lah faham bahawa orang Melayu, Iban, Kadazan, orang asli dan BUMIPUTRA yang lain sangat2 chemas dan kuatir atas masa depan mereka .

Orang2 mendatang mungkin pada masa ini mera-sa bimbang mengenai keselamatan diri, keselamatan wang ringgit mereka tetapi masaalah ini, sebagai-mana telah saya katakan, ada-lah lebuh mudah jika di-ban-

dingkan dengan masaalah2 jangka panjang itu .

Sebalek-nya pula BUMIPUTRA merasa bimbang terhadap masa yang akan datang; di-mana-kah mereka akan berada dalam masa sapuloh tahun, 20 tahun dari sekarang? di-dalam kawasan2 simpanan untuk orang Melayu? balek kampong tanam jagong? apa-kah jaminan bagi mereka pada masa itu? apa-kah bahagian ekonomi Negara ini yang dapat mereka nikmati? apakah untong nasib anak chuchu mereka? ini ada-lah masaalah2 yang lebuh besar untuk di-huraikan dan ini kita mesti di-huraikan .

Kita lihat negara2 lain di-mana kaum2 minoriti boleh mengancham keamanan kerana mereka tidak puas hati dengan sesuatu. Nyata-lah negara kita ini sentiasa terdedah kapada bahaya seumpama itu dan bahaya ada-lah lebuh besar sekira-nya sa-tengah2 daripada pendudok-nya dzaif dan tidak puas hati dengan keadaan yang ada. apa juga tindakan yang mereka ambil tidak akan merugikan mereka.

Kegagalan dalam menyelesaikan kesulitan ini sudah tentu akan menimbulkan merbahaya besar terhadap nyawa dan harta benda semua penduduk negara ini: sesunggoh-nya kehidupan ini seluroh-nya akan terancam.

Dalam langkah2 kita untuk menyelesaikan masaalah ini Saudara sekalian ada-lah chukop layak untuk memainkan Peranan kerana saudara2 boleh tulong menentukan, menyukat dan menyurakan keraguan, kebimbangan dan harapan BUMIPUTRA yang kurang bernasib baik serta mengkemukakan char2 untuk menyelesaikan kesulitan mereka tanpa melupakan bahawa bukan semua BUMIPUTRA yang dzaif dan bukan semua orang2 yang bukan BUMIPUTRA orang berada .

Dalam berbuat demikian mesti-lah kita ingat ba-

hawa kita hendak-lah menyatakan sesuatu dengan tegas dan tepat. Bila mengemukakan rumusan kita mesti-lah bertanya ada-kah satu2 ranchangan itu akan menulung membaiki keadaan BUMIPUTRA dan dengan itu membantu kearah mencapai perpaduan Negara atau ada-kah ini hanya isharat untuk memberi puas hati se-mentara saja ?

Pemimpinan Malaysia baru mesti-lah memastikan bahawa ranchangan2 pada keselurohan-nya akan menentang tinggi masharakat kita seluroh-nya supaya dapat terangkat jauh daripada keterangan dari satu ma-sa kemasa .

Bila berchakap berkenaan dengan perpaduan Ne-gara kapada orang2 bukan Melayu yang satengah2-nya terdiri daripada puak propessional dan juga penuntut2 universiti, saya sering bertanya mereka: boleh-kah me-reka bertutor dalam bahasa Malaysia ?

Saya bukan maksudkan ini ha-nya untuk hendak membeli ikan atau buah2 di-pasar atau untuk memula-kan perkenalan dan kemudian chepat2 balek tukar ber-chakap dalam bahasa Inggeris .

Yang saya maksudkan ini ia-lah menggunakan bahasa Malaysia di-dalam kerja sahari2 dan juga da-lam perbinchang .

Tidak payah saya katakan betapa sadikit-nya di-antara mereka yang benar2 mengakui mereka boleh bertutor dalam bahasa Malaysia dan ini sudah 12 ta-hun selepas merdeka. Tambahan pula ini datang-nya daripada kumpulan yang dengan tegas-nya menyatakan ketaatan serta ikatan mereka kepada Negera ini .

Apa-kah simbul persamaan mereka dengan Neg-er-nya, dengan chara hidup, sikap dan nilai2 Negara ini? tentu-lah orang2 yang bukan BUMIPUTRA ini tidak boleh mengatakan mereka tidak tau atau mereka

tidak ambil indah kapada sesuatu yang di-sanjong tinggi dan teradisi sejarah Negara ini dan di-samping itu pula mereka berharap di-terima bulat2 saja apabila mereka menyatakan taat setia mereka kepada Negara ini .

Ini ada-lah salah satu daripada masaalah2 yang awal2 mesti di-huraikan sendiri oleh rakyat bukan BUMIPUTRA sendiri .

Sebagaimana yang saudara2 tau, jabatan perpaduan Negara telah di-tubohkan beberapa minggu yang lalu. Pertubuhan jabatan itu ada-lah membuktikan pengakuan terhadap kesilapan2 kita pada masa lampau, dan juga keazaman untuk mengilakkan kesalahan yang saumpama itu berlaku lagi pada masa depan .

Tugas-nya ada-lah amat berat .

Apa-kah dia perpaduan Negara yang kita kehendaki itu? Perpaduan ini bukan-lah sesuatu yang berdasarkan tolak ansor palsu semata2 untuk melarikan tanggong-jawab kerana masaalah itu besar atau kerana kita takut menghadapi bahaya sementara, atau kerana kita hendak mengampu sesuatu gulongan .

Sebagaimana yang pernah saya katakan beberapa tahun yang lalu, politik di-Negara ini selama-nya dan semesti-nya terus berlandaskan KABUMIPUTRAAN untuk satu jangka waktu lagi, ini-lah hikmat keutuhan dan kemakmoran kita pada masa lampau dan ini merupakan hakikat politik yang tidak saorang pun boleh ketepikan bagitu sahaja .

Politik yang berlandaskan BUMIPUTRA ini bukan-kah berpegang pada tolak ansor yang palsu atau paksaan tetapi dengan chara bekerjasama yang tulin dengan bangsa2 lain dalam Negara ini.

Tolak ansor yang palsu tidak akan membantu

wa kita kemana pun: sebaiknya mungkin akan membawa kita kepada peristiwa 13 Mei, chara tolak ansor begitu membawa kepada sangkaan palsu yang menimbulkan dendam di-sisi pihak yang memberi dan pihak yang menerima mungkin bersikap dapat betis maukan pula .

Chara begini tidak akan menyelesaikan masaalah malah akan menyebabkan masaalah Negara bertambah rumit dan kusut .

Bagitu juga paksaan tidak akan membawa kita kemana2: malah akan membawa pada tuntutan2 yang mungkin tidak perlu dan ha-nya menimbulkan perasaan marah dan dendam di-sebabkan tekanan untuk menerima sesuatu keputusan .

Pemimpinna itu tidak boleh di-anggap di-namik sakira-nya ia menjadi alat kedzaliman atau kegagasan .

Chara yang menghendaki kerjasama memang-lah sukar sekali, ada-lah amat senang sekali, tetapi alang-kah besar merbahaya, sa-kira-nya kita menanggohkan berbuat satu2 keputusan' atau pun memesongkan pandangan ra'yat daripada masa'alah yang sebenar .

Alang-kah senang-nya kalau kita memperchayi bahawa keseluroh masa'alah yang rumit itu dapat di-huraikan dengan mudah sahaja .

Untuk mendaki ka-punchak gunong, mithal-nya, bukan-lah dengan chara merantas jalan yang terus ka atas. Kita mesti menyiasat lebeh dahulu di-mana-kah letak kesukaran-nya, juga memikirkan apa-kah alat perkakas yang ada pada kita itu chukop memadai atau mesti di-tambah tidak pula melupakan kekuatan tenaga serta kelemahan anggota kumpulan yang hendak mendaki gunong itu .

Sesudah semua perhintongan ini di-buat baharu-

Iah kita membuat ranchang anmendaki gunong itu. Lebih lagi pemimpinan yang akan membawa kita ke puncak gunong itu hendak-lah bersatu haluan.

Saya teringat kapada Hility dan Tensing - dua manusia yang berlainan bangsa, warithan dan latar belakang. Bersama2 mereka mendaki seketol batu yang tertinggi sekali di-dunia ia-itu Gunong Everest - yang orang mengikatkan tuboh-nya dengan tali berangkai badan yang lain.

Ketol batu yang begitu tinggi tidak langsung menjadi masa'alah Kapada mereka, tapi hanya suatu kesukaran yang boleh di-atasi. Tetapi seketol batu yang kecil boleh jadi satu kesulitan di-tangan sa-orang kalau di-gunakan untuk menghentam orang lain seperti cherita yang tertulis di-dalam Qisasul-Ambiya mengenai dua orang anak Nabi Allah Adam, Habil dan Qabil -

Pendek kata, masa'alah ada-lah di-sebabkan oleh perhubungan yang salah di-antara manusia dan manusia. Jika pemimpin yang bijaksana dan dinamis, dengan hikmat dan kuasa-nya dapat membetulkan perhubungan tersebut, apa yang merupakan satu masa'alah masa ini akan hanya menjadi suatu kesukaran-mungkin menggunong tinggi-nya, tapi Insha-Allah dapat di-atasi .

Ada-lah tanggongjawab pemimpinan untuk membawa kita kemerlu gunong kesejahteraan. Pemimpinan tidak boleh merayu tetapi memandu. Ia-mesti menjadi petulon, membangkitkan semangat keta'atan, kesetiaan dan juga perasaan berbakti dari setiap ra'ayat. Ia mesti-lah dapat mingembeling tegara seluruh Negara dan memberi haluan ka-arah perasa'an berpadu dan tujuan bersama .

Untuk memberi ilham, pemimpinan itu sendiri mesti-lah mendapat ilham. Ini-lah pemimpinan yang akan membawa kita mara kedepan biar lambat tetapi

selamat menyusor churam untok menchapai punchak kejaya'an membentok Bangsa dan Negara yang *harmonis, progressif* dan *dynamis*.

Ini-lah pemimpinan yang akan menyediakan kita-semua ra'yat Malaysia tidak kira asal keturunan untuk menghadapi chabaran.

Chabaran ini ia-lah sama-ada kita akan berpuas hati menjadi kerak masyarakat yang lapok atau ada-kah kita bera'zam menjadi pelopor Malaysia baru.

* * * *

ISLAM SABAGAI UGAMA RASMI NEGARA MALAYSIA

Fasal 3 (1) Perlombagaan Negara merakamkan:

"Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation".

erti-nya :

"Islam ia-lah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama2 lain bolch-lah di-amalkan dalam keadaan yang aman dan harmoni di-merata tempat dalam Persekutuan" .

Dalam Bahagian ini, saya chuba membawa para pembacha mengenal serta mengkaji samula beberapa persoalan yang asasi; ia-itu persoalan2 yang berlaku di-dalam Parti2 Siasah, di-dalam Dewan Raayat dan juga menurut pendapat Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri sendiri, dan kemudian terserah-lah kepada masing2 memikir dengan lebeh tenang, lebeh waras dan lebeh progresip .

* * * *

MANIFESTO PARTI PERIKATAN, TAHUN 1969

UGAMA :

1 . Kebebasan berugama dan pentadbiran undang2 dan keadilan merupakan rukun penting dalam keperchayaan kami hidup dalam satu masyarakat yang stabil, liberal, sabar dan saling hormat menghormati.

2 . Ugama Islam ia-lah Ugama rasmi di-Negeri ini yang di-berikan taraf dan kedudukan menurut sejawatnya, di-samping Ugama Islam Ugama2 lain juga harus di-berikan kedudukan dan kehormatan yang wajar dalam masyarakat berbilang keturunan, bangsa ugama yang menjadi kenyataan hidup kita .

3 . Ra'ayat Malaysia akan terus menimati hak2 berugama dan kebebasan beribadat yang tidak terdapat di mana2 Negeri di-dalam dunia Ini. Wang Negara di-perbelanjakan untuk membina masjid2 dan tempat2 beribadat dan juga sekolah2 ugama serta pusat2 ugama yang lain. Persidangan2 ugama akan di-galakkan termasuk mengadakan keramaian dan juga upachara ugama yang lain .

4 . Ugama memainkan peranan yang penting dalam usaha mewujudkan persepaduan dan perasaan saling mengerti di-kalangan semua kaum, demikian Kerajaan akan menjamin hak2 yang di-berikan kepada semua ugama sebagaimana yang tercatat dalam perlumbagaan kita .

Manifesto Perikatan, 1969
muka 16 (*Tulie Jawi*)

UGAMA DAN PARTI POLITIK

Dalam Dewan Raayat 1964 - 1969

Sudah begitu lama rakyat Muslimin tertipu dengan di'ayah konon-nya "Ugama Islam itu tidak boleh di-champorkan dengan politik"; dan di'ayah yang se-sat lagi menyesatkan itu telah menjadi dalam musim-pilehanraya tahun 1955; 1959 dan juga tahun 1964. Kebenaran pasti lahir dan kepaluan pasti lenyap dan segala di'ayah yang palsu lagi karut marut itu akan berakhir dengan kesesalan dan "rasa termalu kepada diri sendiri".

Pada hari Isnin, 22hb. Ogos, 1966, dalam jawa-pan bertulis-nya di-dalam sidang Dewan Raayat, Per-dana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra telah mem-buat kenyataan yang tegas yang menghapuskan segala shak dan sangkaan dalam perkara ini. Biar-lah di-pe-turunkan soal-jawab itu dengan sapenoh-nya :

55. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Per-dana Menteri:

- 
- a) Ada-kah benar atau tidak bahawa Kerajaan sek-arang menganggap wajib supaya ugama di-pisah-kan daripada politik Ne-gara; dan
 - b) Ada-kah Kerajaan Per-ikatan yang berkuasa se-karang akan menerima dasar Islam sebagai da-sar pemerintahan Negara Malaysia ?

Perdana Menteri:

- a) *Ugama tidak boleh di-pisahkan daripada politik bukan sahaja di-negeri ini bahkan di-mana2 negeri pun, tetapi Kerajaan sekarang tidak bersetuju di-salah gunakan ugama semata2 sebagai alat dan kepentingan politik yang sempit untuk faedah parti2 politik dengan di-gunakan nama Negara*
- b) *Ugama Islam ada-lah kuasa Kerajaan2 Negeri dan Raja2, tetapi sunggoh pun demikian, Kerajaan Persekutuan dengan nama Allah menjalankan pemerentahan Negara dengan adil dan saksama. Ini ada-lah dasar Ugama Islam .*

HADITH2 NABI:

Pada Hari Rabu, 20hb. June, 1967 soal-jawab telah berlaku di-sidang Dewan Raayat mengenai sekatan terhadap pembachaan dan terjemahan Hadith2 Rassul .

282. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

“Benar-kah Kementerian ini mengharamkan orang membacha dan mentafsir erti Hadith Nabi dalam uchapan2 siasah; ia-itu Hadith yang berbunyi” .

- () مسيكون في اخر الزمان شرطة يقدون
- () في غصب الله ويرهون في سخط الله
- () فما يراك أن تكون من بطانتهم -
- () الطبراني: Al-Tabrani

Erti-nya:

(Akan timbol pada akhir zaman satu pasukan pengawal yang bergerak waktu pagi dalam kemurkaan Allah dan bergerak waktu petang dalam kutukan Allah; oleh itu kerjaga2-lah kamu jangan sampai menjadi tali barut mereka-itu).

Tun Haji Abdul Razak:

"Ugama Islam dan segala perkara yang bersangkutan dengan-nya ada-lah soal Kerajaan Negeri. Tidak-kah termasuk pada akal bagi Yang Berhormat itu mengatakan bahawa Kementerian saya mengharamkan bacaan dan terjemahan Hadith2 Nabi".

Jika sakira-nya di-dapati ajaran2 Islam dan Hadith2 Nabi di-kelirukan dengan sengehaja dan ada kemungkinan bahawa keliruan itu akan mengujudkan kechuriaan dan kesusahan di-kalangan raayat, Kerajaan tentu akan di-da'awa tidak menjalankan kewajipan-nya jika tidak mengambil tindakan yang sawajar-nya untuk kepentingan keselamatan dan keamanan Negara".

UNSUR UGAMA DALAM KERAJAAN:

Pada Hari Jumaat, 23hb. Ogos, 1968, suatu lagi soal-jawab telah berlaku di-antara Wakil Bachok dengan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra.

Wakil Bachok:

"Ada-kah benar bahawa pehak2 yang tertentu telah mendesak Kerajaan Pusat supaya menegaskan perdirian-nya terhadap Ugama Islam yang menjadi ugama rasmi Negara kita ini; dan akibat dari desakan itu Kerajaan pun telah membuat arahan supaya di-terangkan kepada orang2 Melayu".

"Negara yang kokoh ia-lah Negara yang tidak

meninggalkan unsur2 ugama di-dalamnya, Negara yang kokoh ia-lah Negara yang mempunyai mutalimat dalam kehidupan ber-tuhan. Dan Islam ada-lah sa-baik-baik ugama dan sa-lengkap2 ugama yang pernah kita pelajari dan kita yakini."

Jika ya, apa-kah tujuan Kerajaan membuat arahan itu; dan jika tidak, apa-kah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap parti2 yang tidak berideoloji menyebarkan di'ayah2 seperti itu?

Perdana Menteri:

Tidak benar bahawa Kerajaan pusat telah menerima apa-apa desakan, dan berikutnya dengan itu telah memberi arahan sebagaimana yang telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat itu. Tetapi penerangan yang di-chatetkan dalam soalan-nya itu ada-lah sebaik2 nasehat yang patut di-berikan kepada orang2 Melayu melainkan Yang Berhormat itu dan Parti Islam Sa-Tanah Melayu tidak menerima bahawa "Islam ada-lah sebaik2 ugama dan salengkap2 ugama yang pernah kita pelajari dan kita yakini." Oleh sebab penerangan ini adalah penerangan yang baik. Kerajaan tidak mengambil tindakan atas sa-siapa yang membuat penerangan atau nasehat yang seperti itu.

Jawatan Perdana Menteri:

-Pada hari Khamis, 16hb Januari, 1969 ia-ttu ketika sidang belanjauan terakhir bagi Dewan Ra'ayat menjelang Pilehanraya Kebangsaan 10hb Mei, 1969, lagi soal-jawab telah berlaku:

Wakil Bachok:

Bertanya kepada Perdana Menteri: "Ada-kah Kerajaan akan meminda Perlembagaan Malaysia men-sharatkan supaya Jawatan Perdana Menteri hendak-lah di-pegang oleh sa-orang warga negara yang berugama

Islam; jika ya, bila? dan jika tidak kenapa?".

Perdana Menteri:

"Kerajaan tidak berhadang meminda Perlembagaan Malaysia mensharatkan supaya jawatan Perdana Menteri hendak-lah di-pegang oleh sa-orang warga negara yang berugama Islam, kerana kita berpegang kepada Perlembagaan yang demokratik."

Rumah Berhala Shirik:

Pada hari Juma'at 23hb. Ogos, 1968, soal-jawab mengenai rumah2 berhala shirik telah berlaku di-antara wakil Bachok dengan Perdana Menteri.

Wakil Bachok:

"Sejak tahun 1957 hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah wang yang di-belanjakan oleh Kerajaan bagi mendirikan atau membantu mendirikan rumah2 ibadat berhala shirik dan ada-kah Kerajaan sadar bahawa perbuatan itu menyalahi Hukum Shara' Islam yang menjadi ugama rasmi bagi Negara kita ini, dan ada-kah Kerajaan akan merentikan bantuan menegangkan shirik dan kekufuran saperti itu?"

Perdana Menteri:

"Sejak tahun 1957 hingga sekarang Kerajaan telah membelanjakan sa-jumlah \$10,119,354 untuk membantu memperbaiki atau membantu mendirikan rumah2 berhala shirik.

Bahagiain2 yang kedua dan ketiga dalam soalan Yang Berhormat itu telah pun di-beri jawapan dengan panjang lebar pada Mashuarat Dewan Ra'ayat dalam bulan November, 1967 kapada soalan2 yang sa-akan2 itu juga yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat itu.

kaji sa-mula Sikap Kerajaan:

Pada Hari Sabtu, 25hb. Januari, 1969:
Wakil Bachok: bertanya kepada Perdana Menteri :

“Ada-kah Kerajaan sadar bahawa jawapan beliau mengenai Hukum Shara’ berkenaan dengan pembinaan berhala2 shirik atau bantuan kapada berhala2 shirik sebagaimana yang tertera dalam jawapan bertulis dalam bulan November, 1967 berlawan dengan firman Tuhan di-dalam Kitab Qura'an? jika sadar, ada-kah Kerajaan akan membentangkan perkara ini kapada Majlis Raja2 untuk mendapatkan sa-suatu keputusan ?

Perdana Menteri:

“Sebagaimana yang di-terangkan dalam jawapan saya itu’ Kerajaan mengulangi pendapat-nya bahawa memberi bantuan kapada semua rumah ibadat yang memohon bantuan untuk memperbaiki atau menyempurnakan tempat itu tidak bersalah dengan Hukum Shara’.”

* * *

Pengajaran dari Tuhan:

- () وقال الذين كفروا للذين آمنوا اتبعوا
- () سبيلنا وانحمل خطاباكم وما هم
- () بعاملين من خطابا هم من شيء أنتم
- () لکاذبون. ولیحمان أشقاهم وأشقا
- () مع أشقاهم ولیأن يوم القيمة
- () عما كانوا يسترون. -
- () المنكبوت 12-13

erti-nya:

(Dan orang2 yang berkufur itu berkata kapada orang2 yang beriman: "Turut-lah jalan kami, dan biarlah kami pikul dosa2 kamu" pada hal tidak berdaya mereka-itu memikul walau pun sa-dikit dari dosa2 mereka sendiri; aa-sunggoh-nya mereka ada-lah orang2 yang berdusta. Dan sa-sunggoh-nya mereka akan memikul pikulan2 mereka dan beberapa beban berserta pikulan2 mereka, dan mereka akan di-tanya pada hari kiamat dari hal dusta yang telah mereka adakan.)

* * * *

TIDAK KEKAL BUNGA DI-KARAMG



Dalam buka-nya "13 Mei", muka 166, naskah dalam tulisan Romi; Y.T.M. Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengeloh dengan sedeh-nya:

"Dalam perbualan saya dengan Tun Abdul Razak kami telah mengkaji tiap2 satu yang telah di-lakukan oleh Kerajaan untuk menulong raayat negeri ini dari

semenjak tercapai-nya kemerdekaan. Masjid2, Surau2 dan Sekolah2 Ugama telah di-bena di-seluroh pelusok dan rantau ini. Banyak orang2 yang mendapat faedah dari rancangan2 Kerajaan itu telah berpaling tadaH menentang Parti Perikatan”.

Apa-kah pula pendapat Tun Abdul Razak dalam hal ini; dan bagi mana-kah beliau merangkaikan teka-teki yang menyebabkan Tungku merasagelisah atas usa-ha2-nya itu ?

Tun Abdul Razak juga turut mengeloh:

“Nampok-nya semua tidak berjalan dengan betul sabagaimana yang di-kehendaki. Tetapi bagi mana-kah mereka sampai hati berbuat demikian kapada Tungku pada hal Tungku telah banyak membuat jasa kapada rakyat dan Negara. Patik sendiri tidak faham”.

Peri Bahasa berkata:

“Adat muda menanggong rindu; adat tua menahan ragam; adat teluk timbanan kapar”; “Tidak kekal bunga di-karang” .

TUAN HAJI ABU BAKAR B. HAMZAH DENGAN
CHERAMAH-NYA "MASA DEPAN ISLAM
DI-DUNIA MODEN"

RENONGAN
HARI
JUMA'AT

Oleh
**IBNU
ARIFFIN**

SUARA gelak ketawa maha-siswaz Universiti dan Kolej Islam Malaia telah menggemarkan bielek kuliah A Universiti Malaya, pada malam A hari Ithnin 13 June yang lalu, bila Ustaz Abu Bakar Hamzah Alhaj memberikan cheramah-nya berjodol. Masa depan Islam di-dunia moden.

BILANGAN PENGANUT
UGAMA ISLAM HARIINI
TELAH MENINGKAT HAM-
PIR ENAM RATUS JUTA
JIWA .



Ketawa itu semakin menjadi2 bila ahli Dewan

Raayat yang berkumis rapi dan berkemeja "Playboy" hitam-puteh itu menggelitek hati pendengar2 dengan sabuah cherita .

"Kalau sakira-nya umat manusia di-zaman kita ini, boleh memahami perchakapan segala mengastua sa-perti di-zaman Nabi Allah Sulaiman a. h. s. terang-nya "Neschaya di atas meja-nya harus di-sediakan saribu buah talipon" .

"Kalau sekira-nya dia menjadi D. O. atau Pegawai Daerah, sudah tentu dia menjadi salah saorang manusia yang paling sibok sakali .

"Mengapa tidak-nya?" tanya-nya pula menunda dengan senyum berkelum. "Pada masa itu biawak pun hendak berchakap talipon dengan D. O. kita kerana ia di-serang oleh saekor binatang lain" .

HAKIKAT

Sabaik2 saja habis uchapan-nya itu, meletup-lah gelak ketawa yang berekor2 dan bertali2 dari para mahasiswa dan mahasiswi. Cheramah itu di-anjorkan oleh Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya .

Suasana biled cheramah kembali tenang bila Ustaz Abu Bakar Hamzah mulai menjawab satu persatu pertanyaan2 yang di-kemukakan-nya .

"Nasib pengajaran ugama Islam di-dalam sabuah dunia yang moden maseh terpakai atau sudah lapok? tanya beliau .

"Berguna atju lapok-nya satu2 ajaran itu, terang-nya, "boleh di-pandang dari sudut hakikat pengajaran itu sendiri sama-ada ia merupakan suatu konsep yang luas, meliputi dan sanggup menerima perkembangan .

"Dan kedua dari sudut faktor2 luar yang mung-

kin mengendalikan pengajaran itu atau sa-kurang2-nya melambat2kan kemajuan-nya dalam persaingan dan perlumbaan .

ASAS

"Berdasarkan kapada kedua2 sudut itu: sudut hakikat dan sudut faktor luar, kita mempunyai bukti2 dari segi teori, lojik sejarah dan kenyataan bahawa masa depan Islam dalam sabuah dunia yang moden amat-lah cherah dan optimis" .

"Dari segi teori", terang MP . PAS dari Kelantan itu, "maseh bagitu banyak teori2 Islam yang maseh hidup terpakai dan menjadi asas kapada teori2 zaman moden ini terutama di-dalam lapangan perubatan, pesika, sosialoji, ke'adilan, hak asasi manusia dan perundangan" .

"Dari segi lojik pula, hukum: lojik dapat menentukan bahawa konsep2 Islam yang maseh terpakai hingga zaman moden ini, tentu-lah lebih tua daripada konsep2 yang baru muncul dalam rukun 16 ka-atas dan dengan demikian lojik-nya ada kemungkinan teori2 baru itu hanya siaram ulangan kapada konsep2 Islam tetapi sabalek-nya konsep2 Islam tidak mungkin di-sifatkan sa-bagi siaran ulangan atau tiruan .

"Dari segi kenyataan pula kenyataan2 dalam semua bidang hidup manusia maseh berunsurkan buah2 fikiran Islam zaman Andalus di-mana Qurtubah, Q artajanah, Gharnathah dan Ashbilia menjadi sekolah terbesar dalam sejarah ilmu pengetahuan bagi benua Eropah itu sendiri" .

Menyambong pembicharaan-nya, Haji Abu Bakar Hamzah telah mengemukakan satu bukti yang jelas betapa optimis-nya Islam di-dunia moden ini .

"Di-antara dalil2 menunjukkan betapa optimis-

sya Islam di-dunia moden ia-lah munculnya Negara Republik Pakistan dan meningkatnya angka pengikut ugama Islam kapada hampir enam ratus juta manusia, ia-itu satu angkatan yang dengan kebenaran, keikhlasan, kesunggahan dan ketabahan sudah chukup antok menguasai dunia yang nyata sudah papa dan bigkerap di-dalam kebersehan moral dan nilai pada zaman ini.”

UNDANG2

Ketika menyentuh scal perundangan2 di-dunia sekarang beliau mengemukakan bahawa yang menjadi pegangan ahli2 perundangan dunia sekarang ini ia-lah dan pada dua sumber yang terbesar.

“Sumber yang pertama, ia-lah Peranchis.”

“Apa yang di-katakan bersumber dari Peranchis itu” terang-nya lebeh lanjut, “ia-lah yang berpegang dengan ke edah tiap2 orang yang di-tudoh itu hendaklah di-pandang bersalah sa-hingga ia dapat membuktikan diri-nya tidak bersalah.”

“Sementara sumber yang kedua pula apa yang dikatakan sumber Inggeris ia-lah yang berpegang dengan kaedah bahawa tiap2 yang di-tudoh itu hendaklah dipandang tidak bersalah sa-hingga pehak penda’wa raya dapat membuktikan kesalahan yang di-tudoh itu.”

“Kedua2 ka’edah ini,” tekan Ustaz Abu Bakar, “amat bertentangan tetapi ka’edah Inggeris lebeh hampir pada kebenaran dan ke’adilan.”

KAEDAH

“Islam pun bersetuju dengan ka’edah pandangan yang bersumber dari Inggeris, tetapi menambahkan lagi satu ka’edah baru ia itu dalam perkara2 yang tertentu

yang kena mengena dengan meru'ah dan peribadi manusia.

"Suatu tuduhan balas sa-chara sa-rentak boleh di-kemukakan pada mahkamah yang bersidang pada waktu itu jika pihak penda'wa tidak dapat membuktikan kesalahan yang di-tuduh, dengan demikian si-yang kena tuduh terbela dengan serta merta."

"Ka'edah seperti ini maseh di-chari2 oleh pakar undang2 di-zaman ini untuk menjadi bekalan ka'adilan dalam dunia moden yang akan datang walau pun ia nya sudah di-temui di-dalam Islam sejak kira2 1360 tahun dulu."

Sa-tiap kali MP . PAS itu menghabiskan uchapan-nya, ia telah mendapat tepukan yang sahangat2-nya dari para mahasiswa yang berada di-dalam bielek kuliah yang berhawa dingin itu.

Dalam cheramah-nya beliau juga chuba2 berfalsafah dengan mengemukakan persoalan kebahagiaan.

"Kebahagiaan sa-sorang itu tidak terdapat di-dalam diri-nya sendiri, tetapi boleh di-chari di-faktor2 luar menerusi panchaindera dan perasaan hati-nya.

BAHAGIA

"Apa yang ada dán terdapat di-dalam diri sa-sorang itu, ia-lah kesempurnaan. Jika sa-sorang ingin mendapat kebahagiaan, hendak-lah ia menyediakan kesempurnaan diri-nya supaya tangkisan kesempurnaan itu membawa kebahagiaan kepada orang lain."

"Dan kebahagiaan orang lain itu di-champor dengan kesempurnaan diri-nya akan pula memberi tangkisan balas untuk kebahagiaan orang yang menchari tadi." ujar-nya.

Tuan Sayd Hussin Al-Attas, Pensharah Univer-

siti Malaya di-jurusan Pengajian Islam yang menjadi pengurus majlis ketika mengulas cheramah Haji Abu Bakar Hamzah itu, telah menyentoh juga soal kebahagiaan.



"Berdasarkan keterangan yang di-berikan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah tadi," ucap Syed Hussin, "boleh jadi kebahagiaan PAS berada di-dalam diri UMNO."

Uchapan Syed Hussin itu, mendapat tepukan dan sorakan yang bergemuruh dari para pelajar Islam yang membanjiri bilek kulliah itu.

"Apa-kah kemungkinan kalau sa-kira-nya belok Komunis dan belok Kapitalis bersatu menjadi satu belok untuk menentang

Islam?" tanya salah sa-orang pelajar Islam, tiba?

"Meskipun pada zahir-nya kedua2 belok itu bertentangan hebat" terang Haji Abu Bakar. "Tetapi pada hakikat-nya mereka ada-lah berasal dari asal yang satu ia-itu kepentingan kebendaan.

"Dengan demikian memang ada kemungkinan besar kedua2 belok itu berchantum menjadi satu semula."

"Komunisme," terang Ustaz Abu Bakar, "hanya merupakan sudut pelampau dan kapitalisma merupakan sudut puak tua. Tetapi kedua2-nya dalam satu hakikat.

BLOK

"Kalau-lah kedua2 belok itu bersatu menjadi

PERPUSTAKAAN

satu barisan depan untuk menghanchorkan Islam, maka saya percaya semua ugama di-dunia ini terutama ugama2 ahli kitab akan memehak kapada faham berugama dan akan timbul-lah belok baharu yang dinamakan: **Belok Ugama.**

"Dalam himpunan Belok Ugama ini sudah tentu Islam akan memainkan peranan-nya semula saperti mana ia pernah memperlihatkan kekuatan-nya ketika menentang tindakan bersama dari belok Kerajaan Farsi dan belok Kerajaan Rome dahulu."

Bila menjawab satu pertanyaan lain: "Kenapa-kah Kerajaan Republik Arab Bersatu tidak mau mengishtiharkan Negara-nya sa-bagai Kerajaan Republik Islam seperti Pakistan" ?

Ustaz Abu Brkar menerangkan: "Saya lebeh suka tidak menyentoh kehormatan sa-sabuah Negara yang tertentu, tetapi seluroh dunia mengetahui bahawa UAR itu, ia-lah kiblat bagi ilmu pengetahuan Islam pada zaman ini."

"Dan," sambong-nya "sa-suatu politik di-dalam Negara Islam, hanya-lah suatu babak *proses* bagi perkembangan politik dunia Islam seluroh-nya".

"Dan babak *proses* itu, tidak-lah boleh di-pandang sa-bagai hukum yang mu'tamad," MP. PAS itu mengeakhiri uchapan-nya di-dalam tepukan yang bergemuroh dan senyum ketawa bari paramahasiswa Universiti Malaya dan Kolej Islam yang sabar menunggu eheramah-nya selama dua jam sa-tengah .

* * *

ARUS KEBANGKITAN

Sa-siapa jua yang sudi mengambil berat mengikut bertia2 dan memerhatikan peristiwa2 yang berlaku di-negeri2 Islam, tidak lagi merasa sukar untuk mengerti bahawa suatu "arus kebangkitan" yang berchorak Islam sedang berlaku di-tengah2 kegeluraan-nya walau pun dalam bentuk dan kadar yang berbeza dari daerah ka-dearah; walau bagai mana pun "arus kebangkitan" itu berlaku di-sana sini, menempoh berbagai se-lok dan liku menembusi bermacham2 tintangan yang di-pusakai-nya dari kesan2 peninggalan zaman yang silam sama ada sejak zaman yang jauh kabelakang mau pun yang baru berlalu; "arus kebangkitan" itu terus menerus mara kahadapan merempoh segala ranjau yang di-pasang oleh Kuasa2 Besar yang tidak pernah mengerti hakikat Ugama Islam atau pun memang mereka itu mempunyai perasaan hasad dan dengki terhadap-nya.

"Arus kebangkitan" yang sedang berlaku serta mara melalui jalan-nya yang sendiri itu, bagi satengah2 orang, tidak mahu mengakui peranan mana2 pehak yang tertentu; tetapi pengakuan saperti itu tidak-lah bagitu mustahak; apa yang mustahak ia-lah "arus" tersebut membawa berita baik menandakan lahir-nya suatu gelombang pasang dalam sejarah Ugama Islam sudah pun mulai memukul pantai; dan ombak-nya lambat laun pasti sampai kapantai yang di-tuju-nya miski-pun berapa kenchang angin meniup dan berapa tebal boeh membalut; ia-nya pasti sampai kapantai impian-nya dengan izin Tuhan .

(فَمَا زَرِدَ فِي دُنْدُونٍ وَمَا مَا يَنْقَعُ النَّاسُ)
(فَيُمْكَثُ فِي الْأَرْضِ)

"Ada pun buah itu akan hilang dengan sia2, dan apa2 yang berguna kepada manusia akan kekal tinggal di-bumi". Dan demikianlah Tuhan tamsilkan pergelu-

tan di-antara kebenaran dengan kepalsuan, dan demikian pula-lah ranchak-nya tiak gelombang "arus kebangkitan" di-kalangan umat2 Islam di-bunti Tuhan .

• • •

KELUCHUAN PILEHANRAYA
10 MAY 1969



HAKIKAT UMAT ISLAM

Miskipun orang berlainan pendapat untuk mengakui peranan manapun pihak, pertubuhan atau kumpulan, yang bertanggong-jawab menggerakan arus kebangkitan" di-kalangan umat2 Islam seperti yang di-gambarkan tadi, namun mereka-itu sudah tentu sapakat bersama2 mengakui hubongan kebangkitan tersebut dengan jiwa umat2 Islam sendiri; ia-itu hubongan-nya dengan jiwa batin orang2 Islam sapanjang masa dan pada setiap detik dan ketika. Sabenar-nya "pertubuhan" atau "kumpulan" yang menggerakkan "kebangkitan" tersebut ia-lah pihak2 yang bekerja dengan penuh kesadaran dan keikhlasan hati; orang2 ini sentiasa wujud dalam setiap abad dan di-setiap negeri; mereka tidak pernah luput, dan mereka-lah yang sabenar-nya merupakan detikan jantung yang menghidupkan semangat umat sesuai dengan sabda Rasulullah S. A. W. :

لَا تزال طائفة من أمتى ناشرين على الناس)

يزبح الله تعالى تابوب أقوام فيقاتدو نهم ويزردهم)

الله منهم حتى يأنى أمر الله وهم على ذلك)

"Masih terus menerus wujud suatu puak dari umat-ku menguasai orang ramai, Allah menggugupkan hati beberapa umat lalu mereka-itu memerangi mereka maka di-berikan-nya peluang untuk mereka terhadap mereka-itu sahingga-lah tiba-nya urusan Allah sedang mereka tetap jua meoguasai demikian".

"Angkatan penggerak umat Islam itu memang terdapat pada bila2 masa dan pada sabarang tempat disana-sini; mereka terus menerus bergerak serta menggerakkan; mereka terus-maju dan mara dengan tikad pitah tumboh - hilang berganti, patah sayap bertungkit paroh namun menyerah pantang sakali. Sabenarnya, sa-siapa jua yang pernah membacha sejarah umat Islam kemudian berpeluang puas merantau kapelosok

PERUSTAWAN

negeri2-nya akan tersua dengan sa-suatu yang amat menghairankan; mereka akan dapati umat Islam itu bukan sahaja maseh hidup tetapi-nya terus menerus bertambah nafas-nya yang baharu, maseh terus menerus memiliki perasaan seni yang kian mendalam dan kaya serta subor dengan jiwa chintakan kebajikan serta pengertian2 hidup yang mulia sahingga orana tadi merasa saolah2 tidak pernah berlaku apa2 pukolan yang menyakiti diri luar, saoleh2 tidak pernah berlaku barang apa pun jua pakatan jahat saperti yang penoh sesak terchait di-dalam persada sejarah-nya yang salama kira2 tiga belas abad itu .

Jika kita membandingkan sejarah pengalaman2 pahit yang telah menimpa umat Islam sejak dahulu hingga sekarang dengan pengalaman2 yang lain, kita akan dapati umat Islam sudah sapatut-nya telah pun hapus sama sakali dari muka bumi ini. Berbagai kedzaliman serta kekejaman telah menimpa umat Islam dari luar dan dari dalam; pengalaman2 dari dalam ia-lah fitnah2, hasad dan dengki, kehalobaan, penyakit2 gilakan pimpinan, silap faham dan kemonchak-nya kejahilan terhadap hakikat Islam sendiri - semua-nya itu telah berlaku dari dalam, namun begitu pohon umat Islam itu terus menerus tegak dengan gagah-nya, umbi-nya terus menerus bertunjang kadalam bumi, dahan-nya terus menerus menghijau rendang dan mata-nya bertunas sapanjang masa .

Tidak chukop dengan kegelojohan dari dalam bertubi pula datang-nya benchana dari luar. Sejarah mencheritakan - bagai mana dahshat-nya anchaman2 musoh dari Barat dan dari Timor sendiri terutama "Perang Salib" yang di-lancharkan oleh umat2 Eropah, ia-itu suatu perang yang tidak pernah kedengaran ada tolok bandingan-nya; suatu perang yang telah mengurangkan beratus ribu jiwa orang2 Islam yang kebanyakannya ia-lah terdiri daripada orang2 awan, nenek2 yang tua, kanak2 yang tidak mengerti salain dari susu ibu dan pelukan ayah - manusia2 yang bukan bahan

pembunuhan. Saorang ahli sejarah bernama Steven Runciman dalam buku-nya "Sejarah Perang Salib" mengesahkan suatu pembunuhan yang kejam di-dalam sejarah manusia telah berlaku di-kawasan Masjid Aqsa di-Bandar Baitul-Makdis (Jeruselim). Runciman berkata: "Pada ke-esokan pagi-nya, Penglima Perang Kristian itu ketika membuat lawatan kawasan Masjid Aqsa telah terpaksa meranduk banjiran darah yang dalam-nya sampai ka-lulut". Kuda2 mereka berjalan di-chelah2 mayat orang2 Islam yang bertimbun hingga kadada sang kuda. Selain dari itu, beberapa perang menghapus telah di-lancharkan terhadap umat Islam di-Pulau Sisili, di-Selantan Perançhis, di-Pulau Serindip dan di-bumi Sepanyol. Orang2 Eropah itu bertikad tidak akan memberi peluang kapada umat Islam walau pun saorang sahaja untuk hidup berkuasa di-bumi itu, malah mereka tidak mahu melihat walau pun sabuah kubor untuk orang2 Islam di-negeri itu pada hal mereka sendiri hingga sekarang mengakui jasa2 umat Islam membangunkan negeri Sepanyol salama tidak kurang dari delapan abad sahingga negeri itu menjadi kiblat bagi kafidaran umat Eropah - suatu kenyataan yang di-akui oleh kawan dan lawan .

Tidak berpada dengan perang bersenjata, umat Eropah terus menerus melancharkan, perang penjajah, yang mereka asaskan-nya di atas semangat "Perang Salib", dan perang bentuk baharu ini mereka lancharkan di-negeri2 yang mereka tidak berdaya hendak menghapuskan umat Islam dengan kekuatan seajata, mereka berselindong di-sabalek jubah2 padri dan tasbih2nya dan bertopengkan daya pemanis berbentuk janji2 yang berimbas konon-nya untuk pembangunan dan perubahan baru negeri2 itu .

Memang benar-lah kata orang "bala datang bertubi" bukan sahaja dari sabelah barat tetapi juga dari sabelah Timor sendiri seperti kesah langgaran Jangkizhan kemudian-nya Timorlank; kedua2 mereka telah memusnahkan apa sahaja di-hadapan mereka. Oleh ma-

bok kemenangan, Timorlank telah mendirikan suatu "bukit kecil" terdiri dari timbunan tidak kurang dari 70,000 tengkorak orang2 Islam yang mati di-bunuh oleh-nya di-bandar Asuhan di-negeri Parsi .

Dalam abad moden, dalam mana musang meng-ishtiharkan ganjatan senjata terhadap ayam dan kuchiing terhadap tikus, perang senjata sudah berganti dengan perang polisi kechuali di-Vietnam di-mana "hukum rimba" menepati Injil. Rachun "Perang Salib" berbalutkan ma'jun terus menerus memainkan peranan di-dalam lapangan kebudayan, sastera, terjemahan dan falsafah dan akhir-nya di-dalam bidang sukatan2 pelajaran dan pendidikan - semua-nya itu tidak kurang padah-nya dari perang bersenjata .

Satelah memperhitogkan semua-nya itu, maka alang-kah 'ajaib-nya bagi kita memikirkan bagai mana umat Islam yang bagitu nasib-nya pun maseh terus menerus dapat hidup bahkan dapat pula berdiri tegak, samakin di-chantas samakin bertunas, samakin di-chabut samakin berumbi, samakin di-gon-chang samakin tenang, samakin di-lapah samakin berisi, samakin di-rachun samakin betah; dan samakin nyaring suara mereka memintak umat Islam menyerah kalah samakin tegas pula jawapan "bakar-lah ayer, ambil abu-nya". Dengan berkat peranan yang di-mainkan oleh "Angkatan Penggerak" yang tak pernah kunjung padam itu lahir-lah beberapa banyak Negara2 Islam di-Asia dan Afrika, masing2 mencapai kemerdekaan wilayah-nya lantas mengambil tempat yang sesuai di-muka bumi, dudok sama rendah - berdiri sama tinggi disamping umat2 keturunan King Richard, Charles Martel, dan Ferdinand serta Izabella-nya .

King Richard ia-lah manusia Keristian yang bertanggong-jawab atas pembunuhan beramai2 ka-atas tidak kurang dari 70,000 orang2 Islam di-kawasan Masjid Al-Aqsa dalam perang salib yang mereka laacharkan terhadap Salahuddin Al-Ayubi dan yang akhir-nya

Salahuddin juga yang berjaya. *Charles Martel*, seperti yang di-akui oleh umat Keristian sendiri, ia-lah saorang anak yang di-lahirkan sachara "anak haram" oleh saorang pembesar bernama "Pepin", ia-lah panglima perang yang bertanggong-jawab menyerang Kerajaan Islam Bani Umayyah di-Sepanyol pada tahun 132 Hijrah bersamaan tahun 750 Masihi dalam mana Penglima Perang Islam, Abdul Rahman Al-Ghafiqi, telah terbunuh dan menyebabkan jatoh-nya Kerajaan Bani Umayyah di-negeri itu. Ferdinand ia-lah maharaja bagi negeri Aragon telah di-perkahwinkan dengan ratu Izabella, naharani bagi negeri Castillia. Dengan perkahwinan mereka berdua maka negeri Sepanyol pada zaman itu telah berjaya mengusir orang-orang Islam dari negeri tersebut, dan dengan terusir-nya Penglima Islam, Mohamad yang ketujuh yang bergelar Abu Abidullah, berakhir-lah kekuasaan umat Islam dari benua Eropah meninggalkan kenangan2 di-sekitar bumi Sepanyol terutama di-kota Qurtubah (*Cordova*), kota Gharanatah (*Granada*), kota Ashbiliyah (*Seville*) dan kota Talitalah (*Telodo*) hingga sekarang. Istana Al-Hamra di-Cordova menimbulkan perasaan hiba di-hati insan muslim .

Rachun penjajah terus menikam badan umat Islam; dan jika loput-lah "Angkatan Penggerak" kita maka sejarah sahaja-lah yang akan mencheritakan segala sasauatu yang belum kita mengetahui .

Akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba. Akal akar perpulas tak patah; "ada pun buah itu pasti hilang dengan sia-sia dan apa2 yang berguna kapada manusia pasti kekal tinggal di-bumi" .

* * * *

KESAN2 BUROK

Miskipun suatu "arus kebangkitan" sudah mulai bertiup di-sana sini di-kalangan umat2 Islam, namun maseh nyata suatu kebimbangan yang amat sangat. Apa yang amat membimbangkan kita ia-lah kesan2 burok maseh bermaharajela ka-atas umat Islam akibat segala tekanan dan kedzaliman yang begitu lama di-alami oleh mereka sejak zaman dahulu hingga ka-zaman moden. Umat2 Islam telah berkurun2 hidup di-bawah kuasa2 penjajahan; mereka di-tindas dan di-perlakukan dengan chara sawinang2; dan penajah sendiri memang sadar bahawa Kerajaan2 mereka ada-lah di-dirikan di-atas runtahan dan rubohan negeri2 Islam dan penajah itu sadar bahawa "arus kebangkitan" di-kalangan umat Islam itu akhir-nya akan mengusir mereka dari bumi Islam; dan mereka sadar bahawa kesudahan nya mereka terpaksa mengundurkan diri turun tak bertangga .

Penajah2 keturunan King Richard, Charles Martel dan King Ferdinand serta Ratu Izabella itu memang sadar akan nasib masa depan mereka; oleh itu-lah maka kuasa2 penajah mereka terus menerus melancarkan "Perang Kebudayaan" yang bertalu2 menerusi dasar2 pelajaran dan pendidikan dan juga menerusi ba-dan2 pengembang ugama Keristian Antara-bangsa. Petrang kebudayaan ini dari segi kesan-nya tidak-lah kurang padah-nya dari perang bersenjata; kerana senjata tidak selalu berpeluang menembusi badan tetapi beneh kesesatan yang mereka telah dan sedang menamakan-nya itu lebh chepat meresap kadalam fikiran, jiwa dan perasaan orang2 Islam sedang mereka ini boleh di-katakan tidak memiliki sabarang "Pandangan Islam" yang jelas untuk di-gunakan bagi menentang kemaraan rachun penajah itu; mereka juga tidak mempunyai nera-ha2 yang adil untuk membezakan di-antara apa yang "baik" dengan apa yang "burok" atau di-antara apa yang "berguna" dengan apa yang "merbahaya".

Akibat dari hasad dan dengki pehak penjajah di-samping "kekosongan" pehak umat Islam dari "pandangan" dan "neracha" seperti yang tergambar tadi, lahir-lah kesan2 burok mengelubungi alam fikiran dan watak orang2 Islam lalu mempengarohi jiwa dan perasaan mereka. Kesan2 burok ini nyata kelihatan di-kalangan angkatan2 muda Islam terutama mereka yang terdidek dan terpelajar sachara Barat sahingga mereka menjadi saolah2 sesat, terchengang2 tidak tahu kaman hendak di-tuju, malah ada yang sampai kapinggir ilhad yang tidak lagi bersedia untuk mengakui wujudnya Tuhan Penchipta alam dan tidak lagi bersedia menerima sabarang ugama sebagai panduan hidup mereka.

Ini bukan-lah pula bererti langsung tidak terdapat sabarang gulongan angkatan pemuda Islam yang maseh terselamat daripada kesan2 burok tersebut; memang masehada gulongan istimewa seperti itu tetapi bi-kalangan mereka amat-lah merosot berbanding dengan gulongan2 yang terbawa2 tadi. Gulongan yang terselamat itu ha-nya-lah mereka yang maseh hampir kapada alam fitrah yang semula jadi dan belum begitu renggang dari pusaka perbendaharaan lama; dan gulongan seperti ini-lah yang di-harap2-kan akan menjelma sebagai "Angkatan Penyadar" untuk menyelamatkan umat Islam di-masa depan.

Kesan2 burok dari "Perang Kebudayaan" tadi semakin sahari samakin hebat dan merebak menyusup ka-dalam faham2 kebangsaan yang di-reka2-kan oleh Falsafah Kebendaan Barat lalu mengelubungi umat2 Islam dengan segala sampah sarap-nya. Sudut yang paling merbahaya sakali ia-lah Penjajah itu memilih jaln2 yang hampir kapada perasaan samula jadi di-dalam jiwa dan diri manusia. Memang-lah manusia itu, walaupun pun dari jat dan martabat-nya, chinta kapada tanah ayer-nya, kaum keluarga-nya; dan dari titik inilah maka penjajah itu melahir faham "Tanah Ayer" dan faham "Kebangsaan"; dan memang-lah persoalan2

seperti itu bertunjang di-dalam lubok hati setiap manusia. Islam sendiri mengajar umat-nya supaya men-chintai tanah ayer (حُبُّ الْوَطَنِ مِنَ الْإِيمَانِ) chintakan watan itu sabahagian daripada Iman); akan tetapi chinta kapada watan itu tidak-lah pula sampai melebihi chinta kapada Tuhan yang mencipta watan itu untuk manusia; kalau chinta kapada watan itu ha-nya merupakan sabahagian daripada Iman maka chinta kapada Tuhan itu pula yang merupakan "sepenoh Iman"; dan langkah mengutamakan sa-suatu yang bersifat "sabahagian" ka-atas sasatu yang bersifat "sepenoh" ada-lah suatu kesilapan yang amat besar bahanaya dan padah-nya

Faham kebangsaan sudah pun menjalar kaserata pelosok alam sama ada alam Islam mau pun yang bukan Islam; itu-lah sebab-nya maka Tuhan sudah lebuh dahulu memberi pertunjok kapada umat manusia seloroh-nya pengajaran Ugama-lah yang wajib di-utamakan. Dalam zaman moden ini nyata-lah bahawa Faham Kebangsaan (Nationalism) itu membawa manusia berta'assub kapada negeri-nya dan segala "kesuchian" yang mereka anuti-nya sekarang ha-nya-lah terhenti kapada batas2 yang bersifat "Kebangsaan" belaka walau pun pegangan tersebut dengan jelas-nya berlawan dengan "kesuchian2" yang telah di-ator oleh Tuhan sendiri. Mereka terlupa kapada kebenaran bahawa segala "kesuchian" yang terbatas kapada "kebangsaan" itu ha-nya sesuai bagi satu2 "bangsa" sedang kesuchian yang di-ajar Tuhan ada-lah meliputi seluruh umat manusia walau di-mana mereka berada .

Aliran faham "Kebangsaan" atau lebuh terkenal dengan sebutan "Natinalsim" itu kini sudah menguasai watak umat2 Islam sendiri; dan dari titik permulaan ini lah penjajahan2 itu menonjolkan jiwa dan perasaan orang2 Islam menerusi chinta mereka kapada watan lalu di-pesongkan-nya mereka kapada perangai menyembah "tuhan bahanu" ia-itu-lah "Bangsa dan kepentingan2-nya" - suatu aliran ketuhanan yang lahir dari fal-

safah kebendaan ajaran Penjajah Barat. Orang2 Islam sekarang sudah terbawa2 dengan fahaman yang salah itu pada hel mereka sendiri mengerti atau sakurang2-nya pernah mendengar seruan2 Tuhan di-dalam Kitab Quran-nya .

(نَفِرُوا إِلَى اللَّهِ أَنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ مُبِينٌ)
(وَلَا تَجْعَلُوا مَعَ اللَّهِ إِلَهًا أُخْرَى أَنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ مُبِينٌ)
(مِنْهُ نَذِيرٌ مُبِينٌ -)

"Rasul berkata: Maka bertumpu-lah kapada Allah; kerana sesunggoh-nya aku ini saorang juru-an-cham daripada-nya dengan nyata. Dan jangan-lah kamu mengada2kau di-samping Allah itu suatu Tuhan yang lain; kerana sesunggoh-nya aku ini saorang juru-ancham daripada-nya dengan nyata. Sabenar-nya kesan2 burok yang timbol dari "Perang Kebendaan Moden" ini dapat di-lihat dengan mata kasar di-kalangaa meshara-kat2 Islam. Suatu mithal yang amat mudah chuba-lah bertanyakan diri sendiri: "apa-kah agak-nya dapat dibuat oleh kadzai2 di-mahkamah2 shari'ah sakira-nya ia terusua dengan satu2 satu2 perkara yang berupa undang2 bertulis yang terang2 berlawan dengan kebenaran yang nyata di-dalam Kitab Allah"? Biasa-nya tuan kadzi yang malang itu tidak dapat berbuat apa2 hanya-lah patuh kapada undang2 tersebut dan mengutamakan-nya dari undang2 yang tersebut di-dalam Kitab Allah. Ini ada-lah suatu kenyataan yang memang berlaku di-negeri2 Islam pada zaman moden ioi; dan kalau-lah sudah demikian dudok-nya kita, maka tidak-kah kita merasai di-dalam jiwa kita bahawa sachara tidak langsung kita sudah pun terlanjur bertuhankan masharakat atau Negara; dan sachara tidaklangsung pula kita sudah mulai menyembah "Negara" serta menjunjong titah "shar'at" yang di-gubal-nya dengan membelaikan Shari'at Tuhan sendiri?. Kalau orang tidak bersedia menjawab sachara berterang2, maka di-persilakan-lah dia membisiki sa-

nubari-nya neschaya jawapan yang nyata dan mudah sudah pun tersedia di-lubok hati-nya. Tidak kita sudi menyemak firman Tuhan: :-

(ومن يشاقق الرسول من بعد ما تبين له الهدى ويتبغ غير سبيل)
(المؤمنين قوله ما تولى ونصله جهنم وساعت مصيرنا)
(سورة الشافع: 114)

"Dan barang siapa memusohi Rasul satelah nyata bagi-nya jalan yang lurus tetapi ia turut jalan mereka yang bukan mu'min maka kami akan memalingkan-nya ka-arah mana ia berpaling, dan Kami akan panggangkan-nya di-Neraka pada hal Neraka itu ada lah suatu tempat kembali yang jelek".

Demikian-lah nasib-nya umat2 Islam yang terpengaroh dengan faham kebangsaan (*nationalism*) moden; akan tetapi apa yang lebih malang-nya ia-lah faham2 yang salah itu bukan sahaja datang melalui jiwa kebangsaan yang sadikit sabanyak mempunyai hubungan dengan perasaan samula jadi manusia tetapi memang senghaja di-ator oleh kuasa2 penjajah menerusi kuasa penjajahan-nya terutama menerusi gerakan pengembang ugama Kristian. Di-dalam majallah-nya yang di-terbitkan dalam bahasa Perancis *La Revue du Monde Musulman*, kira-kira 40 tahun dahulu, sa-orang pengembang ugama Kriştian bernama: *Le Chatelier* telah menulis dengan tegas: "Tidak shak lagi bahawa usaha mengirim rumbongan2 pengembang ugama Kriştian ka-merata dunia itu maseh juga tidak berdaya hendak menggoyangkan akidah Islam dari jiwa pengikut2-nya; oleh itu mereka-itu tidak akan berjaya dalam menjalankan tugas menerusi dengan jalan meresapkan fikiran baru menerusi bahasa Eropah; dan dengan menyiarkan fikirao2 baru saperti itu akan berlanggarlah Ugama Islam dengan akhbar2 Eropah; dan dengan itu mereka akan berpeluang merintis jalan bagi kema-

juan Islam dari sudut kebendaan sahaja dan akhirnya gerakan pengembang Kristian itu akan dapat dengan mudahnya meruntuhkan asas "Pandangan Islam" yang sudah tentu tidak dapat mempertahankan diri-nya jika ia-nya sudah di-pisahkan ka-suatu alam yang terpenting. Penulis itu berkata lagi: "Pemenchahan2 ka-atas kebulatan siasah Islam seperti yang di-lakukan sekarang akan membuka jalan kapada kerja2 ketamaddunan Eropah kerana dengan demikian sudah tentu Ugama Islam itu sendiri akan beransur lumpoh dari segi politik-nya, dan tidak berapa lama selepas itu Islam itu sendiri akan terperangkap ka-dalam sabuah bandar yang dilengkongi ole hpagar duri Eropah." Saterus-nya ia berkata: "Tidak payah kita merasai bimbang lagi kerana demikian-lah hal-nya maka alam Islam sudah tentu tidak akan memilih sa-lain dari undang2 dan sifat2 Eropah satelah ia-nya membuang undang2 dan sifat2 asli-nya sendiri; kerana kelemahan yang beransur-ansur di-dalam keperchayaan kapada dasar Islam serta sasau-tu yang berikutan dengan-nya, apabila telah tersibar di-merata2, tetapi sekali akan membawa kapada kemer-rosotan dari dalam "Jiwa Ugama" serta membongkar asas-nya dan sudah tentu tidak akan memberi sa-barang peluang uutok Ugama itu hidup semula walaupun dalam apa bentuk jua sekali pun.

Pujangga Islam' Tuan Shakib Arsalan, dalam buku-nya "Zaman sekarang Dunia Islam" (حاضر العالم) (ا) عالمی menchatetkan sa-orang Ulama bangsa Belanda yang terkenal dengan jiwa kesederhanaan-nya dan kurang ta'assub-nya telah berkata dalam salah suatu cheramah-nya pada tahun 1911 Masehi mengenai orang2 Islam di-kepulauan Jawa (Indonesia sekarang): "Sistem Khalifah di-dalam Ugama Islam bukanlah seperti faham Kepadrian yang tidak ada hubungan-nya dengan politik; tetapi sabalik-nya ia pada hakikat merupakan sistem pimpinan politik bagi orang2 yang mahu berpegang dengan dasar-nya; dan sistem Khalifah ini sama sekali tidak akan memberi kesempatan

kapada orang Islam untuk memberi ta'at setia-nya kepada sebarang Kerajaan Masehi; dan yang malang-nya lagi, orang2 Islam di-kepulauan ini berpegang teguh dalam ugama dan adat resam-nya dengan apa yang di-pegang oleh orang2 Islam di-negeri Masir, negeri Hadzramaut dan kepulauan tanah Arab; mereka bersunggoh-sunggoh dan bertekun membacha karangan2 yang di-tulis di-negeri2 Arab sendiri; dan sa-hingga hari ini belum juga ada sebarang perasaan kebangsaan Jawa yang menentang arusana ugama yang datang dari tanah Arab itu.”

Kemudian jika kita tambahkan lagi kapada bahanaya “Perang Kebudayaan” dan gelumbang faham kebangsaan yang sedang menguasai dunia sekarang ini jika tambahkan lagi dengan perasaan terdzalim dan jiwa meradang terhadap penjajah serta saki baki keutuhan semangat Islam yang maseh ada di-kalangan umat Islam sendiri, maka sudah tentu pehak penjajah akan membesar dan memperhebatkan lagi serangan mereka terhadap sa-suatu yang bersifat Islam. Kalau hal ini di-pandang sepi maka di-khawatirkan umat Islam akan kahilangan teraju dan akan terus menerus merusot hanya di-bawa arus dengan tidak sempat kita menyediakan apa2 ubat kelat dan penawar; dan akhir-nya umat2 Islam seluroh-nya akan tidak lagi memileki sa-barang “Pegangan” yang kukuh dan dasar yang boleh menjadi tempat bergantong.

• • •

دروغ اور غم اسلام دالنگىكن جائين ترفلارو



۱. سپول کلنٹون عوام ۱

دانو، خارون سپول سپلش
فریبز، چو، "درگ" اسلام
هندلکه برخان اجلان ترفلارو
اوون فروشانه گوئیس بیخ
دسلوران ملکوئی اقام

"گوئیس سپلش
هندلکه کن" چن ستری پسر
دان سپلش، "گیت بیون بونه"
برتوانی اسود دان گوئیس
مشوره دانو، خارون لائی
گوئیس سلاطین کنه فرود
سام شکیه بیو هنن
ملکوئان اسلام اندون لکتیان
کریکه

"گوئیس لکتیان" چو
السول هنچیس کیپان سپل
بر توکن سوکن چوی درگ"
چوی دان اسلام، چکن ستری
کلت سل سلی دند بیخ گوئیس دلزکتیانه بیون
کس
دن رہا هنلی گوت چکن ایت الول لکتیه هاتی درگ ۲
امنوق هنچیل جیلان ۲ ایت
کلت دانو، خارون گوئیس
نه هنکر کان لکتیانه ۲ بیو
چوب چوچا ۳ دشن درگ ۴

دانو، خارون سلاطین کنه فرود
اسلام دان بر صورا ۳ گوئین کان دانو، خارون
گوئیس بیخ چا چن لکلکن ویوسن چا چو چووا و سلنه
"چوی دان اسلام" چکن ستری
کلت سل سلی دند بیخ گوئیس دلزکتیانه بیون
کس
دن رہا هنلی گوت چکن ایت الول لکتیه هاتی درگ ۲
امنوق هنچیل جیلان ۲ ایت
کلت دانو، خارون گوئیس
نه هنکر کان لکتیانه ۲ بیو
چوب چوچا ۳ دشن درگ ۴

BAHAYA FAHAM KOMINIS

Gelombang penjajahan yang chelaka itu menjadidi bertambah hebat dan dahshat dengan munculnya pula gerakan2 faham Kominis yang begitu cergas di merata pelosok dunia sekarang ini. Gerakan Kominis ini pada sahara2-nya boleh jadi kelihatan bertukar charak dan peranan yang di-mainkan-nya tetapi pada hakikat-nya ia tetap menuju ka-arah mencapai segala hal alamat-nya yang sudah pun di-ator begitu rapi dan kemas.

Faham Kominis pada hakikat-nya ia-lah suatu pengajaran baru yang cuba menyusun suatu sistem perburuhan; ia-nya kecil di-pandang tetapi kemas, terator, masak dan bertulis dengan terang; malah ia-nya boleh menjadi suatu "Ugama Baru" yang mempunyai tidak sedikit penganut2 di-dunia; ia juga mempunyai "Nabi2-nya" yang sesat lagi menyesatkan seperti Karl Marks dan Lenin. Salain dari itu, faham Kominis itu sejak mula lahir-nya lagi, mempunyai dua sifat yang istemiwa; ia-itu : (a) Sentiasa beraslia; dan (b) Sentiasa bermain di-peringkat Antara-bangsa. Faham Kominis bergantong kepada orang2 persaorangan yang sengahaja di-lateh untuk bekerja sachara senyap2 dan pesawat watak-nya merupakan suatu "jalinan" yang sentiasa bergerak menuju ka-arah menghanchorkan saki baki faham kolot di-kalangan umat2 manusia; kerja2 ini di-lakukan-nya menurut ranchana2 yang di-sediakan oleh Puchok Pimpinan Parti Kominis Saduria dengan persetujuan dari ranting2 parti Kominis di-satu2 tempat untuk menchari penyesuaian bagi gerakan2 di-tempat tersebut. Oleh itu orang2 Islam janganlah mudah terpengaroh dengan pendapat2 ahli2 politik yang pada lahir-nya kelihatan begitu bersemangat terhadap faham kolot di-dalam satu2 mesharakat. Memang-lah faham kolot itu tidak di-ingini oleh sasiapa jua di-zaman teknoloji ini tetapi orang2 Islam hendaklah berjaga2 jangan sampai terbawa2 dan akhlinya terseret kadalam perangkap Kominis. Pada pering-

kat permulaan bertindak, gulongan Kominis ha-nya bertujuan untuk benar2 mengkominiskan satu2 tempat yang tertentu atau sa-satu gulongan yang tertentu sahaja supaya tempat tersebut menjadi "sarang" mereka dan supaya "gulongan" tadi menjadi beneh faham Kominis yang akan bertelor, menetas dan membiak dari sa-masa kasamasa. Mereka mengetahui kelemahan dan kekurangan di-dalam faham kebangsaan (Nationalism) kerana faham kebangsaan itu ha-nya merupakan suatu perasaan yang kerap kali berjaya mengumpulkan manusia di-bawah satu2 pimpinan; tetapi faham kebangsaan pula tidak mempunyai dasar ugama-nya, tidak mem-punyai dasar ekonomi-nya sendiri bahkan ha-nya me-mojam dan menyedut dari sana sini; oleh itu orang2 Kominis pun terus mengguna kesempatan itu dengan mempengarohi aliran kebangsaan sebagai kuda tunggan-gan mereka. Faham Islam tidak sama dengan faham kebangsaan; kerana Islam mempunyai segala peratoran dasar yang lengkap, jelas dan kukuh; ia-nya ciptaan Tuhan Penchipta alam daa bukan rekaan akal manusia biasa .

Dalam zaman moden ini, kuasa2 Kominis keli-katan giat dan chergas menchampor tangan apabila berlaku satu2 perselisihan di-antara mana2 negeri Islam dengan negeri yang bukan Islam; mereka kelihatan menehk kapada pehak Islam untuk membantu menen-tang pehak bukan Islam, tetapi apabila tiba sa'at yang bersunggoh, sa'at genting dan sa'at bertindak maka ku-asa2 Kaminis itu akan berlepas tangan konon-nya me-reka lebeh suka hidup berkechual. Sabenar-nya mu-toh2 Islam itu datang-nya dari sasatu yang bukan Islam dengan tidak kira mana puncha-nya. Faham Kominis ia-lah Faham Tak Bertuhan; maka bagai ma-na-kah kita dapat meletakkan keperchayaan kapada su-atu gulongan yang bukan sahaja berniat jahat terhadap orang lain tetapi sahingga Tuhan pun mereka tidak akui. Mengenangkan semua-nya ini, kita mulai sadar bahawa untuk menegakkan Shari'at Tuhan di-muka bumi bukan-lah suatu acharr yang mudah- saperti

achara majlis tari menari malahan amat berat, sukar dan memerlukan banyak tenaga dan keyakinan serta ilmu pengetahuan.

Di-antara tektik2 kominis, seperti mana ternyata di-dalam buku2 ajaran resmi mereka dan juga seperti yang tersirat di-dalam ranchangan2 mereka di-merata tempat di-dunia ini, ia-lah mereka akan memasang jerat di-dalam tiap2 peringkat dan di-kalangan tiap2 golongan manusia. Bagi golongan terpelajar mereka mengemukakan persoalan "kedzaliman sosial" dan chara2 mengubati-nya; dan bagi golongan ugama pula mereka menyediakan ulama2 upahan yang pada hakikat-nya tidak memperchayai ajaran ugama supaya berdamping dengan segala kechergasan yang bersifat ugama malah ulama2 musang itu kelihatan ber'itikaf di-masjid2 dan di-surau2 dan menghadziri perayaan2 ugama dengan mengemukakan persoalan "Ke'adilan Ilahi terhadap masharifikat manusia". Dengan chara yang begitu mereka berpeluang menchela adat2 kunu dan sikap orang2 yang kolot dan di-samping itu mereka pun mengemukakan pula ranchangan2 kemajuan berfikir terutama falasafah2 moden yang lahir dari faham2 kebendaan. Tektik2 kominis itu boleh di-simpulkan seperti yang berikut:

- (a) Membela kaum boroh
- (b) Menentang penjajahan
- (c) Mereggakkan keadilan social
- (d) Memerangi keklotan
- (e) Hidup berkechualian, dan
- (f) Menchapai kemajuan menerusi sudut kebendaan.

Demikian-lah lemak manis-nya renchana2 perjuangan manusia2 kominis itu, dan akan ramai-lah pula orang2 yang "buta ugama" apa-tah lagi jika "buta Islam" akan menyambut seruan2 kominis itu malah banyak-lah yang terperangkap lalu rela menjadi talibarut, anjing suruhan dan "sayap kelima,, di-dalam

satu2 bangsa terutama bagi bangsa2 yang beriman kepada Faham Nationalism.

Ladang yang paling subur bagi semaihan bencah faham kominis ia-lah kalangan angkatan muda terutama di-sekolah2' di-maktab2 dan saterusnya di-pusat2 pengajian tinggi serta pertubuhan2 social. Semua-nya itu jika tidak segera di-jiwakan dengan jiwa Islam maka padah-nya kelak amat-lah burok. Perhatikanlah nasib umat Indonesia mithal-nya dan begitu juga umat Aljiria dan beberapa buah republik baharu yang asal-nya kuat berpegang kapada ajaran ugama Islam; bangsa2 itu menerusi semangat kebangsaan masing2 telah berjaya mengusir penjajah2 Barat tetapi akhir-nya di-resapi oleh puak2 kominis. Hal ini boleh dikatakan berlaku di-seluroh benua Asia dan Afrika apa-tah lagi di-dunia Barat. Lihat-lah nasib negeri dan umat Albانيا dan Zekoslobakia, mereka sudah pun berubah menjadi "negeri2 kominis moden" pada hal orang2 Islam-lah yang dahulu-nya menguasai segala sa-suatu. Sakira-nya orang2 Islam tidak segera menchari ubat kelat maka akhir-nya mereka akan terlepas dari penjajah Barat tetapi terperangkap pula ka-dalam jerat kominis terlepas dari mulut buaya jatoh pula ka-mulut harimau.

Umat2 Islam mesti-lah segera menyediakan ran-changan2 kemajuan menurut perubahan zaman tetapi hendak-lah berunsurkan akidah Islam dan berdasarkan Iunus2 Shari'at Allah; jika tidak maka sejarah sudah tentu mengulangko diri-nya.

• • •

BEBERAPA KELEMahan DALAM SISTEM POLITIK NEGARA KITA

* * * *

"Mari-lah kita anggap kajadian 13 Mei, itu sebagai satu alamat menunjok adanya beberapa kekurangan dan penyakit dalam sistem politik Negara kita".

"tidak boleh tidak Negara ini me-
sti-lah di-beri sema-
ngat baru yang mem-
punyai satu pandan-
gan baru terhadap
masa depan-nya, sa-
tu pendapat baru ter-
hadap chara hidup
yang berasaskan satu
penghargaan baru ter-
hadap nilai-nya".

* * * *



Apabila keadaan dzarurat di-istiharkan pa-
da 14 Mei, Tun Abdul Razak sebagai pengarah
gerakan telah di-beri tiga tugas. Pertama-nya
beliau hendak-lah memulehkan keamanan. Tugas
ini sedang di-jalankan bersama oleh angkatan
tentera dan ketua polis Negara .

Kedua, Tun Abdul Razak juga hendak-lah me-
nentukan supaya pemerintahan akan berjalan dengan
lichin. Perkara ini di-laksanakan oleh Tan Sri Kadir
bin Shamsuddin, ia-itu saorang ahli majlis gerakan Ne-
gara yang bertanggong-jawab untuk memperbaiki pen-

tidbiran dan sakira-nya di-kehendaki dia akan mencha-dangkan undang2 atau peratoran baru untok mengisi maksud itu .

أرغان فناغ

١٠ جلد ٢٤ - ١٣٩٥

منوجو منشاركة برهالوان برداسر ان
دوگن دان اندیلوچی نکارا (روگیشارا)

سوسنها سد اکسپرس تسود مکانی، ان سری فرمان
دوگن عوک منشارکه اندیلوچی ملکیت اسپر ان بادا که
سکانی فرمانها فرمانها و دستورات دارو این سری
مسکن و خوش خبر این سری پیشین سوچا فرمانها داده یو
اسپر رخصن لذت سلسله
دوگن داده این صبح و دن کردن ایندوه خواه شاهزاده
نه ایندوه خواه ملکیت اندیلوچی ملکه سلسله نکارا از هنر
ملک فتحم افر صدوق دان و خوش سرت فرمانها
فرمانها و داده ایندوه خواه ملکه سلسله داده چشم
مسکن و خوش خبر ایندوه خواه ملکه سلسله فرمانها
دهن داده سیر ملکه خواه داده ایندوه ملکه سلسله

فولیتیک

برلنکسکن

کبومیقتران

تا بوله

دكتفیکن

Tugas ketiga, Tun Abdul Razak telah di-beri tanggong-jawab so al membolehkan samula perasaan ber-baik2 di-antara semua kaum dan ra-yat dalam negeri ini. Dengan yang ketiga ini-lah beliau beberapa hari dulu telah mengistiharkan bahawa satu pejabat yang di-gelarkan Pejabat Perpaduan raayat sedang di-bentok kan di-bawah jagaan beliau sendiri .

Tun Abdul Razak telah memerintahkan saya un-tuk menchari ikhtiar dan membuat satu ranchangan su-paya pejabat ini boleh mengisi maksud-nya dengan sumpurna, ia-itu membolehkan semula perpaduan raayat yang terjamin akan-kekal selama2-nya. Pejabat ini su-lah-lah di-bentok dan sekarang sedia untok bertugas.

Apa-kah Pejabat ini dan apa tanggong-jawab-ya dan chara mana-kah yang ia akan menjalankan tu-

gas-nya. Dan apa-kah sebab-nya yang kita mesti mengadakan pejabat ini ?

Saya rasa ada baik-nya jika lalu saya mulakan huraian yang di-kehendaki itu dengan chara mengenangkan semula apa yang telah jadi pada petang 13 Mei ia itu: **satu peristiwa yang membawa Negara kita hampir terjahanam.** Kita telah hampir sampai ketepi tobing gaung dan nyaris lagi tergelinchir kedalam-nya. shukor alhamdullillah kita terselamat .

Semenjak hari itu Negara kita sudah mulai mengkaji semua keadaan-nya dan bertanya apa-kah salah kita ini dan apa-kah haluan kita dari sekarang dan bagaimana-kah kita boleh hidup sebagai satu Negara dan apa-kah rampaian2 yang mesti kita pakai supaya kita bukan sahaja hidup tetapi berkemajuan !

Macham mana-kah kita boleh menentukan pada masa hadapan supaya raayat yang miskin dan yang tidak berada boleh di-angkat daripada keadaan mereka itu dan memberi kapada-nya harapan dan chita2 baru buat masa hadapan .

Bahagimana-kah pula kita mesti menentukan keselamatan tiap2 raayat dan harta benda mereka serta juga hak mereka menchari penghidupan supaya tiap raayat itu tidak ketinggalan dan mendapat tempat di Malaysia ini sama ada ia si peladag atau pedagang guru atau buroh, tabib atau nelayan .

Dan apa-kah yang mesti kita buat supaya perasaan masing2 di-antara kaum itu tidak tersinggong dan juga segala apa langkah yang di-buat oleh Kerajaan akan mempereratkan lagi perpaduan raayat dan bagaimana-kah chara-nya yang kita mesti menyatukan taat setia yang tidak berbelah bagi, bertumpu dengan tidak tentu itu di-satukan kapada taat setia yang besar iaitu terhadap kapada ibu pertiwi Malaysia .

Saya rasa kita semua sedar bahawa Negara kita pada masa sekarang sedang di-uji. Peristiwa 13 Mei, itu telah membuktikan dengan jelasnya segala kesulitan dan juga tanggong-jawab kita pada masa hadapan.

Kita insaf bahawa satu masharifik yang bersatu padu itu hanya boleh dibina dengan memakan masa yang panjang. Ini satu perkara yang tidak boleh kita elakkan. Insha'Allah kita akan bina satu masharifik yang baru dan kita tidak boleh lagi hanyut dengan tidak berhaluan bekerja dan berfikir dengan chara *ad hoc* dan menudongkan segala soal2 yang rumit dengan berharap bahawa soal2 ini akan hilang sendiri-nya .

Pada masa sekarang setapak demi setapak yang dimajukan oleh rakyat Malaysia hendaklah di-jalankan dengan chukup faham bahawa Negara kita ini mempunyai sejarah latar belakang dan kenyataan politik dan kesulitan yang tertentu dan segala langkah2 rachangan ini hendak-lah di-ambil dengan satu tujuan dan satu sahaja, ia-itu perpaduan rakyat .

Negara kita Malaysia ini mengandungi berbagai2 rupa bangsa yang mempunyai berbagai2 nilai kebudayaan dan ekonomi yang kadangkala bertentangan. Keadaan ini di-rumitkan lagi dengan ada-nya beberapa persamaan kumpulan2 ekonomi dengan kaum yang tertentu dan di-tambah pula dengan ada-nya perbezaan yang nyata di-antara gulungan muda dengan gulungan yang boleh tua

Perbezaan yang besar ini telah merumitkan perancangan dan pelaksanaan sebarang rancangan di-Negara ini. Ini ada-lah kenyataan yang wujud pada masa ini dan demi kepentingan perpaduan, rakyat semua sedar dan rancangan mesti-lah di-buat agar dengan itu dapat mengurangkan babit2 pertentangan di-antara pelbagai kumpulan dan kaum dan agar dapat mengendorangkan keterangan politik yang ada sekarang .

Oleh yang demikian, semua ranchangan dan tindakan kerajaan mesti-lah di-tujukan ka-arah mencapai perpaduan yang lebuh berkesan; perpaduan di-antara golongan tua, perpaduan di-antara kaum2-perpaduan di-dalam kumpulan masharakat.

Umpama-nya, dalam mengadakan ranchangan2 ekonomi dan ranchangan2 tanah, matlamat-nya mesti-lah melebeli daripada hanya perkembangan ekonomi dan penambahan peringkat pengeluaran sahaja.

Demikian juga dalam meninggikan taraf hidup peladang2 di-luar bandar tanpa mengira kaum, dan dalam menghapuskan perbezaan di-antara golongan2 yang berada dan yang tidak berada, perhatian mesti-lah di-ambil supaya ranchangan2 yang sesuai di-adakan juga untuk anak2 mereka kerana kapada mereka-lah bergantong-nya masa hadapan kita.

Perhatian mesti-lah di-ambil juga bagi meruboh kan tembak2 yang memisahkan masharakat kampong dengan masharakat bandar. Saterus-nya ranchangan pelajaran mesti-lah bertujuan lebuh daripada hanya mengadakan sekolah2 dengan penoh kesedaran dan keazaman. Ranchangan2 tersebut mesti-lah menchuba mengadakan pendidekan yang akan menggalakkan perpaduan yang lebuh erat di-antara pelbagai kaum, dan juga yang bertujuan untuk menanamkan semangat di-kalangan keturunan yang maseh muda ini agar mereka akan mempunyai keazaman dan ketekunan untuk menjadikan negeri ini suatu tempat yang lebuh baik.

Bagi masharakat bandar ranchangan yang sesuai mesti-lah di-adakan dan di-laksanakan. Ranchangan2 ini mesti-lah di-buat dengan penoh kesedaran bahawa massaalah penganggoran bukan-lah khas untuk suatu kaum yang tertentu sahaja.

Dalam masa2 yang lampau manakala ranchangan2 pembangunan di-kaiki dengan teliti dari segi em-

plikasi ekonomi oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dari segi keuwangan oleh perpendaharaan dan dari segi pentadbiran oleh d.a.o. maka tidak-lah pernah ada badan yang sesuai untuk mengkaji ranjangannya itu dari segi perpaduan rakyat dan penyantuan social.

Matlamat terbesar yang terpaksa di-capai oleh Malaysia ia-lah perpaduan rakyat. Dengan tiada-nya perpaduan ini tiada-lah mungkin sebarang gerakan ekonomi, social, kebudayaan atau politik yang boleh berkembang dengan subor-nya.

Oleh yang demikian semua dasar dan tindakan mesti-lah di-laksanakan dengan tujuan untuk menchampai matlamat ini supaya perpaduan bukan sahaja dapat di-tujukan tetapi juga di-perkuatkan dan di-perkembangkan dan dengan itu akan terjalin-lah perpaduan tujuan untuk masa hadapan negara ini.

Oleh yang demikian tidak boleh tidak negara ini mesti-lah di-beri semangat baru mempunyai satu pandangan baru terhadap masa hadapan-nya, satu pendapat baru terhadap chara hidup yang berasaskan satu penghargaan baru terhadap nilai-nya.

Malaysia mesti-lah mengorak langkah baru dan mesti membuat-nya dengan penoh ketabahan, bersedia untuk menghadapi chabarannya yang radikal dalam perhubaan2 sosial yang menggubar kebajikan dan keadilan sosial dan akhlak dan dengan jalan ini meujudkan atok diri-nya sendiri imej sabuah Malaysia baru yang seluruh berchorak Malaysia yang mempunyai sifat2 pembadi yang tersendiri dan bukan satu ajukan2 yang tiba dari Britain, Amerika Sharikat, Australia, maupun Singapura atau Indonesia.

Tugas2 Jabatan Perpaduan Raayat ia-lah untuk menasihatkan Kerajaan di-dalam kerja2 dan ranjangannya menggalakkan Negara dan memandu-nya terhadap

perpaduan raayat .

Kemahuan yang ikhlas dan keazaman Tun Abdul Razak untuk membuat perchubaan baru terhadap penyelesaian masaalah2 ini-Iah yang telah mendorongkan beliau untuk menuahkan jabatan perpaduan raayat ini.

Sekarang saya akan memberi penerangan mengenai chiri jabatan ini. Jabatan ini akan mempunyai dua bahagian: ia-itu bahagian penyelidekkan dan bahagian gerakan. Tentu-nya penyelidekkan asas dalam hubungan kaum akan di-lakukan di-tempat lain, umpama-nya di-Universiti Malaya. Ini ada-lah paling mustahak bukan sahaja penyelidekkan ilmu – pengtahuan semata2 untuk ilmu pengtahuan tetapi juga untuk melengkapkan jabatan ini dengan data2 yang basik yang akan digunakan di-dalam penyelidekkan seterus-nya .

Jabatan ini akan membuat penilaian terhadap rancangan2 baru ekonomi dan sosial dan juga rancangan2 lain seterus-nya. Jabatan ini akan mengkaji soal2 ini dalam hubungan-nya mengenai penyatuan sosial dan perpaduan raayat .

Penyelidekkan akan di-lakukan untuk mengtahui kepentingan dan chita2 ekonomi dan sosial tiap2 kumpulan masharakat .

Penyelidekkan akan di-lakukan juga mengenai faktor2 kebudayaan yang memupok atau menghalang perkembangan ekonomi dan perpaduan raayat. Jabatan ini akan mengkaji perhubungan dan pergaulan di-antara pelbagai kaum, umpama-nya bagai-mana orang2 China dan orang2 Melayu bergaul di-antara satu sama lain .

Jabatan ini, yang sabahagian daripada kaki-tangan akan terdiri dari orang2 yang mendapat latehan khas di-dalam menodoloji dan sain2 masharakat akan menjadi jentera pemikiran untuk memberikan daya uts-

ma pendapat2 baru dan tindakan untuk menchapai matlamat Negara dan juga untuk mengumpul dan membandingkan butir2 mengenai ranchangan Kerajaan .

Dalam menjalankan tugas2-nya jabatan ini akan di-bantu oleh beberapa jawatan-kuasa yang terdiri daripada pegawai2 Kerajaan. Jawatan-kuasa2 ini di-antara lain, menimbangkan pendapat2 mengenai perkara2 tertentu yang di-tugaskan kepada jawatan-kuasa tersebut. Mereka2 yang mempunyai semangat muhibbah dari semua bangsa dan lapisan masharakat dan pekerjaan akan di-undang untuk memberi buah fikiran-nya kepada jabatan ini .

Jabatan ini akan memberi dan membuat dasar sebagai panduan pada kementerian2 dalam menggubal ranchangan2 mereka berhubong dengan pembangunan Negara, terutama-nya apakala ranchangan2 tersebut bertengtangan dengan kepentingan sesuatu kumpulan dalam masharakat .

Jabatan ini juga akan menasihat dan memandu saloran2 penerangan agar orang ramai mengtahui tindakan2 yang di-ranchangkan dan di-lakukan oleh kerajaan dan memberi gambaran yang dinamis terhadap masa depan. Jabatan ini bertujuan untuk memberi gerakan dan dorongan terhadap kemajuan dengan menchari jalan bagi mengatasi masaelah2 supaya tidak ada ranchangan di-ketepikan hanya kerana ranchangan tersebut terlalu rumit. kemajuan yang di-buat mesti-lah dinamis.

Harapan untuk menchapai kejayaan dalam perchubaan pengarah gerakan untuk mengembalikan perpaduan rakyat akan lebuh terjamin sakira-nya beliau mengadakan untuk kegunaan beliau-nya sendiri satu darjah ukuran yang tertentu. Berhubong dengan keharmonian kaum dan pembangunan Negara agar dasar2 ranchangan dan tindakan sentiasa di-bandtingkan dengan ukuran tersebut .

Darjah ukoran ini atau lebeh tepat lagi prinsip2 dan norma2 yang boleh di-gunakan mengukor dan mo-nilai ranchangan2 dan tindakan dan kuasa penggerak untok kejayaan akan hanya di-perolehi jika sakira-nya ada ideoloji Negara yang jelas, melingkongi semua gu-longan kaum, keagamaan, kebudayaan,kelas dan parti politik.

Ada-lah satu daripada tugas utama Jabatan ini untok membantu Tun Abdul Razak dengan sistimitik membentok rukun Negara berdasarkan perlembagaan Malaysia yang terang mencherminkan chara hidup di-Malaysia.

Ada-lah menjadi tanggong-jawab Jabatan ini bagi menentukan semua dasar dan tindakan2 Kerajaan agar selaras dengan rukun Negara dan dengan demikian menggalakan perpaduan raayat .

Boleh-lah di-katakan jabatan ini menjadi sebagai makmal di-mana penyelidekan di-jalankan untok menentukan rukun Negara itu dan membaharuikan-nya .

Dalam perkembangan dan sejarah-nya, Malaysia sekarang perlu sekali menjelaskan rukun Negara-nya yang boleh di-terima oleh semua dan di-sokong oleh semua dan mencherminkan pendapat ramai dan memuaskan semua makhlok yang benar2 menumpahkan taat setia-nya kapada Malaysia agar mencapai kehidupan yang aman damai, harmoni dan maju .

Rukun Negara akan menjadi asas perpaduan ra'ayat hanya apabila dasar2 berpandu kepada prinsip2, darjat2 dan norma2 yang di-perolehi daripada rukun Negara baru-lah boleh tercapai matlamat untok memberi kepuasan rohani dan untok menghapuskan pertentangan gulongan. Ini bukan-lah sahaja di-gunakan untok dasar Kerajaan tetapi kesemua tindakan dan ranchangan raayat atau apa badan pun dan dengan itu maka Negara pun boleh dengan lancar-nya bergerak kearah kemajuan yang bermakna .

JABATAN PERPADUAN AKAN MENJADI SABAGAI MA'AMAL PENYELIDEKKAN

Rukun negara itu semesti-nya chukup luas agar tiap2 golongan masharakat yang terpencil dan mempunyai pandangan hidup yang sempit dapat di-angkat dan agar seluroh tenaga dan kebolehan mereka dapat di-gembeling kembali untuk menchapai matlamat hidup yang lebih bermakna.

Zaman kita sekarang ini ada-lah penting, sukar dan merbahaya. Peristiwa 13 hb. Mei telah menghadapkan kita kepada persoalan yang baik meliputi seluroh gerak-geri negara. Masa hadapan kita bergantong kepada rumusan2 yang di-perbuat "akibah kejadian tersebut."

Walau bagaimana pun mari-lah kita anggap kejadian tersebut sebagai suatu alamat menunjukkan adanya beberapa kekurangan dan penyakit dalam sistem politik negara kita.

Ada-lah menjadi tanggogjawab kita semua sekarang untuk menchari sebab2-nya dan mendapatkan "ubat-nya" yang sesuai. Jangan-lah kita lemah semangat dan mempunyai pandangan yang negatif.

Di-dalam menjalankan tugas berat yang kita hadapi sekarang kita mesti sentiasa insaf terhadap kenyataan2 yang ada, tetapi di-samping itu juga kita sekali2 jangan melupakan matlamat untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu, berbilang bangsa dan dinamis. Biar-lah hasil usaha2 ini menjadi suatu pesaka yang menguntongkan kepada anak chuchu kita.

Mari-lah kita mewujudkan untuk kita semua sebuah masharakat yang berhaluan, yang mara ka-hadapan mengikuti satu jalan baru yang di-rintis dengan penoh kesedaran yang mempunyai satu semangat dan azam baru.

Sebagai satu masyarakat yang berhaluan kita akan berusaha. Mari-lah kita bersama2 berusaha berpandukan rukun negara untuk ka-arah mana yang chemerlang.

* * *

ADA2 SAJA

Ada orang bertanya apa-koh rukun negara yang di-maksudkan oleh Tan Sri Ghazali dalam uchapan-nya di-radio semalam .

Bajang chadangkan rukun pertama ketuhanan, kedua satu bangsa dan bahasa Malaysig, rukun ketiga kema'amoran bersama, keempat keadilan social, kelima peri kemanusian .

Bajang - rukun perut .

- Bajang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- (وَأَنْ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ)
(وَلَا تَبْغُوا السَّبِيلَ فَتُفْرَقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ)
(ذَلِكُمْ وَصَاعِدُكُمْ بِهِ لِعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ -)

الآية 153 :

Erti-nya:

(*Dan bahwasannya ini-lah jalan ku yang lurus, oleh itu, turut-lah dia dan jangan-lah kamu turut jalan2 lain kelak di-pisahkan-nya kamu daripada jalan-nya: Demikianlah Tuhan perintah kamu supaya kamu berbakti.)*

(صِبَّةُ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنَ مِنْ أَنْ يَصْبِّنَ)

وَنَحْنُ لَهُ عَابِدُونَ - الْبَرَّةُ : 138

Erti-nya:

(*Penchelupan-Allah-Ideoloji Allah- ! dan siapa-kah yang lebih baik penchelupan-nya daripada Allah? Dan akan Dia-lah komi penyembah.)*

IDEOLOJI NEGARA DI-DALAM DEWAN RAAYAT

Perjuangan siasah tanpa ideoloji sama-lah seperti pelayaran bahtra tanpa kemudi. Itu-lah keperchayaan saya dalam perjuangan politik sejak mula saya mengenal perjuangan dan akan saya terus beramal dengan keperchayaan tersebut selagi hayat di-kandong badan.

Orang selalu mengejek pendirian saperti ini tetapi saya perchaya hati kecil mereka tidak menyertai lidah mereka yang tidak bertulang. "Ideoloji" ia-lah suatu kesimpulan akidah yang menjadi keperchayaan dan pegangan bagi tiap2 orang yang benar2 berjuang di-dalam lapangan politik untuk kebaikan masharakat negara-nya. Perjuangan yang di-asaskan di atas falsafah "Pragmatism" atau falsafah "Menyesuaikan diri" dengan suasana dan keadaan tidak akan dapat membawa manusia ka-arah matlamat yang berguna, malah sableknya faham "Pragmatism" itu akan menghanyutkan umat manusia bersama-sama denga hawa nafsu sahaja. "Pragmatism" membawa erti: "Hanyutism"; ka-mana angin bertiup ka-situ-lah ia chondong laksana daun lalang. Perjuangan saperti itu akan menghanchorkan bangsa, dan ugama.

Perkara ini telah berkali2 saya kemukakan di-dalam Dewan Ra'ayat di-antara tahun 1964 dan tahun 1969, tetapi telah tidak di-hiraukan. Pada hari Isnin, 22hb. 1966 saya telah bertanya di-dalam sidang Dewan Ra'ayat mengenai "Ideoloji Negara". Pertanyaan itu sebagai yang di-jangka telah di-jawab oleh Perdana Menteri sendiri .Akhbar "Berita Harian" dalam keluaran-nya hari Selasa, 23hb. Ogos, 1966 telah melapor kan saperti berikut:

"Sebelum itu, ketika menjawab pertanyaan Inche Abu Bakar Hamzah (PAS-Bachok), Tengku menegaskan bahawa dasar kita ia-lah "National Democratic." Kata-nya; "Kita tidak memakai ism. Kita pakai dasar

yang boleh menguntungkan Negara dan rakyat kita. Kami mengambil apa yang baik dari Communism atau yang bukan Communism".

Demikian-lah jawapan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman mengenai "Ideologi Negara". Saya telah menarik perhatian Tunku sebagai Yang Di-Pertua Agong UMNO Malaya tentang kegelisahan UMNO hendak mencari satu "Ideologi Negara" yang tetapi sahingga membawa satu usul kadalam Perhimpunan Agong Parti itu - Perhimpunan Agong-nya yang kesembilan belas pada hari Sabtu 30hb. Julai, 1966 dalam mana mereka telah berbahas untuk memperjuangkan satu falsafah baharu yang mereka namakan "socialism Sederhana".



فر ہم ڈون اکو ٹو امنو ملایا یخ کمپیلن یلس بیخ اکن موڑ
برسیدع اسون اکن تھر دستکن سواد اوسول یخ اکن دکھوکاں
دولہ و کیل سیر گھر اتی اوہناوا۔ اوسول ایت منتوہ کراچاں
فر انکار متجادلینکن ملیا سواد کراچن کبھیکن دان سیم
ایکو ہر من بیخ بر سوچو سوئالیں

Tunku Perdana Menteri terpaksa bangun sakali lagi menjawab pertanyaan itu. Akhbar "Berita Harian" 23hb. Ogos, 1966 melaporkan, di-antara lain :

"Mengenai kehendak UMNO yang menghendaki Kerajaan mengamalkan dasar "Socialis Sederhana" dan "Negara Kebajikan", Tunku menjelaskan oleh bahawa

apa yang dikehendaki oleh UMNO ia-lah sabuah "Negara Kebajikan". Bagaimana pun Tengku berkata Malaysia buat masa ini maseh belum sanggup menjadi Negara kebajikan kerana sabagai sabuah Negara kebajikan, Kerajaan terpaksa memberi segala perkhidmatan kapada saorang anak mulai ia lahir kadunia. Ini tidak disanggupi oleh Negara pada saat ini kerana pada masa ini ia-hanya satu peratus sahaja rakyat membayar chukai pendapatan. Kata-nya: "di-Negara2 Kebajikan sembilan puluh peratus rakyat membayar chukai pendapatan". Bagaimana pun Tengku menegaskan Malaysia boleh bergerak menuju arah sabuah Negara Kebajikan kalau dua puluh peratus dari rakyat-nya sudah membayar chukai. "Ini mungkin dapat kita capai satu hari kelak", kata Tengku.


Inche Abu Bakar Hamzah kemudian meminta penjelasan Tengku mengenai rencana sabuah majallah asing yang mensifatkan Malaysia sebagai berchorak "aristocratic". Tengku berkata majallah2 di-luar negeri memang menulis apa yang mereka dengar, dan malang-nya dalam hal ini ada rakyat Malaysia yang pergi keluar negeri membuat kenyataan seperti itu. "Tetapi apa yang hendak kita hiraukan sangat hal ini", kata Tengku: "Kita yang makan, kita sendiri yang rasa sedap-nya".

Tidak-lah saya dapat berkata sama ada "Peristiwa 13 Mei" itu merupakan "buah yang sedap" atau pun ia-hanya merupakan "buah yang amat pahit". Apa yang saya maksudkan di-dalam hal ini ia-lah kita - Malaysia - sebagai sabuah Negara yang merdeka lagi berdaulat sapatut-nya mempunyai satu "Ideologi Negara" yang mestilah di-mengerti oleh setiap rakyat dan mengamalkan-nya. Sikap berpada dengan falsafah "Pragmatism" tidak-lah menguntungkan kita .

Apabila saya menyebut "Indeologi Negara" saya bermaksud suatu ideologi yang meliputi faham siasah, asas dasar luar negeri, dasar Pelajaran, dasar kebajikan

buroh. Daripada "Ideoloji" ini-lah akan kita gariskan segala polisi kita baik dalam hal2 yang mengenai moral dan ahhlak mau pun hal2 yang mengenai pemerintahan dan ekonomi.

Memang-lah sukar bagi kita hendak menetapkan satu2 ideoloji yang tertentu di-negri ini kerana kita mempunyai penduduk yang terdiri dari berbagai kaum yang pula menganut berbagai ugama dan bermacam2 faham siasah; akan tetapi sampai bila-kah kita rela menghanyutkan diri bersama2 dengan "Perahu pragmatism?" Tidak-kah kita mendapat pengajaran dari Peristiwa 13 Mei itu, dan tidaak-kah kita mulai sedar bahawa perjuangan kita sudah pun menghendaki kita beriman dengan satu2 Falsafah atau Ideoloji yang tegas?



*Tidak hidup umat jika tanpa akidah;
Dan tidak ada akidah yang lebih sem-purna dari Islam, dan tidak hidup Islam jika tidak di-laksanakan.*

Sebagai sa-orang Muslim, saya menchadang supaya negara kita mengamalkan "Ideoloji Islam" kerana ia-nya sesuai bagi semua manusia sama ada mereka yang menganut Islam mau pun yang menganut sa-lain daripada Islam sesuai pula dengan kehendak Perlembagaan Negara yang merakamkan bahawa Ugama Islam

itu ia-lah Ugama Negata. Perlu di-nyatakan bahawa Ideologi Islam bukan terhenti kapada uausrn ibadat semata2 tetapi ia-nya juga meliputi semua bidang kehidupan masharikat termasuk-lah bidang2 pemerentahan, ketenteraan, perekonomian dan pembangunan negara seluruh-nya. Hakikat memang di-ketahui oleh semua orang-kawan dan lawan, oleh itu terpulang-lah kepada para pemimpin kita memilih suatu Ideologi yang tegas dan berguna hingga ka-anak chuchu yang akan datang.

Sudah pun banyak di-perkatakan dari hal Ideologi Islam sejak dahulu hingga sekarnng-di-perkatakan oleh segenap golongan masharikat. Pada hari ini - Khamsis 13hb. November, 1969, sebagai mengenangkan "13 Mei," saya perturunkan suatu berita yang tersiar di-dalam akhbar Utusan Melayu keluaran hari ini yang melaporkan seruan dari D·Y·M·M Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan mengenai "Pengajaran Ugama Islam dalam bidang kemajuan ekonomi."

'Seremban - 12 November:

Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah menveru umat Islam di-negeri ini supaya menjadikan Kitab Suchi Al-Qura'an itu sebagai panduan hidup untuk menchapai kemajuan di-segenap bidang. Kata Baginda, kandongan Al-Qura'an sesuai pada bila2 masa terutama dalam zaman kemajuan pengetahuan dan zaman kemajuan di-lapangan ekonomi saperti sekarang Baginda membuat seruan demikian ketika meresmikan pertandingan membacanya Qura'an Peringkat Negeri di-Padang Setadium di-sini baru2 ini. Baginda menyatakan keyakinan-nya bahawa orang2 Islam akan mengechap ni'mat kemajuan yang sepenoh2-nya jika betul2 berpandu kepada ajaran2 Islam.

"Di-dalam Islam lengkap dengan ajaran2 mengenai asas kemajuan ekonomi dan berbagai2 ilmu bagi

menchapsai kejayaan di-dunia dan akhirat tegas Baginda".

Seruan yang saperti itu bukan-lah seruan baru malah sudah di-suarkan oleh seluroh para pemimpin dan pembesar kita termasok-lah semua Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja kita setiap masa. Apa yang kita perlukan sekarang ia-lah menyediakan rancangan2 kerja menurut Falsafah Ideoloji Ugama Islam agar masharakat berpeluang mengerti serta memahami-nya sabelum kita mengajak mereka bekerja dan beramal.

Sejarah mencheritakan bahawa tidak pernah ada satu umat di-dunia ini yang di-bena di atas asas "Pragmatism" atau "Sikap berhanyut" bersama tiupan angin dan arus di-laut; tetapi ada-lah di-bena di atas Falsafah atau isam Islam sebagai satu Ideoloji ciptaan Tuhan tentu-lah lebeh sesuai dengan umat manusia daripada sabarang Falsafah yang di-reka oleh manusia sendiri ia-itu Falsafah atau Ideoloji yang di-bentuk berdasarkan keikliman yang sempit.

Nationalism atau Kebangsaan, Capitalism atau Faham Modal, Socialism, Communism dan sebagai-nya ada-lah Falsafah2 yang di-reka oleh akal manusia biasa. Jika kita sendiri sudah sadar bahawa ism2 atau Falsafah2 tersebut tidak berjaya menjaminkan ketenteraman masharakat maka mengapa-kah salepas "Peristiwa 13 Mei" itu kita maseh juga meraba2 menchari Socialism Ekonomi Bharu, Dasar Mihibbah Baru dan sebagai-nya sedang di-hadapan kita terbentang Kitab Allah - Kitab yang merupakan Shari'at kepada semua manusia ?

Saya mempunyai keperchayaan dan keyakinan bahawa Ideoloji Negara amat-lah mustahak bagi Negara kita sekarang; kerana ketenteraman masharakat tidak akan wujud salagi anggota2-nya maseh terpisah jauh dari suatu titik persahabaman yang bersama; samakin jauh kita berenggang samakin jauh-lah kita bercherai di-dalam batin; dan samakin hampir kita kepada titik

13

tersebut samakin rapat-lah kita dalam batin; dan rapatnya kita di-dalam pengertian batin sahaja-jah yang boleh merapatkan kita sesama kita kepada asas perdamaian yang tulin lagi sajati. Rapat di-lahir tetapi renggang di-batin ada-lah suatu pertanda yang boleh membawa kita kepada jurang persengkitaan sakira2 tidak kurang burok-nya daripada apa yang telah kita rasai dari Peristiwa 13 Mei, 1969 itu.

Chadangan saya hendak menchari Ideoloji Negara bukan-lah suatu chadangan yang baharu bahkan tidak juga suatu seruan yang sudah basi. Tan Sri Ghazali bin Shafie, salah saorang anggota asas dalam "Majlis Gerakan Negara" - ia-itu Badan Berkuasa selepas Peristiwa 13 Mei, dalam satu uchapan radio-nya kepada seluroh mesharakat Negara pada jam 5.20 petang hari Khamis, 17hb. Julai, 1969 menyarankan seruan nya yang amat berharga. Uchapan-nya itu patut-lah di-tatapi serta di-kaji oleh mesharakat dengan chara yang mendalam. Bagi faedah mesharakat kita yang sedang teraba2 menchari "Ideoloji Negara", peturunkan uchapan Tan Sri Ghazali yang amat berharga saperti yang di-peturunkan baru2 ini amat-lah berguna untuk di-tatapi dengan chara mendalam.

Satelah kita membacanya, mengkaji dan membuat kesimpulan berpandukan uchapan Tan Sri Ghazali ini atau pun berpandukan apa jua pendapat yang lain, masyarakat kita membuat kesimpulan bahawa rakyat Malaysia sekarang memerlukan satu "Rupa-Bangsa" yang tegas untuk mewujudkan satu "Bangsa" yang mempunyai "Ideoloji" yang tegas dan kongkrit.

Jika saya di-tanya maka saya menjawab bahawa rukun2 asasi bagi "Ideoloji Negara" kita ia-lah:-

- a) Ketuhanan Maha Esa ;
- b) Persaudaraan Mutlak ;
- c) Kemulian Budi ;

- ques hab. mencuri dulu tina
d) Keadilan Social; dan
e) Hidup berdampingan.

MINGGUAN MALAYSIA

RINCHANA PENGARANG

PERIODE KERANGKASAN TAHU

Thed 2 November 1969 — 22 Syaaban 1389

Rukun dan Falsafah baru

PENGARAH Gerakan Negara, Tun Abdul Razak, telah mengingatkan rakyat sekali lagi bahawa demokrasi yang kita amalkan selama ini terbukti tidak sesuai dengan iklim dan keadaan yang ujung dinegeri ini.

Ketika berucap dalam pertemuan masyarakat di Sungai Pinang Bandar, Kelang, malam kemarin beliau juga mengingatkan rakyat bahawa peristiwa 13 Mei telah memaksa rakyat dan kerajaan memikirkan rumusan baru dalam bentuk rukun dan falsafah hidup yang baru untuk dapat memelihara serta menjamin keselamatan dimasa depan.

Beliau juga memberitahu rakyat bahawa kerajaan akan mengadakan undang-undang mengarung rakyat menyentuh soal-soal perkauman, karena dari perkara perkaumanlah timbulnya berbagai rupa sengketa dan perselitian yang akhirnya mencetuskan peristiwa 13 Mei itu.

Rukun2 ini, sachara lengkap, boleh di-dapati dalam keseluruhan isi kandungan risalah ini terutama dari sudut2 ajaran Islam yang tersurat di-bahagian penghujong.

KETUHANAN MAHA ESA

Ketuhanan ia-lah dasar bagi segala konsep yang pernah di-anuti oleh manusia, dan tanpa "ketuhanan" segala usaha dan tindak tanduk manusia akan ha-nya merupakan usaha2 liar yang mendatangkan keburukan lebih banyak dari kebaikan. Apabila memperkatakan dari hal "ketuhanan" terkenang-lah saya kapada Tun V. T. Sambathan, Menteri Kerja-Raya, Pos dan Telekom. Meskipun beliau itu berlainan ugama dari saya dan beliau-nya sa-orang Menteri tetapi saya ha-nya sa-orang Ahli biasa di-Dewan Ra'ayat (1964 - 1969) namun jika terdapat peluang maka kami sentiasa berchakap2 dari hal "ketuhanan", "ugama" dan juga "akhlik". Hal saperti ini jarang berlaku dengan para Menteri yang lain. Tun Sambathan ada-lah sa-orang yang kuat bergmana kapada ugama yang di-anuti-nya. Ketika beruchap dalam perbahasan mengenai Rang Undang2 Bahasa Kebangsaan pada 2hb March, 1967, Tun Sambathan mengakhiri uchapan-nya dengan menyerah diri kepada Tuhan. Beliau berkata: "*This Dewan Ro'opat can generate for the people goodwill and brotherhood. It can also rouse suspicion and distrust. Let us make this Dewan yang Berbahagia generate what God would have liked us to - and we shall be strengthened to march forward to greater success - and our Nation shall evermore be the shining example of happiness and brotherhood. With god's will we can do so.*" Dalam Bahasa kebangsaan-nya: "Dewan ini boleh menanamkan atau memberi perasaan muhibbah dan persaudaraan di-kalangan pendudok2 Negara kita. Kita juga boleh meningkatkan perasaan churiga dan shak wa-sangka. Oleh itu mari-lah kita bersama menggunakan Dewan mulia ini, saperti yang di-redzai Tuhan, supaya dapat kita bersama2 berganding bahu menuju ka-hadapan bagi kemajuan dan kejayaan Negara. Moga2 Negara ini akan bertambah menjadi chontoh di-mana pendudok2-nya tinggal dalam aman, sentosa dan persaudaraan - In-Sha-Allah."

Konsep ketuhanan amat-lah mustahak bagi umat manusia, ia-nya merupakan sa-baik2 senjata bagi menahan kemaraan faham tak bertuhan.

Sa-lepas peristiwa 13hb. Mei, 1969 saya dapati semakin ramai otang2 kita berulang alek ka-masjid2 dan surau2 dan mereka juga mulai bertambah ingin untuk mempelajari sjaran2 Ugama Tuhan. Di-samping itu banyak pula pendapat2 yang menyertu Kerajaan supaya lebih banyak memasukkan unsur keugamaan ka-dalam konsep pemerentahan negeri.

Di-dalam risalah yang kecil ini tentu-lah tidak dapat di-muatkan satu Falsafah yang lengkap mengenai "Ketuhanan" yang di-ajar oleh Ugama Islam, tetapi saya ha-nya dapat memberi gambaran umum bahawa maksud "Ketuhanan Maha Esa" itu bukan-lah beredar di-sekitar apa yang di-sebut "haram atau halal," "iman atau kufur," akan tetapi konsep tersebut merupakan aqidah yang di-anuti oleh manusia di-dalam sanubari-nya dan yang sanggop menyinari kalbu dan perasaan dan membimbang umat manusia ka-arah persaudaraan muhibbah, bekerjasama, saling hormat menghormati dan tolak ansur dalam semua usaha kemasyarakatan.

Saya menchadangkan supaya Negara kita dapat menganjur "Persidangan khas di-antara ketua2 ugama di-tanah ayer" dengan tujuan supaya mereka dapat menchari tektik2 persamaan dan bersama2 memahami tektik2 perbezaan yang asasi. Dengan demikian dapat-lah kita mengelakkan diri dari sa-barang perbuatan, pertutoran dan tindak tandok yang di-fikir boleh dengan mudah-nya menyenggong perasaan .

Jika kita sudah sedar bahawa amat-lah mustahak ra'ayat2 Negara ini memahami isi kandongan Perlembagaan Negara mereka sendiri maka tidak-lah kurang mustahak-nya bagi mereka-itu chuba seberapa daya mengerti apa-kah dia Ugama Rasmi Negara ini. Peri Bahasa berkata: "Tak kenal maka tak chinta," dan saya berkata: "Kerana tidak tahu maka timbul-nya shak wa-sangka."

UGAMA ISLAM SABAGAI AKIDAH DAN PERATORAN HIDUP

Memang benar jika di-katakan kelahiran Ugama Islam itu merupakan suatu pernyataan yang lantang mengisitiarkan berita lahir-nya "Dasar Peri Kemanusiaan Tertinggi". Ini ia-lah kerana, pada hakikat-nya, Ugama Islam itu merupakan suatu "Pemberontakan pembebas" raksasa meliputi semua sudut kehidupan umat manusia; suatu pemberontakan raksasa yang tumbuh dari dalam hati sanubari manusia persaorangan lalu menghala pula ka-arah kehidupan masharifik; suatu pemberontakan raksasa yang telah berjaya menghancurkan, di-tengah2 jalan-nya, segala belanggu yang sekian lama telah membantut serta mengongkongi jiwa dan kehidupan manusia, tidak kira sama ada belanggu itu berbentuk kongkangan rohani, atau kekolotan berfirir mau pun kekejaman masharifik. Pemberontakan Raksasa tersebut lantas mengisitiarkan kapada dunia hak2 asasi manusia dengan sepenoh-nya; dan dengan demikian, ia dapat memimpin umat manusia ka-arah jalan yang layak dengan masharifik kemanusiaan mereka sejak kira2 13 abab setengah yang lalu .

Kelahiran Ugama Islam merupakan suatu "Pemberontakan pembebasan" di-dalam alam keperchayaan "Akidah; ia-lah menyelamatkan sanubari manusia dari segala perasangka dan kedongengan; ia membersehkan Zat Tuhan dari segala macham shirik dan kediwaan; dan saterus-nya ia memeterikan hubungan sachara langsung di-antara hamba dengan Tuhan tanpa sabarang "orang tengah" yang menyokong hubungan Allah dengan hamba2-nya .

Bagi Islam, ketuhanan yang mutlak itu hanya-lah tertentu bagi Allah semata2; dan hubungan sachara langsung di-antara Tuhan dengan hamba-nya itu menandakan titik persimpangan jalan yang memisahkan di-antara "Peratoran" dengan "Kekachauan" yang sentiasa

menimbulkan kegelisahan di-dalam akidah batin manusia; dan ia-nya juga merupakan tanda yang membezakan di-antara kemerdekaan sajati dengan perhambaan. Penyataan dan pengishtiharan yang lantang seperti ini bukan-lah suatu perkara yang boleh di-pandang sepi dan di-anggap achuh tak achuh begitu sahaja jika kita mengenangkan segala pendirian yang pernah di-alami oleh umat manusia akibat dari peranan kekuasaan yang di-mainkan oleh gulongan² "orang tengah" di-antara Allah dengan manusia, oleh penunggu² berhala, dan juga oleh "tokoh² ugama". Akan bertambah berat-lah pandangan kita terhadap pernyataan Ugama Islam itu jika kita sekali lagi mengenangkan segala tekanan dan tindasan yang pernah di-alami oleh kaum intelek dan gulongan progerisip dalam abad² pertengahan dahulu. Dan akan ngeri-lah perasaan kita mendengar pernyataan Islam itu apabila kita mengikuti kesah bagaimana hebat-nya pemberontakan² yang pernah berlaku sapanjang masa di-benua Eropah untuk menentang serta menghanchorkan kuasa gulongan² yang menda'awa diri mereka sa-bagai "wakil² tuhan" di-muka bumi ini.

Dari kandongan pernyataan yang di-ishtiharkan oleh Ugama Islam sejak hari lahir-nya itu, nyata-lah kapada orang² yang mahu berfikir bahawa salah satu dari asas² Aqidah Islam ia-lah kebebasan berfikir untuk menghubongkan diri manusia dengan Qudrat Tuhan-nya, dan dengan hak kebebasan berfikir ini tertolak-lah segala da'aawan oleh sa-siapa jua maausia konon-nya mereka berhak menchampur tangan ka-dalam hubungan Allah dengan hamba²-nya, dan terlaksana-lah pula semua da'aawan yang pernah di-buat oleh manusia² yang mengaku diri mereka sa-bagai "wakil tuhan" di-alam bumi. Ini dengan jelas-nya bererti bahawa Uagma Islam, dari keperchanaan aqidah-nya, tidak mengakui wujud-nya sa-barang "badan" atau "gulongan" yang tertentu yang berchorak ugama seperti pengertian yang berlaku di-benua Eropah atau yang memang terkenal di-negeri India serta lain² negeri yang mengakut "Ugama berhala".

Pemberontakan Islam terhadap belanggu ‘alam akidah itu berlainan dari yang lain; ia-nya merupakan suatu pemberontakan membantah apa jua perasaan ta’-assub ugama; dan ini nyata terkandong di-dalam Kitab Penyataan-nya (Kitab Quraan) sejak hari ia-nya mengishtiharkan “Kebebasan” ber’itikad dalam bentuk-nya itu ia-lah firman Tuhan .

(لا اكرام في الدين قد تبين الرشد من الفي)
(- البقرة : 256)

Erti-nya:

(Tidak ada sabarang paksaan di-dalam Ugama; kerana sudah ternyata kewarasan dari kesesatan) .

Firman-nya lagi:

(ولو شاء ربك لا من من في الأرض جمِيعاً أُنفَاتٍ)
(ذكره الناس حتى يكونوا مؤمنين . - يونس: 99)

Erti-nya:

(....dan kalau-lah Tuhan-mu menghendaki nescaya di-imankan-nya semua orang di-bumi; maka apakah engkau – Muhamad – pula mahu memaksa orang ramai sahingga mereka-itu menjadi orang2 yang beriman belaka?) .

Dengan pernyataan yang di-ishtiharkan oleh Uga ma Islam saperti itu maka dengan sendiri-nya hanchor lebor-lah segala perasaan “ta’assub ugama” lalu berganti dengan suatu perasaan “tolak angor yang mutlak” Berdasarkan ajaran ini orang Islam dengan sendiri di-perentah supaya menghormati kebebasan ‘akidah dan kebebasan ber-i’badat di-kalangan pemelok2 ugama lain ia-itu ugama2 yang datang dari langit jika mereka-itu

berada di-negeri Islam. Perentah ini ia-lah kerana setiap orang Islam itu dengan sendiri-nya beriman kapada setiap Nabi yang terdahulu dan perchaya kapada setiap Kitab Suchi yang di-turunkan oleh Tuhan. Kitab Qu'aan sendiri menegaskan :

(قُولُوا إِنَّا بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْنَا وَمَا أَنْزَلَ إِلَى إِبْرَاهِيمَ)
(وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ وَمَا أُتِيَ)
(مُوسَى وَعِيسَى وَمَا أُتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا فَرْقَ)
(بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ إِنَّا مُسْلِمُونَ .)
— البقرة: 136

erti-nya:

(Kata-lah: Kami beriman kapada Allah dan kepada2 yang di-turunkan-nya kapada kami, dan kepada2 yang di-turunkan-nya kapada Ibrahim Isma'il dan Ishak dan Ya'akub dan anak-chuchu-nya; dan kepada apa yang telah di-berikan kapada Musa dan Isa; dan kepada apa yang di-berikan kapada Nabi2 dari Tuhan mereka. Kami tidak membezakan di-antara sa-saorang dari mereka-itu; dan kepada-nya-lah kami berserah diri).

Mula2 sakali Ugama Islam mengizinkan pengikut2-nya berperang, Islam awal2 lagi menerangkan hikmat mengapa keizinan saperti itu di-beri, dan di-tetralangkan juga tujuan2 mengapa orang2 Islam terpaksa berperang. Tuhan berfirman:

(أَذْنَ لِلَّذِينَ يَقْاتِلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ)
(الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَا)
(دُفَنَ اللَّهُ النَّاسُ بَعْضُهُمْ بِعِصْمَهُ لَهُدْمَتْ صَوَامِعَ وَبَيْعَ وَصَلَوَاتٍ)

(وَمَسَاجِدٍ بَذَكْرٍ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا :
الْجَنْ : 39)

erti-nya:

(Di-izinkan bagi mereka yang di-perangi itu kerana sa-sunggoh-nya mereka itu di-anyayai, dan sa-sunggoh-nya Allah amat berkuasa menolong mereka. Ia-itulah mereka yang di-usir keluar dari kampong halaman mereka dengan tidak ada alasan yang patut kechuali sebab mereka berkata: "Tuhan kami ia-lah Allah". Dan sakira-nya tidak Allah melindungi manusia sa-bahagian dari mereka dengan sa-bahagian-nya neschaya di-rubohkan tempat2 pertampaan gereja2 Keristian dan tempat2 sembahyang Yahudi dan masjid2 yang banyak di-sebut nama Allah di-dalamnya, dan sa-sunggoh-nya Allah pasti menolong sa-siapa yang menolong Ugama-nya, kerana sa-sunggoh-nya Allah itu Maha Kuat lagi Gagah.)

Perkataan (صوامِع) atau "tempat pertampaan" ia-lah tempat tibadat pendita ugama; perkataan (رُبُع) atau "gereja" ia-lah tempat ibadat orang2 Keristian; perkataan (صلوات) atau "tempat peribadatan" ia-lah tempat ibadat orang2 yang berugama Yahudi; manakala perkataan (مساجِد) pula ia-lah tempat orang2 Islam beribadat kapada Allah yang Maha Esa. Jika orang mahu menggunakan akal dengan waras dan adil, mereka akan mudah terfikir mengapakah tempat2 ibadat ugama2 lain di-dahulukan dan "masjid Islam" itu di-ke-mudiankan dalam firman Qura'an ? Itu-lah dia kesaksian yang nyata yang dapat di-fahami menerusi akal biasa bahawa Ugama Islam amat menghormati keper-chayaan ugama2 yang lain di-samping mempertahankan aqidah-nya sendiri, dan Aqidah Islam sendiri-lah yang

menyuroh umat-nya menghormati aqidah2 ugama yang lain.

Bukan sahaja Islam menghormati ugama2 yang turun dari langit seperti ugama2 yang di-bawa oleh Nabi2 Tuhan dan Rasul2-nya, tetapi Ugama Islam juga membela hak asasi semua manusia walau pun mereka-itu tidak menganut sa-barang ugama yang turun dari langit, Ugama Islam tetap menjaga keselamatan hak asasi mereka selagi mereka tidak mengachau orang2 Islam tentang aqidah dan hak2 asasi mereka sendiri. Qura'an menegaskan:

(وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ إِسْتَجَاْرَكَ فَأَجِرْهُ)

(حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَامَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلَغَهُ مَآمِنَهُ ذَلِكَ)

(بَأْنَهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ - التوبية : 6)

arti-nya :

(Dan jika sa-saorang yang mushrik sa-kali pun meminta' perlindongan dari engkau maka hendak-lah engkau berikan perlindongan kepada-nya sa-hingga-lah mendengar hukum Allah, kemudian sampaikan-lah ia ka-tempat ketenangan-nya, yang demikian itu ia-h kerana mereka-itu suatu kaum yang tidak engetahui')

Dasar Kebebasan berugama dan peri kemanusian di-ishtiharkan oleh Ugama Islam seperti mana yang di-gambarkan tadi merupakan kemunchak dari segi sar "tolak ansor" yang hingga hari ini pun masih di-ari2 orang di-kebanyakkan negara zaman sekarang. emadai-lah untok kita mengetahui bahawa tidak ada arang apa pun tempat bagi sasiapa jua orang di-bu- yang di-kuasai oleh Faham Kominis sakira-nya ora- itu tidak menganut faham galsafah kebendaan yang sebut "Falsafah Kebendaan Sejarah" (*Historical materialism*) atau pun jika orang itu tidak beriman,

dengan ajaran Karl Marx dan Lenin .

Ugama Islam bukan sahaja menghanchorkan perasaan ta'assub ugama, tetapi ia-nya juga merupakan suatu pemberontakan raksasa terhadap perasaan ta'assub "keturunan". Dalam hal ini Ugama Islam dengan lantang-nya mengishtiharkan kepada dunia seluruh-nya "Dasar Persamaan Keturunan"; dan dengan dasar ini bererti-lah semua umat manusia di-muka bumi adalah sama sataraf belaka; dengan demikian hanchor-lah apa yang di-sebut "Faham Perkauman" yang terkutok itu. Di-sampai itu Ugama Islam menegaskan pula bahawa hanya ada satu sahaja "neracha" kelebihan martabat di-kalangan umat manusia, ia-itu suatu "kelebihan" yang bukan kerana warna kulit; tidak juga kerana tempat beranak; malah bukan juga kerana keturunan; "neracha" kelebihan dan kemuliaan di-kalangan umat manusia itu ia-lah "Takwa" (نحوی) dan amalan yang baik samasa hidup di-dunia ini. Takwa atau berbakti kapada Allah dan membuat amal yang berfaedah kepada manusia dalam kehidupan di-dunia merupakan hasil budi pekerti sa-saorang manusia dan bukan-lah ada kena mengena dengan keturunan bangsa atau warna kulit. Berapa ramai orang2 yang berkulit puteh tetapi hati mereka lebeh hitam dari arang batu; dan tidak sadikit pula orang yang berkulit hitam tetapi hati mereka melebhi kapas di-besar. Sejarah mencheritakan bahawa berapa ramai anak orang2 jahil menjadi alim dan wara' tetapi tidak sadikit pula anak orang alim menjadi shaitan dan jemuuan; berapa ramai keturunan raayat purba menjadi pemimpin membela ugama, tanah ayer dan bangsa tetapi tidak kurang pula manusia2 yang lahir di-istana2 bersudu perak menjadi jelatang masyarakat penggadai tanah ayer, pengkhianat bangsa dan penchabol ugama .

Tuhan berfirman :

(بِأَنَّهَا النَّاسُ اتَّخَذْتُمَا كُمْ مِنْ ذَكْرٍ وَأَنْتُمْ وَجْهَنَّمَ كُمْ شَعُوبًا)

(وقبائل اتعارفوا ان أكر مكم عند الله أتقاكم .
الحجرات: 13)

Erti-nya:

(Hai manusia: Sesunggoh-nya Kami telah jadi-kan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami jadi-kan kamu itu berbangsa2 dan berpuak2 supaya kamu berbaik2; sesunggoh-nya orang yang paling mulia dari antara kamu di-sisi Allah ia-lah orang yang paling tak-wa dari antara kamu) .

Rasulullah bersabda:

(ليس من دعا الى عصبية وليس من قاتل على عصبية
(وليس من مات على عصبية .

Erti-nya:

(Bukanlah dari kami orang yang menyeru kapa-da faham ta'assub perkauman; dan bukanlah dari ka-mi orang yang berjuang di atas dasar dasar faham ta'-assub perkauman; dan juga bukanlah dari kami orang mati di atas dasar faham ta'assub perkauman) .

Sejarah tidak membohongi kita; perhatian sejarah umat manusia di-muka bumi neschaya tersua-lah kita dengan kenyataan bahawa berbagai keturunan, berbagai warna kulit, malah berbagai bahasa dan maseh hidup segar dan mekar di-dalam negeri2 yang di-kuasai oleh orang2 Islam; dan hal ini bukan sahaja berlaku zaman sekarang tetapi sejak tidak kurang dari 13 abad saten-gah yang lampau.* Apa-kah nasib manusia di-negeri2 la-in?. Mereka terus menerus hingga sekarang menderita oleh akibat perasaan ta'assub perkauman. Perhatikanlah bagi mana hebat-nya masaalah warna kulit di-ne-geri Amerika Sharikat; begitu juga di-negeri Persekutu-

tuan Afrika Selatan; ta'assub perkauman terus menerus menyigung jiwa dan menyayat hati di-negeri2 itu .

Tidak berapa lama dahulu, di-negeri Jerman ter-dapat suatu falsafah kebangsaan yang di-sebut "Falsafah Nazi" (*Nazism*) yang di-bentok di atas kelebihan unsur keturunan kaum Ari; dan pada zaman sekarang bangsa Israil telah di-tegak oleh penjajah2 Barat di atas dasar cherita dongeng konon-nya keturunan Yahudi itu merupakan "bangsa yang di-pileh oleh Allah".

* * *

PERATORAN YANG SEMPURNA

Ugama Islam telah menggubah suatu Peratoran Hidup yang lebih lengkap lagi sempurna untuk faedah seluruh umat manusia; ia-itu suatu Peratoran Hidup yang tidak ada tolok banding-nya sama ada sa-belum atau sa-sudah-nya. Dalam hal ini, di-samping Islam itu mengangkat tinggi rohani manusia dan memuliakan-nya serta memimpin-nya di atas dasar2 moral yang tinggi, Islam juga tidak melupakan kesan2 tabiat yang timbul dari persoalan2 kebendaan sa-panjang hidup-nya, itu-lah sebab-nya maka Hukum hakam Islam itu menchantumkan kedua2 sudut rohani dan jasmani ka-dalam suatu "Peratoran" yang merangkap' dan ia-nya juga mengandungi arahan2 rohani dan jaminan2 yang berchorak undang2.

Memandangkan hakikat ini ternyata-lah bahawa Islam itu bukan-lah hanya suatu "Ugama Ibadat" semata2 seperti pengertian yang lazim di-pakai di-kalangan orang2 Barat dan juga orang2 yang berguru kepada orang2 Barat itu. Ugama di-dalam bahasa Barat, ia-lah "*Religion*" dan "*Ugama*" menurut erti "*Religion*" ini ia-lah ugama khas bagi peribadatan semata2, ia-itu suatu pengertian yang amat berlainan dari pengertian "*Ugama Islam*". Ugama Islam pada hakikat-nya merupakan suatu Peratoran Hidup yang sempurna bagi semua umat manusia, dan sa-bagai Peratoran Hidup, Ugama Islam mempunyai segala dasar dan asas, sama-ada dari segi alam rohani mau pun alam kebendaan, dari segi hati sanubari orang persaorangan mau pun di-dalam lengkongan masharakat, sama-ada dari segi perasaan orang2 persaorangan mau pun dari segi asas2 Hukum dan Negara, dan apa-tah lagi dari segi peribadatan oleh manusia kepada Tuhan mereka. Peratoran Islam itu juga meliputi segala urusan mu'amalah jual-beli di-dalam kehidupan sa-hari2. Pendek-kata, Ugama Islam itu merupakan suatu Peratoran yang sempurna meliputi segala sudut kehidupan manusia sama-ada

sudut kemasyarakatan atau sudut ekonomi, mau pun sudut politik negara.

Jangan-jah terkeliru dengan istilah2 yang di-pakai di-negeri2 Barat; istilah2 "Ugama", "Negara", "Akidah" dan "Politik" dan lain2 lagi yang di-pakai oleh orang2 Barat itu tidak-lah boleh di-guna kada dalam Uagma Islam tetus menerus dengan tidak menghiraukan perbezaan2 yang mustahak. Istilah "Ugama Islam" itu sendiri mengandungi erti yang luas yang meliputi semua pengertian dari istilah2 tersebut dan Ugama Islam tidak pernah terpisah atau di-pisah dari-nya .

Sa-saorang Islam menunaikan ibadat-nya di-masjid, menjual barang perniagaan-nya di-pasar, menjatohkan hukuman atas pertikaian2 di-mahkamah, menguruskan persoalan2 Negara di-Pejabat, berperang atas kebenaran dan keadilan di-medan perang - semua-nya manusia2 Islam itu bertindak menunaikan tugas masing2 dengan semangat yang sama, sesuai dengan shari'at yang sama, dengan ilham yang timbul dari akidah yang sama, dan di-bawah lindongan peratoran yang sama; ia-itu-lah "Peratoran Islam" yang maha meliputi lagi sempurna.

Dari semua pengertian tadi ternyata-lah bahawa Ugama Islam membina "Peratoran-nya" yang gagah itu di-atas asas keperchayaan akidah kapada Allah Maha Esa; Ugama Islam meletakkan amanah kapada hati sanubari yang penoh bertakwa kapada Allah sebagai pegawai yang memerhati punggubahan undang2 dan pelaksanaan-nya; dan Ugama Islam menjadikan hubungan hati sanubari insan dengan Tuhan sebagai jaminan utama bagi perjalanan "Peratoran" tersebut. Bukan-lah si pegawai atas yang mengawasi perjalanan udang2 tetapi hati sanubari-nya yang bertakwa kapada Allah itu lah yang menjadi sabenar2 pegawai; pengawasan yang mustahil datang dari saorang pengawai yang hati sanubari-nya kurang patut kapada Allah-nya sendiri. "Itulah dia falsafah: Sokong membawa rebah; Pagar makan padi" yang tidak pernah di-akui oleh Ugama Islam.

Semua undang2 boleh di-permainkan atau di-salah-gunakan oleh manusia yang kurang beriman, tetapi hati sanubari yang bertakwa kapada Allah tidak sanggup mengkhianati Ilmu Illahi yang sentiasa mengetahui gerak geri manusia ketika terang dan juga gelap dan walau di-mana pun manusia itu berada.

Ugama Islam meletakkan "Peratoran-nya" sebagai suatu amanah di-tangan manusia yang hati sanubari-nya sentiasa berhubung-rapat dengan Ilmu Tuhan-nya sama-ada persoalan yang bersifat rahsia mau pun urusan yang terang dan terbuka. Semua-nya itu dilaksanakan-nya menerusi penyusunan2 yang kemas, sama ada dari segi kemesharakan, atau ekonomi atau pun politik negara.

DUA KETEGASAN

Dari persoalan2 di-sekitar "Peratoran Islam" tadi ada dua perkara pokok yang mustahak di-tegaskan; ia-itu:

PERTAMA:

Da'awah Islamiah atau seruan Islam itu suatu tugas semua orang yang menganut-nya, ia-nya bukanlah tertentu kapada mana2 orang atau mana2 golongan, dan orang2 yang bergerak cergas menyebarkan seruan tersebut tidak-lah mendawa berkuasa kaatas orang lain, dan mereka tidak menganggap diri mereka sa-bagai suatu "kuasa istimewa" yang memberi pangkat yang lebeh tinggi kapada mereka sa-hingga mereka menyangka diri mereka-lah yang lebeh berhak di-dalam Islam. Semua-nya itu tidak ada di-dalam pengajaran Ugama Islam, kerana "kuasa yang sah" pada pandangan Islam hanya-lah kitab Allah dan Sunah Rasul-nya mana-kala orang2 Islam semua-nya sama sa-kata sahaja di-hadapan-nya.

KEDUA:

Tempat rujuk dalam semua persoalan yang men-
genai kepentingan orang ramai dalam sa-barang masa,
sama-ada ketika mentafsirkan mana2 kitab dan Sunah
Rasul, atau ketika menghadapi sa-suatu persoalan jenis
baharu di-dalam urusan kehidupan manusia, semua-nya
itu mesti-lah di-rujukkan kapada gulongan "Ahli Fikir"
dari kalangan umat itu sendiri seluroh-nya - dan bukan
lah di-bolot oleh mana2 puak atau gulongan, hal ini
ia-lah kerana pemerentahan sa-chara Islam itu mesti-
lah di-asaskan di atas Kitab Allah Sunah Rasul dan
dengan demikian mesti-lah seluroh umat-nya di-ajak
berunding. Dengan pernghsuaranan terbuka seperti
itu dapat-lah di-kawal perkara2 yang khilafiah atau
yang umat Islam tidak sama sa-pendapat terhadap-nya
itu dari merebak menjadi puncha perpechahan yang
besar.

Bagi Islam apa juu masa'alah yang tidak tegas
hukum-nya di-dalam Kitab Allah dan Rasul, maka ka-
'edah-nya hendak-lah perkara seperti itu di-bentangkan
kapada gulongan ahli2 fikir, dan mereka pula men-
chari kesimpulan, dan kesimpulan tersebut hanya-lah
sa-bagai suatu bentuk "chadangan" ka-dalam permash-
uaratan agong dalam mana gulongan lain pula mempu-
nyai "chadangan" masing2. Tegas-nya "chadangan" itu
bukan-lah merupakan "hukum mutlak" yang mesti di-
telan bulat2 oleh pehak yang lain.

Jika dua perkara ini sudah jelas, terang dan nyata
di-dalam akal dan fikiran sa-saorang, maka akan mu-
dah-lah segala persoalan yang timbul itu di-binchang-
kan dengan hati yang lapang dan fikiran yang tenang.
Kelapangan dada dan ketenangan hati sahaja-lah yang
menghasilkan keputusan yang berguna dan adil.

* * * *

BUDI DAN AKHLAK MASHARAKAT NEGARA MALAYSIA.

Miskipun kita tidak pernah mengaku keburokan akhlak masharakat kita sendiri namun itu tidaklah menghalang kita dari berusaha lebih giat untuk mencapai suatu darjat yang tinggi dalam lapangan akhlak sakira2 sesuai dengan Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi Negara ini. Islam ia-lah Ugama yang mengutamakan akhlak dan moral. Tuhan berfirman di-dalam Kitab Quraan:

(وَإِنَّكَ لَمُلِئَ خَلْقَ عَظِيمٍ)

Erti-nya:

(Sesunggoh-nya engkau - Mohamad - mempunyai akhlak yang amat baik) .

Rasulullah pula bersabda:

(إِنَّمَا بَعَثْتُ لَأَنْتَمْ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ)

Erti-nya:

(Ha-nya sa-nya aku di-utus guna menyempurnakan akhlak2 yang mulia). Sa-orang Pujangga dan Penyair Masir yang terkenal, Tuan Shauqi Bik, dalam sa-rangkap sha'er-nya telah berkata:

(إِنَّمَا الْأَمْمَ الْأَخْلَاقِ مَا بَقِيتْ)
(وَانْهُمْ ذَهَبُوا أَخْلَاقَهُمْ تَذَهَّبُوا)

Jika di-terjemahkan dengan chara pindah-bahasa, maka saya memindahkan-nya kepada: "Wujud akhlak hidup-lah umat; Luput akhlak, luput-lah umat".

Akhhlak dan moral ada-lah senjata yang tidak pernah mungkir, keharun yang tidak pernah susut, dan neracha yang maha adil. Tanpa akhlak dan moral, sa-sabuah masharifik manusia akan menjadi liar, kasar budi-bahasa, kurang sopan dan tidak bermaruah. Sakiranya kita ingin hidup aman, ma'amor dan mulia maka persoalan akhlak mesti-lah jangan di-ketepikan malah hendak-lah kita bersunggoh2 memupok-nya dengan chara menerusi pendidekan dan pelajaran dan peraturan2 yang lain. Di-negeri kita pada masa ini mata-pelajaran akhlak belum di-ajar di-sekolah2; apa yang ada ha-nya-lah Pelajaran Ugama sachara umum sahaja.

Sakira-nya pelajaran Akhlak itu tidak di-ajar dengan chara yang berkesan menerusi pendidekan dan pelajaran di-semua peringkat persekolahan maka suatu benchana moral akan menimpa Negara kita dalam mana perbuatan2 ma'asiat dan chemar atau yang kurang sopan sudah tidak lagi menjadi ganjil di-kalangan masharifik malah akan ramai-lah orang mempertahankan perbuatan2 burok itu dengan berbagai2 alasan .

Y. T. M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri, dalam buku-nya "13 Mei", muka 258 memesan, kata-nya: "Kita tidak mempunyai daya upaya untuk mengadakan segala kekuatan yang di-perlukan bagi pertahanan, tetapi kita mempunyai senjata2 yang boleh kita gunakan, ia-itu senjata2 yang telah ada pada kita. Senjata2 ini ia-lah kekuatan moral, perpaduan dan keazaman, ia-itu sifat2 yang kita dapat timbulkan di-antara sasama sendiri kerana kekuatan senjata2 ini tidak-lah ada batasan-nya. Jika kita sanggup menggunakan senjata2 ini, maka dapat-lah kita menentang segala anchaman2 dari dalam atau puo luar".

Memang benar-lah seperti kata Tunku Perdana Menteri itu. Apa yang lebih mustahak di-perhatikan ia-lah bahawa senjata moral, perpaduan dan keazaman itu jarang terdapat di-dalam sa-sabuah masharifik jika akhlak mereka rosak atau kotor. Moral dan azam ha-

nya ujud di-dalam hati sanubari manusia yang budi akhlak-nya berseh, suchi dan tidak rosak .



• احمد ارشد •

ہیلو فکن 1965 لیسین چندو

کوالا لمبور 6 دسمبر -
سنورع فیوکخ کراجان تله
منجاننکن سفای لیسین چندو
دھیوفکن سمولہ ذنکری این۔

Pelanchoran, miauman arak, kelab2 bongil, ke-lab2 tarian yang biadab, perangai berjudi, menghisap chandu, rashuas dan sabagai-nya, semua-nya itu adalah akibat dari kurang pendidekan akhlak. Saya juga sa-dar masaalah ini di-negeri kita; dan setiap kali terdapat sa-suatu peluang yang menasabah maka saya utarakan-nya ka-pada Kerajaan supaya langkah2 yang berkesan segera di-ambil sabelum terlanjor. Saya maseh menuntut supaya di-adakan sabuah "Kementerian Akhlak" di-negeri ki-ta terutama untok membersehkan saki baki kesan bu-rok dari "Peristiwa 13 Mei" baharu2 ini .

• • •

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



"Dan sesunggoh-nya engkau — Muhamad —
mempunyai akhlak yang mulla".

USUL "KEMENTERIAN AKHLAK"
DI-DALAM DEWAN RA'AYAT PADA 11 HB.
JANUARI, 1969 .

Oleh Wakil (Bachok) Kelantan .

....."Saya suka-lah mengeshorkan kapada Kerajaan supaya di-adakan beberapa Kementerian baharu lagi dalam Negara kita ini sesuai dengan ranjangangan2 pembangunan Negara Kita".

مقنا肯 نيسين

كفل فلاچور ۲

منتهي حاصيل نزارا
65

کوالا لمبور 24 نویمبر -
سادو فرمتنان سفای منتری
کاؤنن مقنا肯 نیسین کله
فلاچور ۲ دنکری انن تله
دبواه ددیوان وعیه مالم
این .

1965



Salah satu daripada Kementerian yang saya shor-kan ia-lah "Kementerian Akhlak" ia-itusatu Kementerian yang mengawal perangai warga negara kita; ia-itu tugas-nya menjaga, mengawal dan memberi pengajaran tentang akhlak. Saya kata begitu, di-ketika Negara kita ini maju dengaif pembangunan luar bandar, pembangunan material, perusahaan tetapi sudut2 akhlak telah kita tinggal-kan. Saya tidak fikir kemajuan luar bandar industry dan sabagai-nya itu akan menjadikan negeri ini aman, ma'amor dan sentosa kalau akhlak2 masyarakat kita tidak baik .

**RANG UNDANG2
RANG UNDANG2 TUGAS2 MENTERI
BACHAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA**

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tan Khaw Kai-Boh) (dengan izin): *Mr. Speaker, Sir, I beg to move that the Ministerial Functions Bill be read a second time.*

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong .

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang2 ini saya sadikit sahaja hendak memberi perhatian ia-itu maksud yang utama daripada Rang Undang2 ini ia-lah bagi menggantikan Undang2 yang sudah ada lama ia-itu yang di-buat pada tahun 1951 sabelum kita mencapai kemerdekaan. Pada tiap2 tahun kita tidak sunyi daripada mengemukakan Rang Undang2 baru yang samata2 di-maksudkan hendak repeal atau pun memansohkan Rang2 Undang2 yang lama. Ini, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa masih banyak lagi kerja2 kita yang tidak di-semak, lain-lah kalau kita hendak menyelesarkan Undang2 yang banyak atau pun hendak menyesuaikan saperti akibat perpisahan Singapura atau sabagai .

Tuan Khaw Kai-Boh (dengan izin): *Mr. Speaker, Sir, I would like to thank the Member for Bachok for supporting this Bill.*

As for his very novel proposal to create a new portfolio to look after the morals of the citizens of this country, I personally think that we have not gone to that stage of moral standards to require a Minister to look after our morals; unless the Honorable Member has very good reasons to think that it is necessary to do so for some personal reasons,

I do not know. But at any rate I think there are more pressing affairs of State and of far greater priority in this modern era when we have to strive to improve the standard of living of our country, to increase our G. N. P., to establish a better place in the world and in this society for our people and for our nation. On the question of priority, I do not think that there is a case for a new portfolio of look after the morals of our people. At any rate I think our morals are quite high in every respect. Anyway, I thank him for his support of this Bill.



*
*
*
*



Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan .

Rang Undang2 di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sebagai Jawatan-kuasa .

Dewan bersidang sebagai Jawatan-kuasa .

Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatan-kuasa).

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi saba-hagian daripada Rang Undang2.

Rang Undang2 di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

134 20-3-68

Damak

Sa-tengah2 orang
ribut melihat gadis2
Islam "berchumbu2an
di-khalayak ramai"
dengan askar2 Amer-
rika di-Pulau Pinang.
Apa salah-nya. Ne-
gara 'kan beruntung
mendapat dollar.

Damak

(Saudagar tukar wang)

Terjemahan bagi jawapan pehak Kerajaan, oleh
Y. B. Tuan Khaw Kai-Boh;

"(dengan izin): Tuan Yang di-Pertua".

Sukachita saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli dari Bachok atas sokongan-nya kapada Rang Undang2 ini. Mengenai chadangan-nya yang sangat mulia untuk mengadakan suatu Jabatan baharu guna menjaga akhlak warga-negara2 negeri ini. Saya sendiri berpendapat yang kita belum-lah lagi terlanjor kasuatu peringkat darjat akhlak dalam mana kita mesti menghendaki saorang Menteri untuk menjaga akhlak2 kita; kechualilah Ahli Yang Berhormat itu mempunyai sebab2 yang tersendiri, tidak-lah saya ketahui. Akan tetapi, walau bagai mana sakali pun, saya berpendapat maseh banyak lagi urusan2 yang mendadak bagi Negara dan yang lebuh patut di-utamakan dalam zaman moden ini ia-itu ketika mana kita mesti-lah bergiat untuk memperbaiki taraf hidup negeri kita, meninggikan G. N. P. kita, untuk membina tempat yang lebuh baik di-dunia dan di-dalam masharakat ini bagi orang2 kita dan bagi bangsa kita. Dalam soal pengutamaan, saya tidak fikir ada sabarang alasan bagi mengadakan satu Jabatan untuk menjaga akhlak2 orang2 kita. Atas apa hal sakali pun, saya berpendapat akhlak kita ada-lah tinggi dalam segenap sudut. Walau bagai mana pun, saya menguchapkan terima kaseh kapada-nya atas sokongan nya kapada Rang Undang2 ini .

* * *

BERITA HARIAN, KHAMIS, 22 FEBRUARI

Chadangan

Kesihatan mereka, keselamatan pelanggan2 akan dapat di-kawal



HAJI AHMAD

WAN KADIR

AHMAD

lesenkan

HARIAN, KHAMIS, 23 DZULKAEDAH, 1337.

pelachor2

Satu shor untuk mengawal pelachoran dengan melesen pelachor2 serta menempatkan mereka di-kawasan2 tertentu telah di-chadang di-Dewan Raayat hari ini .

Shor tersebut datang dari saorang wakil Perikatan TUAN HAJI AHMAD SAID (Seberang Utara) ketika mendapat peruntukan Kementerian Kebajikan Masyarakat yang berjumlah \$5.6 juta pagi ini .

Tuah Haji Ahmad berkata. "Menimbangkan ke-

rumitan2 Kerajaan membasmi pelachoran maka elok-lah "perniagaan" itu di-kawal dengan chara melesen pelachor2 itu .

Jika kita berjaya mengawal judi2 ekor dan bola sepak dengan chara melesen judi2 tersebut, mengapa pula tidak kita amalkan jalan yang sama untuk mengawal pelachoran?" tanya beliau .

Tuan Haji Ahmad berkata, dengan chara melesenkan pelachor2 itu dan menempatkan mereka di-ka-wasan2 yang tertentu, sharat2 yang ketat dapat di-kenakan ka-atas mereka mengenai kesehatan dan sabagai-nya .


"Dengan chara ini penyakit2 perempuan dapat di-kawal untuk menjamin keselamatan pelanggan2 yang pergi ka-situ", tambah beliau .

Banyak Negara2 yang mengamalkan dasar itu telah berjaya mengawal pelachoran di-samping mengurangkan bahaya penyakit perempuan, kata Tuan Haji Ahmad .

* * * *

MENUJU EKONOMI BAHARU

Dalam buku-nya "13 Mei", Y . T . M . Tengku Abdu Rahman Putra, Perdana Menteri telah membuat tegoran yang mengandungi erti yang amat besar kepada Umat Islam di-negeri ini . Di-muka 33 dalam buku tersebut, Tengku berkata:



للمعلوم بع ديواه اوله فلقاره كيرقزن تكلا، تون عبدوالانق،
يهوا سبواه جواننكواس خاص انتوق ميلارسكن دان ميلسانكن
داسر ۲ بارو تكلا مفتاح ايكونومي دن بلو سندبرى سپاپي
فلروسين، تنتو مندافة فرهادين بع سواجرن.

"Pas tidak pernah mempunyai sa-barang tujuan atau ranchangan yang tertentu. Mereka bergantong sa-mata2 kapada hal2 Ugama Islam untuk mendapat sokongan. Mereka tidak mempunyai pengetahuan untuk mengubah satu dasar ekonomi yang membangun sa-bagaimana yang patut di-buat oleh sa-buah parti politik. Pada satu ketika, sa-orang ahli wanita PAS, Che Khadijah Sidek, yang menjadi Ahli Parlimen, telah mengugut hendak keluar dari PAS jika Parti itu tidak dapat menyusun satu dasar ekonomi-nya yang tersendiri dalam tempoh enam bulan. Desakkan itu tidak menghasilkan sa-barang natijah, dan sa-lepas itu Che Khadijah telah keluar dari gelanggang politik. PAS terus berjalan dengan dasar perkauman-nya yang sempit itu dengan tidak mengubahkan chorak-nya sa-hingga hari ini, bahkan menambah-nya lagi dengan soal2 perkauman yang sempit."

Saya tidak-lah hendak mengulas tegoran Tengku itu kerana "zaman baru", kita sa-lepas peristiwa 13hb. Mei, 1969 bukan-lah suatu zaman bertengkar tetapi sa-balek-nya ia-lah suatu zaman dalam-mana sa-tiap pehak sepatut-nya memberi fikiran2 yang membina. Saya juga tidak berniat hendak mengulas dari-hal perjuangan Che Khadijah Sidek di-dalam Parti PAS kerana ulasan yang saperti itu tidak juga mendatangkan sa-barang keuntongan bagi ra'ayat negeri ini. Apa yang saya chuba memperkatakan-nya ia-lah dari-hal dasar ekonomi yang "terkalang di-mata - terasa di-hati" saya sendiri. Y.T.M. Tengku Perdana Menteri tidak mengulas dari-hal dasar ekonomi Parti2 Politik yang lain di-negeri ini, dan ini boleh jadi Tengku yakin mereka itu mempunyai dasar ekonomi yang lengkap, dan saya sendiri juga tidak berniat hendak mengulas dari-hal dasar ekonomi mereka-itu.

ریچان فخلع

١٣٨٨ محرم ٢٧

خميس 25 ابريل 1968

ریچان ایکونومی "جالن تھہ"

دانو، عصري، نیبالن بخ دفترتو ۱۰کوچ فاس دالس اوچافن
درافتہ عموم فاس دکالر بارو ۲ این، اسارا لابن برگات ۴۰
فاس ٹوبیاں ریچانن بخ نرسندری دالس منکفنن ایکونومی^۱
اور ۳ ملادو۔

Bagi saya sendiri, apa yang ada di-dalam ingatan saya mengenai "ekonomi tanah ayer" telah pun saya suarakan-nya dalam Dewan Raayat (1964-1969) dan semua-nya itu sakurang2-nya menjadi suatu kenangan2 dalam perjuangan saya yang serba sederhana. Pada tahun 1966, Parti UMNO yang di-pimpin oleh Tungku Perdana Menteri sendiri telah menuntut supaya Negara Malaysia di-jadikan sabuah Negara Kebajikan; tuntu-

tan ini pada keselurohan-nya boleh di-katakan tidak jauh berbeza dari chita2 menegakkan sabuah "Negara Kebajikan Dalam Keampuan Tuhan(بلدة طيبة ورب غفور)

Dalam risalah yang kecil lagi serba sederhana ini saya ha-nya mengemukakan suatu dasar ekonomi yang menuju ka-arrah jaminan social berdasarkan firman Tuhan :

- (أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَةَ رَبِّكُمْ تَحْنَ قَسْمَنَا بِيَنَّهُمْ مَعْلِيهِنَّهُمْ)
(فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ)
(لِيَتَعْذِزَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سَخْرِيًّا وَرَحْمَةَ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا)
(- الْزَّخْرُفः 32 - يَجْمِعُونَ .)

Surah Al-Zukhruf-43: 32.

Erti-nya:

(Apa-kah mereka - yang berhak - membahagi-kan kurniaan Tuhan-mu? Kami-lah yang membahagi-kan di-antara mereka penghidupan mereka dalam peng-hidupan dunia ini dan Kami-lah yang telah mengangkatkan sabahagian dari mereka ka-atas sabahagian yang lain beberapa tingkatan supaya sabahagian dari mereka dapat menggunakan sabahagian yang lain; dan kurniaan Tuhan-mu itu lebih baik daripada apa yang mereka-itu kumpulkan) .

Firman ini merupakan suatu dasar ekonomi yang memberi perembangan hasil di-antara faktor2 ekonomi Pemodal, tuan tanah, buruh dan pengurus. Dasar ini menchantumkan di-antara kebendaan dengan akhlak seperti mana yang akan kita lihat dalam gambaran "Peluang Kerja" yang di-kehendaki oleh Ugama Islam.

PELUANG KERJA DAN PENGHIDUPAN MENURUT ISLAM

Kerajaan ubah bentuk politik negara - Razak



KOTA BHARU 24 Okt — Pengarah Gerakan Negara Tun Abdul Razak berkata hari ini kerajaan telah mengambil langkah untuk mengubah bentuk politik di-negeri ini bagi di-sesuaikan dengan keadaan ekonomi dan sosial rakyat negeri ini.

Kata-nya undang2 akan di-tuatkuanakan sa-penoh-nya bagi menghalang orang ramai membuat perkara2 yang boleh terulunggong.

Ugama Islam samemang-nya memberi pertimbangan yang wajar kapada sudut penghidupan manusia; kerana manusia itu bukan makhlok malaikat yang tidak memerlukan makan-minum. Dengan pengertian ini, Ugama Islam menghargai kehendak2 manusia dalam lapangan ekonomi-nya, keperluan hidupan serta tanggungan-nya, baik bagi diri-nya sebagai orang persorangan maupun dalam hidup-nya sebagai anggota masyarakat. Pertimbangan ini tidak kurang berat-nya dari pertimbangan yang di-da'awa pernah di-beri oleh faham2, kebendaan malah Ugama Islam lebuh sempurna dan lebuh

kemas. Apa yang orang maseh ragu2 ia-lah bagi manusia Islam sanggup menchetumkan soal kerohanian dengan kebendaan. Sabenar-nya chentuman saperti itu bukanlah sasuatu yang ganjil; kerana manusia itu bukannya makhluk rohani semata2 dan tidak pula makhluk berada sahaja bahkan tabi'e kejadian-nya memang berasal dari kedua2 unsur rohani dan jasmani; oleh itu soal kehidupan-nya mesti-lah di-dasarkan di atas perchetenan di-antara kedua kerohanian dan kebendaan.

Dengan penchentuman kerohanian dan kejasmanian saperti itu, Ugama Islam tentu-lah mempunyai suatu dasar ekonomi yang sendiri lagakap dengan segala undang2 dan peraturan yang akan mengawal perjalanan pelaksanaan-nya .

Ada dua perkara pokok dalam Ideologi Islam apabila kita memperkatakan dari hal ekonomi dan kehidupan manusia; ia-itu :

- a) *Bekerja dan berusaha; dan*
- b) *Hak untuk hidup .*

Dua perkara pokok ini menegaskan bahawa Uga-ma Islam tidak membiarkan pengikut2-nya berdakap tuboh bahkan di-wajibkan-nya ia berikhtiar, bekerja dan berusaha untuk mendapat nafkah hidup; Ugama Islam memandang bahawa "kerja" ia-itu yang sabenarnya "jalan yang sah" untuk memileki sesuatu; dan tanpa kerja atau usaha maka sabarang milek itu di-anggap kurang mulia dan kurang sehat. Apabila manusia itu sudah berusaha, berikhtiar dan bekerja dengan penoh kerajinan dan kesungguhan tetapi ia maseh juga belum memperolehi keperluan hidup yang sesuai bagi martabat-nya sebagai manusia maka pada ketika itu-lah Kerajaan bertanggong-jawab memberi segala kemudahan kepada-nya sehingga ia mencapai darjah kehidupan yang menasabah; jika tidak maka Kerajaan wajib menanggong segala2-nya .

Tuhan berfirman:

(وابتغ فيما انانك الله الدار الآخرة ولا تنس)
(نصيبك من الدنيا وأحسن كما أحسن الله إليك)
(ولا تتبع الفساد في الأرض إن الله لا يحب)
(المفسدين .)

Erti-nya:

(Dan chari-lah dalam kurniaan yang Allah berikan kepada-mu itu keselamatan Negeri Akhirat tetapi jangan-lah engkau lupakan bahagian-mu dari Dunia, dan berbuat-lah kebaikan sa-bagaimana Allah telah berbuat baik kapada mu, dan jangan-lah engkau men-chari kerusohan di-bumi, kerana sa-sunggoh-nya Allah tidak suka orang2 yang berbuat rusohan.)

Rasulullah Bersabda :

(ما أكل أحدكم طعاماً قط خيراً من عمل يده)

Erti-nya:

Tidak pernah sa-saorang itu makan suatu makanan yang lebih baik dari hasil kerja tangan-nya sendiri.) Sa-terus-nya ia bersabada:

(ان الله يحب العبد المؤمن المحترف)

Erti-nya:

(Sa-sunggoh-nya Allah sayang kapada hamba yang beriman yang berkerja.)

Dengan Firman Tuhan dan Sabda Rasul itu nyata-lah Ugama Islam bukan-lah "ugama pemalas",

bukan ugama yang mengajar manusia "makan tidor" dan bukan ugama yang membiarkan manusia mendapat nafkah hidup dengan jalan "menarah di atas belakang orang lain". Oleh itu tidak-lah sayugia-nya bagi Umat Islam mengenepikan Ideoloji Islam lalu merabau2 menchari faham2 yang lain saperti "Pragmatism", atau "Socialism", atau "Comunism", atau "Capitalism" atau sa-bagai-nya. Masa'alah-nya hanya satu sahaja, ia-itu ramai orang kita kurang mengerti "Ideoloji Islam" dan tidak pula pernah chuba belajar atau menyiasat pengajaran ugama yang mereka anuti-nya, sa-balek-nya mereka hanya "merasa benci" tanpa sebab dan merasa "malas" dengan tidak tentu asal usul. "Bodoh tak boleh ajar-cherdek tak boleh di-tumpang", dan jika kita mendesak supaya mereka sudi menyiasat maka mereka pun dengan sompong-nya berlagak angkok: "ditarek ia menanduk-di-giring ia menyepak", berguru kepalang ajar - bagai bunga kembang tak layu.

Dalam ekonomi sejara Islam, perkara pokok yang wajib di-mengertikan ia-lah soal pembahagian kekayaan di-antara gulongan yang berada (*haves*) dengan gulongan yang tidak berada (*have-nots*), dan dasar pembahagian ini-lah yang mengator pendapatan di-antara tuan tanah, buroh, pengusaha dan pemodal. Hal ini ia-lah kerana masing2 pehak tuan tanah, buroh, pengusaha dan pemodal itu tidak akan berjaya mencapai sa-suatu tanpa kerja-sama dalam bentuk saling bertukar-tenaga, dan dengan dasar saling bertukar-tenaga ini-lah maka Ugama Islam menentukan kadar sewa kepada tuan tanah, kadar upah kepada buroh, kadar untung kepada pengusaha dan kadar faedah kepada pemodal.

Bagi mencapai matlamat-nya dalam perkara pokok tersebut Ugama Islam meletakkan beberapa lunas besar, di-antara-nya yang terpenting ia-lah:

I-Pengedaran Modal:

Tuhan berfirman:

(ما أفاء الله على رسوله من أهل القرى فللهم)
 (ولرسول ولذى القرى واليتامى والمساكين)
 (وابن السبيل كي لا يكون دولة بين الاغنياء)
 (منكم وما أناكم الرسول فخذوه وما نهاكم عنه)
 (فاتهوا واتقوا الله ان الله شديد العقاب - الحشر: 9)

Erti-nya:

(Apa-apa yang Allah berikan kepada Rasul-Nya
 dari harta penduduk desa maka ada-lah bagi Allah, dan
 bagi Rasul dan bagi kaum kerabat-nya, dan anak2 ya-
 tim, dan orang2 miskin, dan pengembara yang kepu-
 tusan belanja supaya ia-nya tidak menjadi **edaran2**
antara orang2 kaya dari kamu, dan apa2 yang di-
 beri oleh Rasul kepada kamu maka ambil-lah, dan
 apa2 yang ia larang kamu maka rentikan-lah dan jagai-
 lah diri kamu dari azab Allah, sa-sunggoh-nya Allah
 itu sangat keras seksaan-Nya).

Firman ini di-turunkan sa-bagai mengakui lang-
 kah Rasul membahagikan harta kapada gulongan Mu-
 ajirin (مهاجرين) sahaja tanpa memberi apa2 ka-
 pada gulongan Ansar (انصار) pada hal kedua2 gulon-
 gan itu sama2 berjasa dan berbakti kapada perjuangan
 Ugama Tuhan malah gulongan Ansar lebeh berbakti
 pada ketika itu kerana mereka-lah yang memberi segala
 pertolongan dan perlindungan kapada gulongan Muha-
 jirin yang berpindah dari Mekah ka-Madinah .

Langkah tersebut di-lakukan oleh Rasul sebagai
 suatu pengajaran bahawa mesti-lah ada satu dasar "pe-
 ngedaran modal" di-kalangan masharakat untuk men-
 chari perembangan di-antara gulongan yang "berada"
 dengan gulongan yang "tidak berada". Jangan-lah hen-

dak-nya kita menjadi binggong sebab konon-nya dasar seperti itu pernah "tenggelam" dalam sejarah pemerintahan Islam; "terhenti-nya" pelaksanaan satu2 dasar bukan-lah samesti-nya menunjukan dasar itu tidak terpakai lagi kerana apa jua dasar sakalipun akan mengalami berbagai zaman - terkadang2 zaman gemilang dan terkadang pula zaman dugaan. Jika emas tidak di-beli orang oleh sasuatu sebab yang menghalang maka itu bukan-lah bererti emas tersebut sudah berubah menjadi tembaga. Dasar "pengedaran modal" saperti itu menurut Ideoloji Islam, terserah kapada Kerajaan yang berkuasa untuk menentukan chara, kadar dan peratorannya dari sama ka-samasa, ia-itu menurut kehendak keadaan pasang-surut ekonomi Negara pada keslurohan-nya. Dasar ini boleh di-guna bagi menentukan "kedudukan istimewa" kapada mana2 golongan masharakat yang mundor ekonomi-nya apa-tah lagi untuk bumiputra negeri itu sendiri. Jangan-lah hendak-nya "ayam di-dalam kepok mati kelaparan - itek di-dalam kolam mati kehausan"; "isi lemak dapat ka-sa-orang - tulang bulu pulang ka-kita".

2. Kepentingan Umum:

Ideoloji Islam memberi keluasan kapada umatnya supaya menggunakan neracha akal dalam perkara2 yang tidak di-tentukan perinchian-nya dengan nas keterangan yang terang; dan perkara2 saperti itu di-serahkan kapada "Negara" untuk menchari di-mana duduknya "kepentingan umum". Dasar ini mengharuskan Negara mengguna harta kekayaan milek orang2 persaorangan yang berada sebagai penaman modal kadalam lapangan perusahaan yang boleh mendatangkan faedah kepada seluroh masharakat; malah Negara di-beri hak mengambil kekayaan itu pada masa2 yang khanzah Negara tidak mampu menemui perbelanjaan-nya terutama untuk menangkis musoh dari luar, meredakan keganasan anasir2 jahat dari dalam, dan untuk mencegah penyakit2 yang menjangkit dan mala petaka akibat dari benchana alam dan sabagai-nya .

شحاد فنازع

٣ شعبان ١٤٢٩

١٥٧٤ ١٤٢٩

ایکونومی یعنی تدقیق سایمیغ

اوچان حاکم زن سری مطبان کتب مرسیون فیروزان
فرایان اولنگانون کهوا ایستینوہ ایکنولوچی ملار مه هاری
سبت سود دنالیخ جای، سهدوسن مندنه فرهاپن سکن
ویله.

کیبلوں اوچان اوچان پنیو ایت ایله بیو، کادان ایکسو یور
یعنی تدقیق سایمیغ دکالان دیسے برسنل کسونن مکری این.
مرولان سان سانو فریجا یعنی هنیو لکن کشان انتلا فرم.
پنیو جوک نله میسلو لکن بیو، کریس فر فون دنکری
این جارا کیتوان بر تلخان قول مکن کموداتن ایکنوسوی.
دری اوچان ترسیوہ این داچ جوک دا بیل فلرین بیو،
کرج ۲ کیا یون دان فلتوں دکاوسن ۲ لوڑ بندو سانہ این
تیدله دا لة ملکو رک حاصل مٹکو، عارفون دان کیپشن
ویله، سهلک مادیه باقی دادسا ریه دری لوڑ بندو منیاری
یکلیز دان کیبی اهن گیسرد؟

سستارا فندو ۲ دا له بندو ۲ قول ساکن ۲ مرسی
هر بیک دا خسیر یکن، کرف سر لانو بسرا فرهاپن دان مینه
دن ملوکن کند کاوسن ۲ لوڑ بندو.

Dasar ini bukan-lah bererti memberi hak kapada Negara merampas harta punya raayat-nya tetapi ada-lah untuk menjaga muslihat dan kepentingan umum. Apakah erti-nya hidup bermasharakat jika gulongan2 yang berada itu terus menerus membisu ketika masharakat di-timpa benchana pada hal kekayaan yang ada pada mereka itu bukan-lah hasil dari "tongkat sakti" tetapi nya ia-lah hasil dari bertukar tenaga .

Tidak mustahak kita meraba2 menchari "Pragmatism" atau "Socialism" jika kita sudah menyedari keburukan sistem ekonomi "Capitalism" kerana dasar "kepentingan umum" yang sedia tersaji di-dalam dengajaran Ideoloji Islam itu dengan tegas-nya membuktikan wujud-nya satu dasar "Menghadkan kekayaan" atau konsep "ceiling" terhadap kekayaan milik orang persa-

orangan. Menurut Ugama Islam, segala kekayaan yang ada pada tangan orang2 persa-orangan mesti-lah tun-dok kapada "Negara", tundok kapada hajat dan kemu-stahkan hidup bermasharakat. Dengan yang begini, Ugama Islam sanggup menjamin wujud-nya suatu per-embangan ekonomi selain dari mengenakan chukai pendapatan dan chukai biasa. "Adat bernegeri memagar negeri - adat berkampong memagar kampong", dan jangan-lah pula ada orang yang enggan menginsafi kenyataan yang sebenar semata2 kerana sikap bakhil dan kikir serta mementingkan perut sendiri. "Teramp-on sama hanyut, terendam sama basah, terampai sama kering."

رِبْيَانْ فَغَارَّ

١٣٨٤ شعبان

١٩٦٥ دسمبر ٢٢

هرتل مبوگاكن فکوع ددادا چابران یخ مسی داهوہ سکرا

شعلان فردان منزري نون هندازيل بارزو ۲ ابن الله مسربى
امارون کند سکولان و به مذکوري اين بيع برچادع هندي ملائىكن
"هرتل" ساکر هندي هندي جوگى ۲ بارو بيع داهوہ مذکوري اين
هوره رسپان هندي ملائىكن هرچاق اوت مېچع موده او بىدقەنه
داده داهىكىن لاتى، تۈركى تىلى ئام توڭۇر خېرىز اين بىرىپۇت
كۈلە ئات

3. Membantu Kejahatan

Ugama Islam mempunyai dasar yang sendiri dalam usaha-nya membantut kejahatan sa-bbelum ia-nya berlaku. Kejahatan itu haram, maka apa jua perbuatan yang membawa kapada kejahatan ada-lah di-kira suatu kejahatan. Berzina ada-lah haram, maka berkilah dengan isteri orang di-tempat yang sunyi ada-lah sudah menjadi perbuatan haram. "Ikan gantong-kuching tunggu."

Dasar membantut kejahatan ini di-pandang dari

segi akibat yang akan berlaku dari satu2 perbuatan pada keselurohan-nya. Dalam hubungan-nya dengan pembangunan ekonomi, dasar membantut ini akan mengawal kemungkinan berlaku-nya kepinchangan masharakat sekurang2-nya ia menchegah perasaan hasad-dengki orang2 yang tidak berada terhadap orang2 yang berada seperti "kongsi gelap" rompakan, samun dan pemerasan. Selain dari itu, dasar tersebut akan menchegah berlaku-nya perasaan kurang mahu berkorban ketika masharakat negara di-serang musoh baik dari dalam negeri apa-tah lagi dari luar. Manusia2 yang hidup dalam kepapaan tanpa mendapat pembelaan dari negara akan kurang bersedia mempertahankan negara kerana mereka merasai terzalim dan merasai tidak berfaedah berkorban kapada sa-buah negara yang tidak menghiraukan nasib golongan yang menderita. Mereka terasa; "Cherdek helang, bengong sekikeh, namun murai terkechoh jua", "isi lemak dapat ka-orang - tulang bulu pulang ka-kita".

Dalam usaha-nya membantu kejahatan itu Ideologi Islam melarang amalan2 yang tidak bermoral seperti tarian bogel, peraduan chantek yang mendedahkan bahagian2 badan wanita kepada khalayak ramai, judi, kelab2 malam, tari menari berchampor lelaki dengan perempuan, minum arak, rumah2 urut dan sabagai-nya; kerana semua-nya itu bukan sahaja merosakkan moral masharakat tetapi juga merosakkan ekonomi dan pembangunan-nya. Amalan2 yang kurang bermoral dan yang tidak bermoral biasa-nya dilakukan oleh orang2 dari gulongan yang berada; dan orang2 miskin kurang mendapat peluang untuk melakukan perkara2 itu. Sekarang mencheritakan bahawa kemewahan yang tidak di-kawal dengan "moral" sentiasa menyebabkan umat manusia hancur lebor di-muka bumi .

4. Mengharamkan Riba:

Ugama Islam memandang "keuntongan" itu hanya datang menerusi "usaha", dan "wang" atau "harta"

semata2 tidak pernah menghasilkan sabarang keuntungan jika tidak ia-nya "di-permodalkan" ka-dalam sa-tu2 usaha. Tegas-nya, setiap "laba" atau "hasil" itu mesti-lah menerusi pertukaran tenaga di-antara: (a) tu-an tanah; (b) pemodal; (c) pengusaha; dan (d) buroh. Dengan pengertian ini-lah maka Islam mengharamkan "makan riba". Riba, pandangan Ugama Islam, ia-lah keuntongan yang di-dapati dengan jalan "makan tidor" dengan tidak mengira sama ada "keuntongan" itu di-namakan "untong" atau "faedah" atau pun "bunga" Nama dan sebutan bukan-lah menjadi ukoran sejati

TAN TELLS OF THE COST OF BORROWING

**\$400 mil interes
on \$256 m loan**

SUNDAY 18-6-67
The Sunday Times June 18, 1967

KUALA LUMPUR, Saturday

[INTEREST amounting to \$17 million would be paid by the Government this year on \$256 million loans for development it acquired since Malaysia was formed.

And the total amount of interest payable on these loans where repayments stretch to 1990 will be about \$400 million.

This was disclosed by the Minister of Finance, Tun Tan Siew Sin, in the Dewan Raya today when replying to a question by the PAP member from Bachok, Hajji Abu Bakar bin Hamzah.

kapada kebenaran atau hakikat .

Dasar mengharamkan riba saperti ini dengan sen-dirinya boleh menchengah berlaku-nya penimbunan ke-kayaan di-kalangan pihak2 yang tertentu saperti mana yang berlaku di-dalam mashatakat2 yang berchorak ca-



pitalist sekarang. Penimbunan harta amat-lah besar bahaya-nya kapada masharakan kerana ia-nya "menchekek" keperluan gulongan2 yang tidak berada sahingga mereka terpaksa memilih jalan berhutang dengan membayar "bunga". Ugama Islam memandang bahawa "untong" itu mestilah melalui usaha dan mujur-malang; dan "riba" ia-lah untong yang di-perolehi oleh orang kaya tanpa usaha dan tanpa mujur-malang. Riba juga memberi galakan kepada manusia2 "pemalas" untuk hidup dengan newah tanpa sabarang usaha; dan dengan demikian riba itu melahirkan suatu gulongan yang "mewah, tidak berakhhlak, kejaim, penghisap darah, dan penipu" sa-sama manusia sendiri ,

Apa-kah "faedah" yang di-amalkan di-dalam lapangan "bank" sekarang ini termasok ka-balau ta'arif "riba-usury"? Itu ada-lah satu masaalah yang lain dan ia-nya boleh di-bahas di-luar dari pembicharaan ini. Dari buku ini saya tidak bermaksud hendak menpersoalkan dari hal ta'arif riba; saya ha-nya mengukarkan bahawa Ideoloji Islam melarang amalan "makan riba" sesuai dengan firman Tuhan .

(إِيَّاهَا الَّذِينَ آمَنُوا انفَسُوا اللَّهُ وَذُرُوا مَا بَقِيَ مِنْ)
 (الرِّبَا أَنْ كَتَمُ مُؤْمِنِينَ . فَإِنْ لَمْ تَفْعُلُوا فَأَذْنُوا)
 (بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تَبْتَمْ فَسْلَكُمْ رَّمَوْسَ)
 (أَمْوَالَكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ .)
 (سُورَةُ الْبَقَرَةِ : 278)

erti-nya:

(Hai orang2 yang beriman! berbakti-lah kapada Allah, dan tinggalkan-lah saki-baki riba itu jika benarlah kamu orang2 yang beriman. Tetapi jika kamu tidak berbuat begitu maka terima-lah pernyataan perang dari Allah dan Rasul-Nya, dan jika kamu bertau-

bat maka kamu boleh ambil sakadar modal2 kamu, dengan itu kamu tidak-lah mengenyayai dan tidak pula teranyaya.)

Tuhan mengishtiharkan ‘perang’ terhadap pemakan2 riba. Ini erti-nya Tuhan melarang amalan riba kerana amalan tersebut amat besar bahaya-nya kepada masharakat manusia sendiri.

SIKAP MONOPOLI KEKAYAAN OLEH SATU2 GOLONGAN MESTI HAPUS. KATA TUN

KUALA LUMPUR,
Ahad — Sikap monopoli kekayaan oleh satu2 golongan di-negeri ini hendaklah di-hapuskan, kata Pengarah Gerakan, Tun Abdul Razak hari ini.




5-Menghaamkan Monopoli

Monopoli ia-lah pembelotan peluang terutama menerusi permit2 yang di-beri oleh Kerajaan sendiri. Dasar monopolii dengan sendiri-nya melahirkan suatu kekuatan yang kejam di-tangan orang2 yang di-beri kebenaran untuk “bermonopoli”, mereka tidak lagi mesti bergantong kepada mutu barang dan kehalusan kerja, mereka memadai dengan kuasa kebenaran yang ada di-tangan mereka sama ada kebenaran monopolii

terhadap satu2 barang mau pun terhadap satu2 pasar. Peluang saperti itu sentiasa-lah menindas gulongan pengguna dan juga gulongan orang ramai selurohnya. Jika orang2 persa-orangan, menerusi monopolii, akan menindas ra'ayat maka tindasan itu akan lebih besar dan lebih hebat jika ia-nya datang dengan jalan shariatik2 monopolii. Selain dari itu dasar monopolii juga dengan chara tidak langsung menggalakkan perbuatan rasuah di-kalangan pegawai2 kerajaan sendiri. Para ekonomis angkatan moden sudah mengisafi betapa besar-nya bahaya "monopolii" itu terhadap keadilan masyarakat, terhadap akhlak pegawai2 kerajaan dan juga monopolii itu dengan sendiri-nya menyebabkan penimbunan kekayaan di-kalangan orang2 yang "berada"

Ugama Islam menegah amalan "Monopolii" kerana ia-nya bukan suatu dasar yang sehat dalam pembangunan ekonomi malah sabalek-nya ia akan menjerumuskan manusia ka-dalam jurang:

- (a) Menyekat peluang orang lain
- (b) Menggalakkan perbuatan rasuah



استاذ ابو بکر حمزه دوالم دیوان فاریعن
ملیٹا متنوہ سعای دادکن ناسیر بالباس
فرادسنهان آ اسیع دنکری این کوف ماجم
کومینیٹیا سفتح ع دکھوی اسلام تیکن
اورخ منباری هرت دان بدق بورہ مرمس
هرت

- (c) Menyebabkan penimbunan modal
- (d) Merendahkan mutu pengeluaran
- (e) Menjadikan Kerajaan sebagai kuasa yang jahat
- (f) Menyuborkan kerusakan akhlak masyarakat.

6. Mengharuskan Milek Negara

Ugama Islam tidak melarang Kerajaan untuk bertindak menjadikan milek2 yang tertentu sebagai "milek negara", malah sabaleknya Islam menyuruh Negara "memilek negarakan" perusahaan2 besar dan ladang2 serta lombong2 dan kilang2. Hal ini di-haruskan-nya selagi kepentingan umum masyarakat menghendaki begitu.

Rasulullah bersabda:

(الناس شركاء في ثلاث: الماء والنار والكلاد)

Ertj-nya:

(Manusia itu berkongsi dalam tiga perkara: ayer, api dan rumput.)

Ini bererti Ugama Islam memandang perkara2 yang menjadi keperluan asasi bagi kehidupan manusia itu mesti-lah jangan di-mileki oleh mana2 orang persorangan yang tertentu malah perkara2 tersebut mesti-lah sentiasa di-bawah tanggong-jawab negara sachara langsung terutama "ayer", "api" dan "ladang rumput" untuk ternakan haiwan. Dasar ini memang berjalan pada zaman ini walau pun di-negara2 yang berchorak kapitalis. Akan tetapi ini bukan-lah bererti terhenti kepada tiga jenis itu sahaja, malah apa juar lapangan yang menjadi asasi hidup masyarakat hendak-lah di-jadikan "milek negara" sapanjang masa.

Ada pun lombong2, perusahaan2 besar, kinderaan umum maka semua nya itu, jika keadaan memerlukan, boleh-lah di-jadikan milik Negara dan tidak di-biarkan gulongan2 "pemodal" melakukan sakehendak hati mereka. Dasar mengharuskan "milik Negara" seperti ini bukan-lah bererti "merampas" milik persaorangan tetapi ia-lah dengan maksud menjaminkan pembahagian kekayaan dan menentukan perembangan ekonomi masyarakat di-dalam sa-sabuah Negara Ugama Islam memandang semua kekayaan itu ia-lah hak mutlak Allah sendiri dan manusia ha-nya sebagai pemegang amanah; oleh itu sebagai pemegang amanah, manusia tidak-lah saharus-nya menganggap kekayaan itu hak mutlak bagi diri-nya sendiri .

7. Menegah Kemewahan Melampau:

Ugama Islam menyuroh umat-nya menchari kekayaan dan menggunakan-nya pada jalan2 yang sehat lagi mulia; Ugama Islam tidak melarang manusia menimati segala kesenangan dan keindahan di-dalam kehidupan-nya malah sabalek-nya Ugama Islam mengharuskan mereka menimati perhiasan hidup saperti bangunan2 yang endah, taman2 bunga, pakaian dan lain2 perhiasan; akan tetapi melarang manusia melampau2 dan berlebehan2 sahingga hilang tujuan asal dari perhiasan tersebut .

Kemewahan yang berlebehan2 itu sentiasa mendorong manusia kapada perangai2 yang rendah, dan sadikit demi sadikit mereputkan masharakat. Sejarah mencheritakan bahawa gulongan2 yang terlampau mewah itu-lah yang sabenar-nya menjadi sebab musabbab kehancoran sasatu umat; hal ini ia-lah kerana mereka mempunyai berbagai peluang untuk melakukan perangai2 rendah = zina, dengki, tamak, berpoya, rasuah, perangai "makan tidor", membeli kehormatan dan apa sahaja yang boleh memuaskan bawa nafsu mereka .

Tuhan berfirman :

(وَاذَا أَرْدَنَا أَنْ نَهْلِكَ قُرْيَةً أَمْ رَنَّا مُتْرَفِّيْهَا فَفَسَّرَاهُ فِيْهَا فَحَقَّ عَلَيْهِمْ)
(القول فَدَمَرَ نَاهَا تَدْمِيرًا .)

erti-nya:

(Dan jika kami mahu membinasakan satu2 negerti, kami suroh orang2 kaya-nya – membuat kebaikan – tetapi mereka itu melakukan keterlaluan pada-nya, oleh itu patut-lah datang kapada mereka itu azab, lalu kami pun menghanchorkan-nya sahanchor2-nya) .

مدون حام 12 دیمبر 1956

کراجان تلو "حال لکن فلاچوران" فرانتوقن کمنترین کبجیکن 5.6 ہ جوتا دل لکن

کراجان ہار ہوں جمع حصہ ہیں سائنس	کو والا ٹھوڑو ڈیپریواری۔
کراجان ٹھوڑو ڈیپریواری سائنس	کراجان علمہ متولی سائنس
کراجان ٹھوڑو ڈیپریواری	حائلش سعائی معلقلاکن
کراجان ٹھوڑو ڈیپریواری	بلادوران دنکری ایسن کبران
کراجان ٹھوڑو ڈیپریواری سائنس	فریباوسن اے ادائے سائنس
کراجان ٹھوڑو ڈیپریواری سائنس	دیس اونڈ ڈیوبینشن
کراجان ٹھوڑو ڈیپریواری سائنس	فرشنازان پسا۔
کراجان ٹھوڑو ڈیپریواری سائنس	کے تھوڑے جیاں سروو، سرور

Apa yang patut di-perhatikan dengan cermatnya dalam persoalan ini bukan sahaja hukum "haram-halal" dari segi Ugama Islam tetapi-nya ia-lah kesan2 burok yang sentiasa timbul dari kemewahan yang melampau itu sendiri. Sudah nyata dengan jelas-nya bahwa kemewahan yang berlebihan itu tidak berlaku melainkan dengan jalan penindasan sachara tidak langsung ka-atas gulongan2 bawahan; terkadang2 kemewahan itu datang hasil dari tenaga dan nyawa rayaat murba. Hal ini lambat lau tentu-lah di-sedari oleh gulongan2 yang terinanya-nya itu dan jika begitu maka sudah tentu-lah mereka tidak akan berpelok tuboh malah sabalek-nya mereka akan bangun memberontak ter-

hadap Negara am-nya dan terhadap golongan2 yang mewah khas-nya .

Dasar ini berhubungan rapat dengan dasar "membantu kejahatan"; dan sa-sabuah Negara tidak akan sampai kapada darjat ini selagi mereka belum bersedia mengasaskan urusan pemerentahan di atas konsep akhlak dan moral. Negara tidak akan menyedari kebaikan dasar ini selagi mereka belum menyadari kebaikan nilai2 ma'anawi di-samping kebendaan; dan jika Negara itu terus menerus mengamalkan dasar "Pragmatism" maka selama itu-lah mereka mustahil sampai kapada tujuan yang terkandong di-dalam pengertian dasar ini .

8. Menegah Pembekuan Kahrur:

Ugama Islam tidak melarang manusia menchari, mengumpul dan berhias dengan emas dan perak; akan tetapi Ugama Islam menegah mereka menyimpan barang2 emas dan perak itu semata2 untuk perhiasan dengan tidak pula mahu menggunakan-nya sebagai modal kадалам usaha2 pembangunan ekonomi Negara. Dalam hubungan ini Tuhan berfirman :

- () والذين يكثرون الذهب والفضة ثم لا ينفقونها في سبيل الله
- () فبشرهم بعذاب أليم يوم يحصى عليها في نار جهنم فتكوى بها
- () جباهم ووجوههم هذا ما كثرتم لا تنسكم فذوقوا ما كتمنتم
- () تكثرون - التوبية: 34 - 35

Erti-nya:

(Dan orang2 yang menyimpan emas dan perak dan tidak mereka membelanjakan-nya pada jalan Allah maka khabarkan-lah kepada mereka akan azab yang pedih. Ia-itu - pada hari yang di-panggang harta2 itu atas neraka jahanam lalu di-seterikkan dengan-nya akan dahi2 mereka dan rusuk2 mereka dan belakang2

mereka - sambil di-katakan "ini-lah apa yang kamu timbun untuk diri2 kamu; oleh itu, rasakan-lah apa yang kamu timbunkan itu).

Tidak shak lagi bahawa menyimpan emas dan perak semata2 untuk perhiasan yang berlebihan dan tidak pula menggunakan-nya kapada usaha2 pembangunan ekonomi ada-lah benar-nya suatu perbuatan menyekat kekayaan dari peredaran-nya di-kalangan masharikat; perbuatan tersebut dengan sendiri-nya menyekat pula manusia mengambil bahagian chergas dalam pembangunan ekonomi Negara dan dengan sendiri-nya pula menyebabkan kehilangan perembangan di-dalam lapangan perniagaan, perusahaan dan ekonomi Negara amnya. Ini-lah hikmat-nya maka Ugama Islam melarang perangai menyimpan emas dan perak tanpa menggunakan-nya untuk pembangunan ekonomi Negara. Perangai isteri2 orang2 kaya berhias dengan emas dan permuta hingga kasiku amat-lah merbahaya kapada ekonomi Negara .

9. Memungut Zakat:

Zakat di-dalam Ugama Islam bukan-lah hanya suatu "sadekah" yang di-biarkan kapada masing2 orang sama-ada mereka suka bersadekah atau pun tidak tetapi Zakat itu merupakan suatu konsep "jaminan sosial" yang mesti di-pungut dan di-kelolakan oleh Pemerintah sendiri .

Zakat ia-lah suatu "chukai" yang tetap dengan kadar sabanyak $2\frac{1}{2}\%$ dari harta tiap2 orang sama-ada harta itu banyak atau sedikit jika sudah sampai nisab atau kadar-nya. Khalifah Abu Bakar Siddik telah memerintah angkatan tentera-nya memerangi gulongan2 yang engkar membayar zakat kepada Kerajaan, dan tindakan tegas yang saperti itu ada-lah menjadi ciptaan kepada Kerajaan Islam pada zaman sekarang. Apa yang agak menyuletkan ia-lah bagaimana hendak meyakinkan ra'ayat kapada dasar "Zakat" ini jika Kerajaan

sendiri belum bersedia mengamalkan Ideoloji Islam, dan tentu-lah sukar hendak di-faham jika Kerajaan hanya mahu melaksanakan dasar Zakat sedang dasar2 yang lain tidak di-endahkan-nya.

Dasar Zakat di-dalam Ideoloji Islam tidak-lah menyekat Negara dari mengenakan chukai2 yang lain seperti chukai pendapatan, chukai pelajaran, chukai bandaran chukai ekspot dan impot dan lain2 chukai yang adil yang mustahak bagi pembangunan masharikat negara dari samasa ka-samasa. patut-lah di-nyatakan bahawa hasil pungutan zakat itu bukan-lah di-khaskan penggunaan-nya kepada kebaikan satu2 gulongan yang tertentu bahkan boleh di-gunakan bagi faedah orang2 yang kurang kemampuan dengan tidak kira bangsa dan ugama dengan sharat ia-nya di-belanjakan menurut "pembahagian2" yang di-tetapkan di-dalam Kitab Allah sendiri.

10 فراتوس کیاں نکری این دھیلیقی اول بھیفترا - تکو

فولو فینگ ۲۳ فیر واری - فرداں منتری تکو عدالز حسن
منکن دینی ہاری این ہوا سفولہ فراتوس دری کیان
نکری این سعی مردیکا تله دالہ دنساتی اولہ بومیفترا۔

10. Dasar Memereksa Harta:

Dalam Ideoloji Islam terdapat suatu dasar "mereksa harta" yang di-sebut dasar "Dari mana engkau dapat harta ini?". Dengan dasar ini Kerajaan berhak meminta, penyata pendapatan dari satiap orang terutama dari gulongan2 yang kaya-raya dan gulongan2 yang berada. Dasar ini amat-lah berguna bagi menentukan sama-ada kekayaan yang di-miliki oleh mana2 orang itu di-perolehi dengan jalan halal atau pun jalan haram, dengan jalan yang sehat atau pun dengan jalan pemerasan dan penindasan. Jika dasar ini di-amalkan

maka Pegawai2 Tinggi Kerajaan, Pemodal2 dan Tuan2 punya perusahaan tidak akan dapat melarikan diri mereka dari turut serta ka-dalam pembangunan ekonomi negara, bahkan dengan dasar ini juga akan tersingkap-lah puncha2 rasuah di-kalangan masharakat satu2 bangsa .

Ideoloji Islam menchentumkan sudut kerohanian dengan sudut kebendaan, dan ia-nya memandang baha-wa susunan politik sahaja tidak dapat menjaminkan ketenteraman masharakat jika tidak di-chentumkan pula dengan susun ekonomi. Hal ini sudah tidak dapat dinafikan kebaikan-nya dalam zaman sekarang kerana kerap kali huru-hara itu berlaku bukan sahaja bersebabkan pertarongan politik tetapi juga berpuncha dari perbezaan yang besar dari segi ekonomi satu2 bangsa. Jurang yang luas yang memisahkan golongan2 kaya dengan golongan miskin ada-lah juga sebab musabbab yang besar bagi timbul-nya kachau bilau dan hura-hara dalam negara .

* * * *

PERSAUDARAAN MUTLAK

"Persaudaraan Mutlak" yang di-kehendaki oleh Ugama Islam bukanlah persaudaraan yang berdasarkan hubungan daging-darah atau kekeluargaan tetapi-nya ia-lah Persaudaraan Mutlak yang berdasarkan Keturunan Manusia yang sama - Keturunan Adam dan Hawa se-luroh-nya. Dengan dasar persaudaraan yang seperti ini akan lenyap-lah kebuasan perasaan perkauman di-anta-ra umat manusia, akan hilang-lah ejekan dan penghi-naan terhadap warna kulit, dan saterus-nya akan luput lah pandangan kasta2 terhadap manusia - akan beran-sor lenyap-lah martabat2 keturunan seperti yang ber-laku dengan mewah-nya dalam masharakat2 Feudal di-merata dunia .

"Persaudaraan mutlak seperti itu tidak dapat di-chapai dengan ha-nya chara mengambil anak angkat - Orang Melayu menchari anak angkat China; Orang China menchari anak angkat Melayu; dan begitu juga Orang India. Chara "main anak angkat" seperti itu ti-dak membawa kita walau kamana. Apa yang lebeh ber-faerah ia-lah menyebarkan pengertian tentang persau-daraan saketurunan dari Adam dan Hawa; dan pengerti-an yang luas ini mesti-lah di-laungkan dalam bentok penyusunan masharakat sendiri .

Persaudaraan Mutlak yang di-kehendaki oleh Ugama Islam ia-lah persaudaraan yang di-tegakkan di atas lunas2 yang kukoh lagi luas; ia-itu lunas2 tanggong-jawab manusia terhadap Tuhan dan terhadap diri sen-diri; tanggong-jawab manusia terhadap sa-sama manusia; peranan manusia dalam kehidupan ekonomi mas-harakat. Dalam memperkata "Persaudaraan Mutlak," ini saya chuba menggambarkan tujuan-nya dengan se-berapa rengkas seperti yang akan kita tersua dengan-nya berikut ini. Berlainan ugama, ketu'unan, kebuda-ya'an, bahasa dan faham ekonomi ada-lah merupakan ba-tu2 penghalang bagi usaha2 untuk memahami chita2 "Persaudaraan Mutlak" ini dan kerana itu halangan2 tersebut mesti-lah di-atasi seberapa yang dapat setiap masa .

SUDUT2 KEMESHARAKATAN

Gambaran Umum:

Sabagai suatu Peratoran Hidup Bermesharaka Ugama Islam meletakkan lunas2 sistem mesharakat-ny di atas tapak orang persaorangan, kemudian menuju ke peringkat keluarga rumah-tangga, dan akhir-nya melahirkan masharakat yang tersusun baik. Ini bolehlah di-gambarkan penyusunan-nya kepada beberapa peringkat :-

- 1) Peringkat orang persaorangan;
- 2) Peringkat keluarga rumah-tangga; dan
- 3) Peringkat masharakat .

1. Manusia yang salih:

Manusia yang baik, yang waras akal-nya, yang halus badi bahasa-nya, yang morni jiwa batin-nya, dan yang seni hati sanubari-nya - manusia yang mempunyai sifat2 kemulian saperti itu-lah yang menjadi batu asas yang sehat bagi setiap masharakat manusia. Untuk membentuk manusia yang salih saperti itu-lah maka Islam mewajibkan pendidekan kapada tiap2 manusia sama ada lelaki atau pun perempuan. Setiap manusia di-kehendaki mempunyai perasaan tanggong-jawab terhadap diri-nya di-hadapan Allah .

Tuhan berfirman:

(كل نفس بما كتب ربها)

(Setiap jiwa itu bertanggong-jawab atas segala sa-suatu yang di-usahakan-nya) .

Setiap manusia wajib membebaskan jiwa-nya dari segala khurafat dan kedongengan dari segala rupa kekejalian; ia hendak-lah memelihara perembangan yang

chukup di-antara kehendak2 badan jasmani-nya dengan firman Tuhan yang berbunyi :

- (وَابْتَغِ فِيمَا أَنْتَكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةُ)
(وَلَا تُنْسِكْ مِنَ الدُّنْيَا)

(..... dan tuntut-lah apa2 yang di-berikan Allah mengenai alam akhirat tetapi jangan-lah engkau melupakan-mu di-alam dunia) .

Bagi menchapai perembangan di-antara jasmani dengan rohani ini, Ugama Islam mewajibkan tiga perkara yang pokok; ia-itu :

(a) **Mewajibkan pelajaran:**

Dalam soal pendidekan dan pelajaran, Rasul bersabda :

(طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ)

erti-nya:

(Menuntut ilmu pengetahuan itu wajib ka-atas satiap orang Islam.) In, bererti bahawa satiap orang Islam itu sama-ada lelaki mau pun perempuan, bertanggong-jawab menuntut ilmu pengetahuan, dan menuntut ilmu itu menjadi suatu kewajipan ka-atas-nya kerana ia-nya ada-lah juga suatu hak asasi bagi-nya. Pihak pemerintah pula wajib menyediakan kemudahan2 untuk memberi peluang kepada satiap orang mendapat kadar yang mustahak dari ilmu pengetahuan itu.

Menuntut ilmu pengetahuan merupakan fardzu 'ain (فرض عين) ka-atas satiap orang Islam dalam perkara2 yang mengenai rukun Islam, fardzu2-nya dan budi pekerti-nya, akan tetapi dalam lapangan2 ilmu

pengetahuan yang lain ada-lah di-kira fardzu kifaya
فرض كفاية () yang wajib di-pikul oleh pemerentahan
dan pemerentahan itu akan berdusa jika mereka chuai atau
tidak berdaya menyediakan persiapan2 yang mustahab
dalam urusan pendidekan dan pelajaran kepada rakyat
jelata yang ramai.

Ada-lah menjadi kewajipan Kerajaan yang berkuasa menghalalkan matalamat pelajaran-nya supaya wujud-lah peluang2 bagi sebanyak2 ilmu pengetahuan dan kemahiran, dan Kerajaan hendak-lah menyediakan suatu dasar pelajaran yang dapat memelihara keperibadian umat dan unsur2 keutuhan-nya, dan dasar pelajaran tersebut hendak-lah memberi peluang yang cukup untuk kesempurnaan keperibadian di-kalangan angkatan muda dan dapat pula menjamin tercapainya matalamat yang sama bagi semua peringkat umat dan golongan-nya.

(b) Mewajibkan berbuat kebaikan dan menegahkan segala kejahanatan

Tuhan berfirman:

وَلَا تُكْنِنُ مِنْكُمْ أَمْةً يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ ()
وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ ()

Erti-nya:

(Hendak-lah ada di-antara kamu suatu pehak yang menyeru ka-arah kebaikan, menyuruh berbuat kebaikan dan menegah dari berbuat kejahanatan) Tugas Ugama Islam dalam soal ini ia-lah mengingatkan pemelok-nya bahawa ia-nya ada-lah bertanggong-jawab di-hadapan Allah, menegohkan keinsafan batin yang tidak dapat di-wujudkan oleh kekuasaan undang2 biasa. Hal ini memerlukan semua alat negara - radio, akhbar,

perchetakan dan wayang2 gambar - menarek manusia ka-arah kahidupan yang bersih mengikut bagai-mana yang di-kehendaki oleh Shari'at Tuhan dan yang di-kehendaki oleh satiap ugama di-muka bumi.

(c) Menggubal hukum2 jenayah:

Ugama Islam tidak membiarkan keperchayaan akidah dan akhlak manusia itu bergelura di-dalam 'alam ingatan dan hati sahaja tetapi di-kawal-nya juga perbuatan2-nya yang berlaku menerusi anggota tuboh badan, dan dalam hal ini Ugama Islam menggubal undang2 jinayah dan balasan2 yang setimpal dengan-nya. Undang2 ini amat mustahak untuk mengusir segala kesalahan perbuatan manusia terutama kesalahan2 yang sukar di-kawal oleh perasaan dan jiwa sahaja seperti perbuatan zina, menchuri, menyamun, membunuh, me-nderhaka terhadap Kerajaan yang sah, raswah, minum arak dan sabagai-nya.

Di-rata2 di-dalam Kitab Qura'an terdapat firm-an2 Tuhan menyeru manusia ka-arah kebaikan dan mlarang-nya dari berbuat kejahatan. dan di-samping itu baharu-lah Qura'an menegaskan hukum2 yang tertentu terhadap kesalahan2 yang tertentu terutama kesalahan2 yang bukan sahaja di-pandang dari segi hubungan manusia dengan Tuhan tetapi juga dari segi hubongan manusia dengan masharifik-nya sendiri. Perhatikan-lah hukuman "potong tangan" terhadap penchuri, pada sapintas lalu kita terasa hukuman itu amat keras tetapi jika kita merenong dengan dalam-dalam neschaya kita akan menyedari bahawa di-dalam sa-sebuah masharifik yang memberi jaminan kapada anggota2-nya tidak di-biar hidup dalam kebuloran dan keperluan hidup neschaya perbuatan menchuri hak orang lain itu mestilah di-kenakan hukuman yang setimpal dengan-nya. Baik juga di-terangkan sadiket sabanyak dari-hal kesalahan churi ini supaya orang tidak tersusul lalu tersalah faham terhadap hukum Islam.

- (a) *Masharifikat Islam memberi jaminan sosial*
- (b) *Kesalahan menchuri mempunyai rukun2-sahingga ia di-balas dengan balasan "potong tangan".*
- (c) *Kodar yang tertentu, tidak kesamoraan tidak terpaksa, waras akal - ada-lah antara rukun2 yang boleh membawa kesejahteraan pada "potong tangan". Sa-orang pengembara menchuri sa-buku roti untuk di-beri kapasiti anak kecil-nya yang sedang menangis oleh kelaparan dan ia sendiri sudah sahari sunting belum merasa sa-suap makanan mana-kala itu pula terdedah di-tepi jalan belakang tanah kawalan dan buku roti itu pun berharga 5 sen sahaja, maka kesalahan churi yang sa-perti ini bukan-lah mesti membawa kapada balasan potong tangan, Ugama Islam bukan-lah ugama "membunuh manusia" tetapi ia-nya Ugar untuk kebaikan dan faedah manusia.*

Sabenar-nya "potong tangan" terhadap penchurian itu amat-lah berguna bagi menggerunkan orang2 la daripada membuat kejahanan demi ketenteraman masyarakat, tetapi dalam pada itu pun sejak zaman Rasulullah hingga akhir zaman Khalifah Al-Rashidin, hanya berlaku enam kali sahaja balasan "potongan tangan" terhadap penchuri satelah di-dapatci mereka-itu benar-jahat dan merbahaya kepada masharifikat.

2. Membentok Keluarga - Rumah-tangga:

Dalam menuju ka-arah pembentukan masharifikat satelah memulakan usaha-nya terhadap orang persaraongan, Ugama Islam menghalalkan pula "peratoran-nya" kepada pembentukan keluarga rumah-tangga yang sehat dan bersih, kerana keluar rumah-tangga-lah itu sa-benar-nya permulaan bagi pembentukan masharifikat manusia. Lelaki dengan perempuan itu-lah punchak wujud-nya keluarga rumah tangga. Dalam hal ini Uga-

ma Islam tidak melarang pemelok2-nya bernikah-kahwin dan Ugama Islam tidak tahu-menahu dengan apa yang di-sebut "Keperibadian" yang konon-nya ahli2 ugama itu jangan berkahwin dan jangan merasai nikmat hidup berkelamin. Bagi Ugama Islam, langkah menegah manusia daripada berkahwin ada-lah suatu perbuatan yang berlawan dengan tabi'e kejadian manusia itu sendiri.

Rasulullah bersabeda : (أَنْمَى النِّسَاءَ شَتَّاقِ الرِّجَالِ)

erti-nya:

(Wanita2 itu bahagian bagi lelaki) Di atas pengertian ini-lah Ugama Islam mengadakan "Peratoran' perkahwinan untuk mendirikan rumah-tangga yang berseh, dan Islam memandang hubongan2 jenis antara lelaki dengan perempuan dengan chara yang bukan perkahwinan ada-lah suatu perbuatan yang membawa kepada keruntuhhn keluarga dan juga merusakkan masyarakat .

Ugama Islam juga menghendaki keluarga yang sah itu berjalan di-dalam batas2 yang mulia, ia-itu dengan pengertian bersama2 bertanggong-jawab dan masing2 suami dan isteri itu mempunyai hak yang sama walau pun berlainan tugas. Tuhan berfirman:

(وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرْجَةً)

erti-nya:

(Dan bagi isteri2 itu hak yang sama dengan ke-wajipan-nya dan suami itu mempunyai suatu darat melebihi mereka itu.) Darat ini ia-lah darat "pendtdiran rumah-tangga" kerana tanpa "tugas khas" seperti itu mana2 "sharikat" atau perkongsian tentu-lah tidak dapat berjalan dengan terator dan lichin, dan sharikat atau perkongsian "kelamin" itu ada-lah sabaik2

sharikat dan ia-nya memerlukan "Peratoan" yang kemas dan adil.

Bagi mendidik rumah tangga yang suci untuk mewujudkan keluarga yang suci yang mempunyai suri dan ibu yang suci lagi bertanggong-jawab, Ugama Islam mengadakan beberapa dasar pokok di-autara-nya:

(a) Hak bakal suami memilih bakal isteri-nya; dan degilu juga hak bakal isteri memilih bakal suami-nya. Rasulullah sendiri memberi wasiat kepada Al-Mughirah bin Sh'abah supaya melihat dengan mata kasar akan tunang-nya supaya dengan demikian dapat-lah ia berpuas hati sama ada tunang-nya itu benar-benar layak atau sesuai bagi-nya. Dalam suatu kejadian yang lain pula, Rasulullah sendiri memerentahkan supaya di-botalkan (fasakh) akad bahwin yang sudah berlaku apabila sa-orang gadis mengadu yang ayah-nya telah mengahwinkan-nya kepada sa-orang lelaki yang ia sendiri tidak rela menrimo-nya sebagai suami, pada hal ayah-nya tidak pun berunding atau meminta' sifiran-nya terlebeh dahulu.

(b) Dasar bermesruarat di-antara suami dengan isteri dalam menguruskan hal rumah-tangga. Ugama Islam menyuruh suami berunding dengan isteri-nya tentang bagai mana hendak merentikan penyuhan anak mereka. Jika dalam hal yang begini pun mereka itu di-suruh berunding maka tentu-lah lebih utama bagi mereka berunding mengenai urusan rumah-tangga ketika mereka masih berkongsi hidup.

Tetapi kita jangan-lah pula terlupa bahawa dasar samorata tentang hak di-antara suami dengan isteri itu jangan-lah di-anggap "sama rata" yang mutlak dengan tidak mengiraukan perbedaan tentang "kebolehan" dan "sifat2 khas" yang ada pada jenis wanita dan jenis lelaki. Ramai orang memekek-mekek menuntut "hak sama rata" di-antra jenis lelaki

dengan jenjang perempuan; hal ini ia-lah kerana ada masyarakat yang mengongkong kaum wanita sahingga mereka itu di-anggap separuh manusia dalam hak asasi-nya; dan akibat dari pekekan ini banyak masyarakat telah terlanjur tetapi masih juga belum dapat memastikan batas asasi dalam persamaan yang di-pekekkan-nya itu; malah banyak masyarakat telah terlanjur lebeh jauh drgi itu sehingga mereka sendiri tidak mengerti sempadan Uggama Islam memandang lelaki dan perempuan itu mempunyai merabat yang sama sebagai seorang manusia tetapi i masing2-nya mempunyai tugas dan sifat pang khas yang menimbulkan pembahagian tugas dan tanggung jawab. Mereka ada-lah sama pada martabat tetapi berlainan tugas dan berlainan pula kelayakan untuk menghadapi persoalan hidup.

Tersilap pentafsiran tentang pengertian "tama rata" ini telah membawa manusia kepada pergaulan yang bebas di-antara kaum lelaki dengan kaum wanita terutama di-dalam masyarakat moden zaman sekarang; dan akibat-nya timbol-lah berbagai "falsafah" gerak geri dari kedua-dua pihak untuk menawan hati masing2. Akibat dari itu berlaku-lah pergaulan bebas dalam mana si lelaki hilang "kelakian-nya" dan si perempuan juga terdedah sifat2 lemah lembut atau sifat "keperempuanan" yang di-anugerah oleh Tuhan sejak ia-nya wujud di-alam ini.

Sa-benar-nya, falsafah menyama-tarafkan perempuan dengan lelaki dengan chara dan pengertian yang tidak terbatas seperti itu sudah tentu akan membawa kepada perasaan shak oleh isteri terhadap suami-nya dan juga oleh suami terhadap isteri-nya, pada hal sikap perchaya memperchayai dan saling merasai amanah itu-lah kunchi bagi segala ketenteraman jiwa di-dalam rumah-tangga .

Dan bagi mengawal segala gejala burok itu supaya jangan berlaku di-kalangan jenis lelaki dan

perempuan maka Ugama Islam menyuruh manusia memelihara supan santun dengan jalan peraturan pakaian adab menziarah rumah orang, adab menuntun di-tempat2 khalayak ramai, batas2 perbualan lelaki dengan wanita, dan apa tahi lagi adab menyimpan rahsia suami-isteri .

Dalam Ugama Islam, si suami berkewajipan menchari nafkah hidup untuk rumah-tangga akan tetapi Islam memberi hak si isteri itu memiliki harta atas namanya sendiri malah ia juga di-beri hak melaksanad harta-nya dengan bebas. Miskipun urusan2 luar rumah itu menjadi tanggungan suami dan tidak tanggungan isteri namun dalam masaalah2 besar yang menimpa masharifikat maka kedua2 suami dan isteri itu berhak memberi perkhidmatan mereka. Sa-orang wanita bernama Ummu 'Atiyah dari suku Anaar (Puak Ansar di-Madinah) berkata: "Aku sendiri pernah turut serta dalam peperangan bersama pasukan Rasulullah banyak tujuh kali; aku menulung mereka mengangkat barang ketika berpindah dari satu tempat kasatu tempat, aku menyedia makanan, aku merawati orang2 yang cedera dan aku menjaga mereka yang demam dan uzur .

Nyata-lah bahawa Ugama Islam itu tidak mengurong kaum wanita di-cherok dapur sahaja tetapi dibenarkan-nya mereka keluar tetapi dengan syarat mendapat izin suami dan dengan batas2 yang mulia; kerana keizinan suami amat-lah mustahak untuk menjaga ketenteraman rumah-tangga. Sakira-nya Negara Islam di-serang oleh musoh luar, maka ahli2 Hukum dalam Islam menyatakan bahawa seluruh umat Islam tidak kirai lelaki atau perempuan berhak keluar dari rumah untuk mempertahankan kampung halaman mereka dan kehormatan masharifikat mereka sendiri .

3. Perembangan Masharifikat:

Ugama Islam menghendaki supaya wujud masharifikat yang adil dan tenteram; oleh itu ia-nya memberi

suatu peratoran yang di-sebut peratoran "Perimbangan Masharifikat" untuk menjaga orang2 yang kurang berdaya dalam usaha menchari nafkah hidup. Banyak orang tersilap faham lalu menyangka bahawa "Zakat" itu-sah asas bagi perimbangan masharifikat dalam Islam dan zakat itu-sah merupakan dasar yang tunggal bagi menulong orang2 yang kurang mampu, akan tetapi mereka juga menyangka "Zakat" itu hanya sebagai "Sadekah" sahaja dan bukan "Kewajipan".

Mengulas "Zakat" dari segi Perimbangan Masharifikat tidak akan selesai jika tidak di-beri terlebih dahulu gambaran umum tentang apa yang di-maksudkan dari Peratoran Perimbangan masharifikat seperti yang di-tentukan oleh Islam sendiri.

Peratoran "Perimbangan Masharifikat" di-dalam Ugama Islam ia-lah suatu Peratoran Masharifikat yang lengkap mengandungi segala erti yang di-kehendaki bagi maksud itu, ia-nya bukanlah sakadar memberi pertulongan wang ringgit atau pertulongan yang bersifat kebendaan sahaja, tetapi ia-nya hanya-lah salah satu sudut sahaja dari sudut2 Peratoran tersebut. Gambaran lengkas yang dapat di-beri berkenaan apa yang di-katakan "Perimbangan Masharifikat" di-dalam Ugama Islam itu ia-lah:

(a) Ugama Islam memulakan peratoran "Perimbangan Masharifikat-nya" sejak dari titik tanggong-jawab manusia terhadap diri-nya sendiri, manusia itu meskipun bertanggong-jawab terhadap diri-nya di hadapan Tuhan, ia mesti-lah memberi kapada diri-nya nikmat2 Tuhan yang halal dan bersih dan mengilangkan nya dari barang2 yang haram dan yang kotor, ia mesti memberi kapada diri-nya hak bekerja dan juga hak berehat, ia tidak boleh membiarkan diri-nya merana tanpa usaha lalu menderita di-dalam kepapaan dan kesukaran.

Ini bererti Ugama Islam itu memulakan "Perat-

"Orangnya" dari dalam jiwa manusia itu sendiri, dasar yang seperti ini amatlah berguna bagi mendidik manusia mengerti tanggong-jawab, mempunyai maru dan kemahuain. Kebebasan di-samping perasaan tanggong-jawab ada-lah merupakan asas mutlak bagi martabat sa-saorang manusia. Pada suatu segi "perimbangan" yang seperti itu kelebihan berbentuk urusan peribadi akan tetapi jika di-tinjau lebih jauh maka nyata-lah asas tersebut seperti itu-lah kelak dapat menyediakan manusia ka-arah ka-hidupan masharakat yang lebih luas dan lebuh bersimpang-sior. Pendjdekan awal seperti ini amat besar faedah-nya bagi gerak-geri dan supan santun manusia sebagai orang persaorangan dan juga sebagai anggota di-dalam sa-sebuah masharakat.

(b) Dari titik orang persaorangan dan hati sanubari-nya itu, Ugama Islam membawa-nya pula menuju ka-arah masharakat rumah-tangga ia itu masharakat terkecil yang menjadi asas bagi segala masharakat yang lebuh luas kelak, dalam pengertian rumah-tangga ini Ugama Islam menentukan perimbangan tugas dan hal di-antara suami dan isteri terhadap tanggongan masing-masing. Jika satiap keluarga rumah-tangga itu sehat berseh, berjiwa dinamis untuk berusaha maka akan kurang-lah bebanan negara menanggong segala kepri-chikan yang sentiasa timbul di-kalangan ta'ayat jelata-nya.

(c) Dari peringkat rumah-tangga, Ugama Islam membawa pula manusia masuk ka-dalam gelanggang hidup bermasharakat, dan dalam gelanggang ini kita dapat "Perimbangan Masharakat" yang di-ator olehnya itu bukan-lah terhenti sakadar pertulungan wang ringgit dan ekonomi sahaja, tetapi perotoran-nya itu lebuh jauh meliputi segala sudut penghidupan.

Menurut Ugama Islam, satiap orang hendak-lah membuat kerja-nya sendiri dengan chekap dan baik, kerana hasil dari perbuatan sendiri-nya itu akan merupakan modal yang sehat bagi masharakat seluoroh-nya, ia di-

kelebihan menjauhkan diri dari segala kesialan serta berani memberi nasehat kepada orang lain supaya jangan berbuat jahat, dan hasil dari itu amat-lah besar faedahnya bagi ketenteraman masyarakat, ia di-kehendaki supaya menghormati hak2 orang lain serta menu-long mengawal hak2 masyarakat dan hasilnya itu amat-lah berguna bagi keselamatan masyarakat sejatinya.

Ugama Islam melarang manusia memberikan diri hidup menganggor, Tuhan berfirman : (وَقُلْ أَعْمَلُوا) (قول : اعملوا)
Erti-nya : (Dan katakanlah : bekerja-lah) dan Rasulullah pula menegaskan dalam sabeda-nya :

(وَالَّذِي نَفْسِي بِيدهِ لَا نَنْبَأُ أَحَدًا كُمْ حِيلَةٌ فِي ذَهَبِهِ)
(إِلَى الْجَيْلِ فَيَحْتَطِبُ ثُمَّ يَأْتِي بِهِ فِي جَمِيلٍ عَلَى ظَهُورِهِ فِي أَكْلِ)
(خَيْرٌ لِمَنْ أَنْ يَأْلَمُ النَّاسَ - البخاري)

Erti-nya :

(Demi Tuhan yang diri-ku di-dalam gengamannya, hendak-lah sa-saorang kamu itu membawa tali-nya lalu pergi ke-hutan memotong kayu api kemudian membawa-nya di atas belakang-nya dan dengan itu ia mendapat makanan ada-lah lebuh baik daripada ia meminta' sadekah dari orang ramai -) dan Rasulullah lebuh jauh lagi menyuruh umat-nya berbakti kepada masyarakat ketika beliau bersabeda :

(خَيْرُ النَّاسِ أَنْ شَعِمُهُمْ لِلنَّاسِ)

Erti-nya :
(Sabaik2 orang ia-lah orang yang banyak manfaat-nya kepada orang ramai .)

Bagi pehak Pemerintah pula, Kerajaan hendak-lah menyediakan peluang2 bekerja kepada rakyat jelata

terutama bagi orang2 yang mempunyai kebolehan dan kelayakan supaya dengan demikian mereka tidak hidup dalam keadaan mengganggor dan masharifik pula dapat menikmati hasil kebolehan mereka. Kaum buruh amatlah berguna bagi menulung memajukan masharifik dengan tenaga dan kebolehan mereka; dan Rasulullah sendiri menegaskan berkali2:

(ثلاثة أنا حفهم يوم القيمة رجل استأجره أجيرا)
(فاستوفى منه ولم يعطه أجرا - ابن ماجه)

erti-nya:

(Ada tiga orang yang aku sendiri menjadi seterunya pada Hari Qiamat kelak:..... - salah saorang-nya - ia-lah orang yang mengupah orang lain dan orang lain itu telah pun menunaikan kewajipan-nya dengan baik tetapi si yang mengupah itu tidak memberikan kapada nya upah-nya yang sapatut).

Ugama Islam dan Rasul-nya memberi dasar dan asas, dan umat manusia-lah yang wajib melaksanakan semua-nya dari suatu masa sambil memperhitungkan pula segala perubahan dan perkembangan yang mendatang menerusi peredaran zaman. "Seteru" Tuhan yang paling jahat ia-lah seteru terhadap dasar dan peraturan yang di-sediakan oleh Allah untuk faedah makhluk-Nya di-bumi ini.

(d) Menurut Peraturan Ugama Islam, sa-saorang buruh itu wajib bersunggoh2 dalam menunaikan tugas-nya dan di-samping itu ia mempunyai hak yang tidak boleh di-chabar untuk mendapat tempat kediaman yang menambah dengan martabat-nya sebagai sa-orang manusia supaya ia dapat berlindung dari kepanasan mata-hari, dari kesejukan udara dan hujan, dan juga dari mata orang ramai yang berlalu lintas di-hadapan-nya; ia juga berhak mendapat paka-

ian yang menasabah untuk menutup urat-nya, berselimut di-waktu malam dan menutup badan ketika sakit. Ia juga berhak mendapat makanan yang boleh mempertahankan hidup-nya dari kelaparan dan kebuluran; berhak mendapat rawatan ketika sakit; berhak mendapat alat keindaraan yang menasabah untuk pergi bekerja apatah alat2 yang mustahak bagi membuat pekerjaan-nya .

Jika ia sudah mampu dan mempunyai keinginan hendak mendirikan rumah-tangga maka wajib-lah ditatas Kerajaan menulong-nya supaya ia juga berpeluang menikmati kelazatan tabi'e kemanusiaan-nya supaya dengan demikian akan terkawal-lah nafsu kejentinaannya dan tidak-lah ia terchebor kadalam lembah kekurang-ajaran perangai dan akhlak yang kotor. Rasulullah bersabda :

- (من ولی لذا عملا وليس له منزل فليتخدم منزلًا . أو ليس له)
(زوجة فليتزوج، او ليس له خادم فليتخدم خادماً، او ليس له)
(دابة فليتخدم دابة - أبو داود .)

Erti-nya:

Barang siapa di-tugaskan membuat sa-suatu perkerjaan bagi kami dan ia-nya tidak mempunyai tempat kediaman maka hendak-lah ia di-beri tempat kediaman atau pun ia belum beristeri hendak-lah ia berkahwin, atau jika tidak mempunyai buroh yang menulong-nya maka hendak-lah ia di-beri buroh itu, atau jika ia tidak mempunyai kinderaan maka hendak-lah di-beri kinderaan kepada-nya) .

Rasulullah bersabda:

- (اخوانكم خولكم فمن كان أخوه تحت يده فليطعمه ما يطعمه)

وَيَابِسٌ وَلَا يَكُلُّهُ مِنَ الْمَعْدُلِ مَا لَا يَطْعَمُ فَإِذَا كَانَتْ مَوْهِسْمٍ)
- مُنْفَقٌ عَلَيْهِ)

Erti·nya:

(Saudara2 kamu itu-lah menjadi khadam2 kamu oleh itu barang siapa memakai khadam hendak-lah memberi makanan kapada-nya dari apa yang ia sendiri memakan-nya; dan hendak-lah ia memberi pakaian kapada-nya dari apa yang ia sendiri memakai-nya; dan jangan-lah ia menyiroh-nya membuat pekerja'an yan khadam itu tidak berdaya; dan jika kamu meyuroh mereka-itu lebih dari kemampuan mereka maka hendak-lah kamu pula menulung mereka-itu) .

(e) Ada pun orang2 yang tidak berdaya membuat pekerjaan, atau mereka yang tidak mendapat pekerjaan, atau mereka yang pendapatan-nya tidak men-chukopi, maka orang2 saperti itu-lah yang berhak mendapat bantuan datipada "Zakat". Ugama Islam memandang zakat itu sebagai salah satu dari dasar2 Perembangan masharifikat"; oleh itu zakat bukan-lah merupakan suatu sadakah biasa yang ha-nya di-beri menurut perasaan sa-saorang saperti mereka memberi sadakah kepada pengemis2 di-tepi jalan, tetapi zakat hendak-lah di-pungut oleh Negara atau Kerajaan, dan jika masharifikat enggan menunaikan-nya maka Kerajaan berhak bertindak walau pun dengan chara kekerasan jika perlu. Rasulullah menerangkan dari hal zakat dengan sabda-nya :

(من أعطاهما مؤتمنا فله أجرها ومن منعها فلهم اخذوها)
(وشطر ما له عزمه من عزمات ربنا) - أبو عبيده

Erti·nya:

(Barang siapa memberi zakat dengan harapan

mendapat ganjaran maka ada bagi-nya itu; tetapi bantang siapa enggan menunaikan maka kami pasti mengambil-nya sebahagian yang tertentu dari harta milik nya itu ada-lah suatu hak dari hak2 Tuhan kami).

Ugama Islam menyuruh Pemerintah memungut zakat dan ia-nya hendak-lah di-belanjakan menurut kehendak dasar Petembangan Masharifikat; dan zakat itu hendak-lah di-urus menurut daerah tempat ia-nya di-pungut; jika zakat itu melebihi dari keperluan dearah itu maka baharu-lah Kerajaan mengembalikan-nya kepada Baitul-Mal untuk di-bahagikan2 kapada pihak2 yang berhak di-seluroh tanah ayer, dan dengan tidak pula terhad kapada kebajikan mana2 kaum tetapi zakat itu boleh di-beri kapada sa-siapa pun yang berhajat dengan tidak kira bangsa, warna kulit malah tidak juga menghiraukan apa jua ugama yang di-anuti oleh orang berhajat itu .

* * *

GAMBAR

<i>Y. T. M. Tungku</i>	-	-	-	6
<i>Abu Bakar Hamzah</i>	-	-	-	7
<i>Gambar2 dari buku "13 Mei" - Tungku</i>	-	-	-	8
<i>Gambar2 dari buku "13 Mei" - Tungku</i>	-	-	-	10
<i>Inche Abdul Rahman Talib</i>	-	-	-	15
<i>Y. T. M. Tungku Abdul Rahman</i>	-	-	-	21
<i>Y. T. M. Tungku Abdul Rahman</i>	-	-	-	24
<i>Dato' Abdul Rahman Ya'akub dengan Raja</i>				
<i>Faisal, 1968 bersama Abu Bakar Hamzah</i>				26
<i>Y. B. Tun Razak</i>	-	-	-	29
<i>Y. B. Tun Razak</i>	-	-	-	31
<i>Y. B. Tun Dr. Ismail</i>	-	-	-	41
<i>Y. B. Tun Dr. Ismail</i>	-	-	-	51
<i>Y. B. Tun Dr. Ismail</i>	-	-	-	61
<i>Y. B. Tun Tan Siew Sin</i>	-	-	-	66
<i>Inche Senu Abdul Rahman</i>	-	-	-	83
<i>Y. A. B. Dato' Mohd. Asri</i>	-	-	-	87
<i>Y. T. M. Tungku Abdul Rahman</i>	-	-	-	89
<i>Inche Abdul Samad Gul</i>	-	-	-	92
<i>Y. B. Inche Ahmad Arshad</i>	-	-	-	96
<i>Ustaz Othman Abdullah</i>	-	-	-	98
<i>Y. M. Dr. Mahdzir</i>	-	-	-	101
<i>Y. B. Tun Razak</i>	-	-	-	104
<i>Y. B. Tun Sambanthan</i>	-	-	-	110
<i>Y. B. Tan Sri Ghazali Shafie</i>	-	-	-	314
<i>Y. T. M. Tungku Abdul Rahman</i>	-	-	-	140
<i>Y. B. Dato' Harun Idris</i>	-	-	-	163
<i>Y. B. Ahmad Arshad</i>	-	-	-	205
<i>Y. B. Inche Khaw Kai-Boh dengan Ustaz</i>				
<i>Abu Bakar Hamzah</i>	-	-	-	209

MEMBETUL KESILAPAN

<i>Muka Baris</i>	<i>Salah</i>	<i>Betul</i>
5	1 والبحر	والبحر
15	5 Tahun 1969	tahun 1959
140	atas di-karam	di-karang
151	18 بزيع	بزيع
183	18 di-laksanakan	di-laksanakan Shariat Ke-Islaman
194	2 كثيراً	كثيراً، ولينصرن الله من ينصره، ان الله لقوى عز بز

Selain dari itu ada lagi kesilapan chetak atau tertajatoh huruf; tetapi semua-nya tidak-lah di-anggap sa-bagai mengelirukan tujuan; walau bagaimana pun pehak penerbit meminta' ma'af dan men-guchap terima kaseh atas kerjasama para pembachha yang budiman .

26 NOV 1980